

BAB EMPAT

PENGARUH *MANHAJ DAKWAH AL-SAKANDARIY*

4.1 PENGENALAN

Setelah dibentangkan pada bab ketiga kajian berkenaan *manhaj* dakwah al-Saykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy, bab keempat ini akan membincarakan tentang pengaruh *manhaj* dakwah beliau di Malaysia. Walaupun pengaruh al-Saykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy telah lama bertapak di negeri kelahirannya, Mesir dan negara-negara Islam yang lain, namun kajian ini hanya akan memfokuskan pengaruh beliau di Malaysia sahaja. Untuk tujuan penyelidikan tentang pengaruh *manhaj* dakwah al-Saykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy ini, maka kajian akan dilakukan terhadap kitab-kitab karangan beliau yang menjadi sumber kepada garapan *manhaj* dakwah beliau itu sendiri, seterusnya mengkaji pelaksanaan *manhaj* itu secara amali menerusi amalan tarekat *Syādhiliyyah* yang merupakan medium dakwahnya yang terbesar selepas kitab-kitab dan majlis ilmu yang diadakan sepanjang hayatnya. Justeru, penyelidikan tentang pengaruh *manhaj* dakwah al-Saykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy ini akan dikaji secara terfokus dari dua sudut utama yang menunjangi pengaruh *manhaj* dakwah dan kemasyhuran beliau.

Pertamanya, mengkaji pengaruh kitab *al-Hikam* atau yang lebih dikenali sebagai *al-Hikam al-‘Atā’iyyah* untuk melihat bagaimana kitab ini mampu

memperluaskan pengaruh *manhaj* dakwah yang digarap oleh al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy dalam kitab ini. Pengaruh kitab *al-Hikam* harus dikaji memandangkan bahawa segala *manhaj* dakwah al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy yang telah dibincangkan dalam bab ketiga adalah sebahagian besarnya bersumberkan kitab ini. Namun, ini bukan bererti hanya kitab *al-Hikam* sahaja yang mewarnai pengaruh *manhaj* dakwah al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy di Malaysia. Pengaruh kitabnya *Miftāh al-Falāh wa Miṣbāh al-Arwāh fi Dhikr Allāh al-Karīm al-Fattāh* juga mempengaruhi pemikiran dakwahnya di Malaysia menerusi Syaykh Tuk Pulau Manis (w1149H/1736M). Tuk Pulau Manis mempunyai sebuah karya berjudul *Kayfiyyat al-Niyyah* yang membicarakan soal yang bersangkut dengan fiqh dan tasawwuf. Ia merupakan sebuah karya yang memetik dan menyaring karangan al-Syaykh Ibrāhīm al-Kūrāniy yang pernah menjadi gurunya. Karangan al-Syaykh Ibrāhīm ini setengahnya pula dipetik secara langsung dari karya agung al-Imām al-Ghazzāliy umpamanya dari kitab ketujuh *Rub‘ al-Munjiyāt* dari kitab *Iḥyā‘ Ulūm al-Dīn* dan juga petikan daripada karangan al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy yang berjudul *Miftāh al-Falāh*.⁹⁹⁵

Begitu juga dengan sebuah lagi karya al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy yang berjudul *Tāj al-‘Arūs al-Ḥāwī li-Tahdhīb al-Nuṣūs* yang telah diusahakan terjemahannya oleh al-Syaykh ‘Uthmān al-Funtiyāniy ibn Haji Syihāb al-Dīn al-Banjāriy dan telah ditarjihkan oleh gurunya al-Syaykh ‘Abd al-Qādir

⁹⁹⁵ Shafie bin Abu Bakar (1976/1977), “Institusi Shaykh ‘Abdu'l-Malik Bin ‘Abdullah (Satu Corak Pengajaran Tradisi di Terengganu) dan Kitab-kitab Padanya” (Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi), h. 117-118.

ibn ‘Abd al-Rahmān al-Faṭāniy.⁵⁹⁶ Karya terjemahan ini telah diselesaikan pada tahun 1304H dan telah dicetak beberapa kali oleh beberapa percetakan termasuklah cetakan yang diusahakan oleh percetakan Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābiy al-Ḥalabiyy di Mesir pada tahun 1358H/1939M.⁵⁹⁷ Cetakan mutakhir juga banyak diusahakan termasuklah percetakan Sulaymān Mar‘iy, Singapura-Malaya dan Maṭba‘ah Dār al-Ṭibā‘ah al-Miṣriyyah, Mesir.⁵⁹⁸

Selain kitab *Miftāḥ al-Falāḥ wa Miṣbāḥ al-Arwāḥ fī Dhikr Allāh al-Karīm al-Fattāḥ* dan *Tāj al-’Arūs al-Ḥāwī li-Tahdhīb al-Nuṣūs* yang menyumbangkan penyebaran pengaruh *manhaj* dakwah al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy di Nusantara umumnya dan Malaysia khususnya, terdapat sebuah lagi karya al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy yang berjudul *al-Tanwīr fī Isqāt al-Tadbīr* yang tersebar dalam masyarakat Islam Nusantara. Karya ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dengan judul *Tanwīr al-Qulūb fī Isqāt Tadbīr al-’Uyūb* juga oleh al-Syaykh ‘Uthmān al-Funtiyāniy ibn Haji Syihāb al-Dīn al-Banjāriy. Karya terjemahan ini telah diselesaikan pada tahun 1311H dan telah dicetak beberapa kali oleh percetakan *Maṭba‘ah al-Miṣriyyah* di Mekah pada 1311H dan percetakan *Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābiy al-Ḥalabiyy* di Mesir pada tahun 1343H dan tahun 1353H/1934M. Cetakan mutakhir ditashīḥkan oleh al-Syaykh ‘Abd Allāh ibn Ibrāhīm Kedah dan terdapat juga *taṣhīḥ* al-Syaykh Muḥammad Idrīs al-

⁵⁹⁶ Lihat al-Sakandariy (t.th.), *Tāj al-’Arūs*, terjemahan al-Syaykh ‘Uthmān al-Funtiyāniy ibn Haji Syihāb al-Dīn al-Banjāriy, Singapura-Malaya: Sulaymān Mar‘iy dan Mesir: Maṭba‘ah Dār al-Ṭibā‘ah al-Miṣriyyah.

⁵⁹⁷ Saghir, “Mengenali Pelbagai Karya Ulama dan Tokoh Borneo / Kalimantan”, (Kertas kerja yang dibentangkan pada Nadwah Ulama Nusantara II, Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo, anjuran Kerajaan Negeri Sarawak dan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 14-15 Julai, 2003M / 14-15 Jamad al-Awal 1424H), h. 16.

⁵⁹⁸ Lihat al-Sakandariy (t.th.), *Tāj al-’Arūs*, op. cit.

Marbawiy al-Azhariy. Kitab ini juga masih kekalkan diajarkan di beberapa buah pondok pengajian tradisional di Malaysia.⁵⁹⁹

Ini bererti pengaruh *manhaj* dakwah al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy menerusi kitab *Miftāh al-Falāh* telah wujud di Malaysia sejak zaman al-Syaykh ‘Abd al-Malik bin ‘Abd Allāh sekitar tahun 1089H/1676M-1149H/1736M), juga menerusi kitab *Tāj al-‘Arūs al-Ḥāwi li-Tahdhīb al-Nuṣūs* sejak tahun 1304H dan kitab *al-Tanwīr fī Isqāt al-Tadbīr* sejak tahun 1311H, iaitu pada zaman al-Syaykh ‘Uthmān al-Funtiyāniy ibn Haji Syihāb al-Dīn al-Banjāriy. Demikian juga dapat dianggap bahawa naskhah bahasa Arab kitab *Tāj al-‘Arūs* paling awal telah dibaca oleh orang Melayu sejak zaman al-Syaykh ‘Abd al-Qādir ibn ‘Abd al-Rahmān al-Faṭāniy lagi. Ini berdasarkan kepada peranan al-Syaykh ‘Abd al-Qādir ibn ‘Abd al-Rahmān al-Faṭāniy sebagai *pentaṣhiḥ* kepada terjemahan kitab tersebut.

Walaupun terdapat sekurang-kurangnya empat buah karya al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan digunakan di institusi pengajian tradisional di Nusantara, namun, kajian ini hanya ingin meninjau pengaruh *manhaj* dakwah beliau menerusi kitabnya *al-Hikam* sahaja kerana kitab inilah yang lebih banyak tersebar di Malaysia, di samping kesukaran untuk menelusuri pengajian kitab *Tāj al-‘Arūs* dan *Tanwīr al-Qulūb fī Isqāt Tadbīr al-‘Uyūb* dalam masyarakat Melayu sekarang.

Keduanya, kajian ini akan meneliti pengaruh *manhaj* dakwah al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy menerusi penyebaran tarekat *Syādhiliyyah*. Kajian tentang tarekat *Syādhiliyyah* ini juga dianggap perlu kerana segala *manhaj*

⁵⁹⁹ Saghir, *Mengenali Pelbagai Karya Ulama dan Tokoh Borneo / Kalimantan*, h. 16.

dakwah yang telah dibincangkan dalam bab yang lalu telah dilaksanakan atau diaplikasikan secara amali menerusi amalan-amalan tarekat *Syādhiliyyah* yang merupakan medium dakwah beliau yang sangat berjaya. Sebenarnya kajian tentang kitab *al-Hikam* dan tarekat *Syādhiliyyah* tidak dapat dipisahkan kerana kandungan kitab *al-Hikam* merupakan doktrin utama pengajaran tasawwuf tarekat *Syādhiliyyah*. Justeru, sesiapa yang ingin memahami perjalanan tarekat *Syādhiliyyah* maka hendaklah dia mengkaji kitab *al-Hikam* dan barangsiapa yang ingin memahami isi kandungan kitab *al-Hikam* maka dia hendaklah melihat tarekat *Syādhiliyyah* kerana ia adalah pelaksanaan amali terhadap doktrin *al-Hikam*.

Kewujudan pengaruh al-Saykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy dalam kehidupan umat Islam di Malaysia disedari secara umum, namun tidak diketahui secara tepat tentang sejauh manakah dan sebesar manakah pengaruh tersebut bertapak di negara ini. Adalah diharapkan, kajian dan penyelidikan terhadap kedua-dua perkara besar ini; kitab *al-Hikam* dan tarekat *Syādhiliyyah*, pengaruh *manhaj* dakwah al-Saykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy di negara ini dapat diketahui dan dapat memberikan gambaran yang lebih jelas tentang betapa pengaruhnya itu wujud di Malaysia sama ada secara langsung atau secara tidak langsung dalam kehidupan umat Islam di Malaysia, terutamanya dalam kehidupan kerohanian. Untuk tujuan tersebut, kajian ini akan membincarakan tentang kitab *al-Hikam* dalam fasal satu dan perbicaraan tentang tarekat *Syādhiliyyah* dalam fasal kedua. Dalam fasal satu ini, akan dibincarakan sedikit tentang pengenalan tentang kitab *al-Hikam*, kitab-kitab *syurūh al-Hikam*, isi kandungan kitab *al-Hikam* dan kitab *al-Hikam* dalam bahasa Melayu seterusnya perbicaraan tentang pengaruh kitab *al-Hikam* di Malaysia. Dalam kesemua tajuk-tajuk kecil ini, perbincangan

akan cuba menonjolkan aspek pengaruh kitab *al-Hikam* secara terfokus agar dapat diketahui secara agak jelas tentang pengaruh *manhaj* dakwah al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy.

4.2 PENGARUH MANHAJ MENERUSI KITAB AL-HIKAM

4.2.1 Pengenalan Kitab *al-Hikam*

A. Kitab *al-Hikam*

Kitab *al-Hikam* adalah salah sebuah kitab karangan al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy dan secara mutlak ia bolehlah dianggap sebagai kitabnya yang paling masyhur dan berpengaruh. Ini adalah kerana kitab-kitab beliau yang lain walaupun dicetak berulang kali dan dikaji oleh ramai ulama terbilang, namun semuanya tidak dapat mengatasi kehebatan sambutan terhadap kitab *al-Hikam*. Kitab *al-Hikam* yang juga terkenal dengan nama *al-Hikam al-‘Atā’iyyah* ini telah mendapat perhatian ulama besar untuk dikaji, dihurai dan dikupas mengikut tahap kefahaman masing-masing. Tujuan kitab *al-Hikam* ini dijadikan fokus kajian ialah kerana sebahagian besar *manhaj* dakwah al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy diambil daripada kitab ini. Justeru kaitan antara kitab *al-Hikam* dengan *manhaj* dakwah beliau yang begitu erat, maka penelitian terhadap pengaruh *manhaj* dakwah al-Sakandariy mesti dikupas, dikaji dan diteliti menerusi kitab ini.

Al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy telah menulis kitab *al-Hikam* ini semasa gurunya al-Syaykh al-Mursiy masih hidup lagi. Adalah dinukilkan bahawa al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy apabila telah selesai mengarangnya, beliau telah menunjukkan kitab karangannya itu kepada gurunya al-Syaykh al-Mursiy lalu gurunya itu berkata: Wahai anakku. Engkau telah membawa dalam

karangan ini maksud-maksud *Iḥyā'* (beliau bermaksud *Iḥyā'* ‘Ulūm al-Dīn karangan al-Imām al-Ghazzāliy), malah ada tambahan lain pula.⁶⁰⁰

Dengan ini, gurunya al-Mursiy telah mengijazahkan karyanya itu dan memuji isi kandungannya yang dianggapnya sebagai mewakili semangat kandungan kitab *Iḥyā'* ‘Ulūm al-Dīn karangan *Hujjat al-Islām* al-Imām al-Ghazzāliy. Ini bermakna kitab *al-Hikam* telah ditulis oleh al-Syaykh Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandariy sebelum tahun 686H, iaitu tahun kewafatan gurunya al-Mursiy. Dengan ini, kitab *al-Hikam* tergolong dalam kategori hasil karya golongan pemuda.⁶⁰¹ Menurut al-Taftāzāniy,⁶⁰² sebagai mengukuhkan kenyataan bahawa kitab *al-Hikam* sebagai karya awal al-Syaykh Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandariy ialah bahawa ada beberapa tempiasan gaya dan isi kitab *al-Hikam* yang boleh didapati dalam karya-karyanya yang lain seperti dalam *al-Tanwīr fī Isqāt al-Tadbīr*,⁶⁰³ *Laṭā’if al-Minan fī Manāqib al-Syaykh Abī al-‘Abbās al-Mursiy wa Syaykhī hī al-Syādhiliy Abī al-Ḥasan*,⁶⁰⁴ *Tāj al-‘Arūs al-Ḥāwi li-Tahdhib al-nufūs*⁶⁰⁵ dan *‘Inwān al-Tawfiq fī Ādāb al-Tariq*.⁶⁰⁶

Al-Hikam al-‘Aṭā’iyyah adalah karangan tasawwuf yang terkenal di dalam pengajian tasawwuf Islam dan tersebar luas di merata negara Islam. Manuskripnya tersimpan di pelbagai perpustakaan di negara-negara Islam seperti di Baghdad, Rabat, Algier, Kaherah, Tarablus dan Istanbul. Manakala di luar

⁶⁰⁰ Hājī Khalīfah (1360H/1941M), *Kasyf al-Zunūn ‘an Asāmi’ al-Kutub wa al-Funūn*, Turki: Maṭba‘ah al-Ma‘arif al-Turkiyyah, j. 1, h. 675.

⁶⁰¹ Al-Taftāzāniy, *op. cit.*, h. 80.

⁶⁰² Al-Taftāzāniy, *ibid.*, h. 79.

⁶⁰³ Al-Sakandariy, *al-Tanwīr*, *op. cit.*, h. 48.

⁶⁰⁴ Al-Sakandariy, *Laṭā’if al-Minan*, *op. cit.*, h. 114.

⁶⁰⁵ Al-Sakandariy, *Tāj al-‘Arūs*, *op. cit.*, h. 49-50.

⁶⁰⁶ Al-Sakandariy, *‘Inwān al-Tawfiq*, *op. cit.*, h. 6.

negara Islam pula kedapatan di Berlin, Muzium British Escuriel, India Office, Paris dan Vienne.⁶⁰⁷ Manakala syarah dan terjemahan terhadap *al-Hikam al-'Atā'iyyah* di dalam bahasa Melayu pula terdapat di Indonesia⁶⁰⁸ dan Malaysia.⁶⁰⁹

Kemungkinan naskhah manuskrip matan *al-Hikam al-'Atā'iyyah* yang terdapat di Kaherah adalah paling banyak terutamanya di Perpustakaan Universiti al-Azhar (*al-Maktabāt al-Azhariyyah*), iaitu sebanyak 12 naskhah yang mencatatkan tarikh lengkap dan juga terdapat di Perpustakaan *Dār al-Kutub wa al-Wathā'iq al-Qawmiyyah*. Sementara manuskrip tanpa tarikh pula adalah sangat banyak dan tidak dinyatakan berapa bilangannya.⁶¹⁰

Pengaruh *al-Hikam al-'Atā'iyyah* di kalangan ulama al-Azhar adalah jelas sekali apabila diteliti tentang banyaknya naskhah manuskrip matan *al-Hikam al-'Atā'iyyah* yang terdapat di Perpustakaan Universiti al-Azhar di mana banyaknya bilangan naskhah membuktikan perhatian dan prihatin al-Azhar untuk mengkaji *al-Hikam al-'Atā'iyyah* dalam sistem pengajian al-Azhar sebagai buku teks kajian yang digunakan untuk pelajar-pelajar al-Azhar dalam subjek pendidikan dan akhlak. Keprihatinan ini kelihatan berlebih-lebihan pada dua kurun iaitu kurun ke-12 dan kurun ke-13 Hijrah di mana terdapat banyak sekali naskhah manuskrip matan *al-Hikam al-'Atā'iyyah* yang dihasilkan pada dua kurun Hijrah ini.⁶¹¹

Pengaruh *al-Hikam al-'Atā'iyyah* dalam sistem pengajian di al-Azhar juga boleh dikesan menerusi dokongan sekelompok ulama-ulama syariat dan fiqh yang

⁶⁰⁷ Shafie bin Abu Bakar (1990), *op.cit.*, h. xix.

⁶⁰⁸ Untuk maklumat di Indonesia, lihat Raymond LeRoy Archer (1937), *Muhammadan Mysticism In Sumatra*, JMBRAS, Part II, Vol. XV (September, 1937), h. 13. Lihat Shafie bin Abu Bakar, *op. cit.*, h. xix.

⁶⁰⁹ Shafie bin Abu Bakar (1990), *op.cit.*, h. xix.

⁶¹⁰ Lihat Khalaf Allāh, *op.cit.*, h. 97-98.

⁶¹¹ *Ibid.*, h. 97.

mengajarnya dan menghuraikannya dalam kuliah dan pengajian di al-Azhar. Antara mereka ialah al-Saykh Hasan al-Mudābighiy (w1170H),⁶¹² al-Saykh ‘Aliy al-‘Adawiy (w1189H),⁶¹³ al-Saykh Muḥammad ibn ‘Ubādah ibn Birriy al-‘Adawiy (w1193H),⁶¹⁴ *Syaykh al-Islām (al-Imām al-Akbar Syaykh al-Azhar)* al-Saykh ‘Abd Allāh al-Syarqāwiyy (w1227H),⁶¹⁵ al-Saykh ‘Abd al-Majid al-Syarnūbiyy (w1348H) dan lain-lain. Keadaan ini berterusan sehingga zaman mutakhir ini.⁶¹⁶ Dr. Zaki Mubarak pernah menyebut bahawa *al-Hikam al-‘Aṭā’iyyah* adalah antara teks yang dikaji oleh ulama-ulama besar (*kibār al-‘ulamā’*) di al-Azhar al-Syarīf pada zaman ini. Antaranya ialah al-marhum al-Saykh Muḥammad Bakhīt (bekas Mufti Negara Mesir) yang mengajarkannya kepada khalayak umum selepas sembahyang Asar di bulan Ramadan di Masjid al-Husayn, Kaherah.⁶¹⁷ Terkini, Mufti Negara Mesir Prof. Dr. ‘Aliy Jumu‘ah juga telah menghuraikan *al-Hikam al-‘Aṭā’iyyah*.

Kitab *Al-Hikam al-‘Aṭā’iyyah* telah dicetak banyak kali dengan cetakan yang berbagai-bagai bentuk. Antaranya ialah cetakan Būlāk pada tahun 1285H, Kaherah pada tahun 1302H dan 1306H (dicetak bersamanya di sebelah tepi (*hāmisah*) syarah al-Saykh al-Syarqāwiyy), Kaherah pada tahun 1331H/1913M berserta syarah Ibn ‘Ajībah, Kaherah pada tahun 1379H/1960M.⁶¹⁸ Cetakan

⁶¹² Lihat biodatanya dalam al-Jabartiyy, ‘Abd al-Rahmān (1287H), *‘Ajā’ib al-Āthār fi al-Tarājum wa al-Akkhār*, Kaherah: Būlāq, j. 1, h. 309-310.

⁶¹³ Lihat biodatanya dalam al-Jabartiyy, *op.cit.*, j. 1, h. 414-416.

⁶¹⁴ Lihat biodatanya dalam al-Jabartiyy, *op.cit.*, j. 2, h. 52-58.

⁶¹⁵ Lihat biodatanya dalam al-Jabartiyy, *op.cit.*, j. 4, h. 159-163.

⁶¹⁶ Al-Taftāzāniyy, *op. cit.*, h. 89.

⁶¹⁷ Mubārak, Zakiy (Dr.) (1357H/1938M), *al-Taṣawwuf al-Islāmiy fi al-Adab wa al-Akhlaq*, Kaherah: T.P., j. 1, h. 136.

⁶¹⁸ Al-Taftāzāniyy, *op. cit.*, h. 80.

terhadap kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* ini terutamanya kitab-kitab syarahnya terus dilakukan hingga sekarang tanpa henti kerana permintaannya yang cukup tinggi di kalangan penggemar ilmu tasawuf.

B. Kandungan kitab *al-Hikam*

Kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* adalah sebuah karya yang boleh dikategorikan sebagai sebuah kitab yang berorientasikan ilmu tasawwuf *sunniy*.⁶¹⁹ Isi kandungannya membicarakan beberapa persoalan pokok dalam ilmu tasawwuf iaitu persoalan hakikat ketuhanan, etika sufi dan beberapa panduan serta kaedah penyucian jiwa (*tazkiyat al-nafs*). Persoalan-persoalan utama yang disentuh berhubung hakikat ketuhanan banyak tertumpu kepada hubungan intim yang seharusnya berlaku antara manusia dan Allah, *ma'rifat Allāh*, cara-cara menuju *ma'rifat Allāh*, tahap-tahap golongan yang mencari *ma'rifat Allāh* dan lain-lain. Sementara persoalan etika sufi, isu-isu pembersihan jiwa dan nafsu (*tazkiyat al-nafs*) pula difokuskan kepada kepentingan seseorang hamba yang *sālik* untuk menyucikan nafsunya daripada kekotoran dosa dan maksiat, pemurnian akhlak daripada akhlak tercela kepada akhlak terpuji, membicarakan keaiban-keaiban hati dan nafsu, persoalan zikir dan *'uzlah* yang menjadi *wasīlah* utama ke arah (*tazkiyat al-nafs*) dan lain-lain. Ia juga merangkumi *munājāt* ketuhanan yang banyak menyentuh hati yang termuat dalam bahagian ketiga dalam kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah*.

Ketika membincangkan persoalan hakikat ketuhanan dan *ma'rifat Allāh* al-Syaykh Ibn 'Atā' Allāh al-Sakandariy kerap menggunakan lafaz *al-wujūd* dan

⁶¹⁹ Shafie bin Abu Bakar (1990), *op.cit.*, h. xix-xx.

pelbagai analogi bagi mendekatkan kefahaman pembaca terhadap apa yang dimaksudkannya. Walaupun persoalan falsafah ketuhanan tetap kelihatan dalam pemikiran tasawwufnya, namun al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy tetap berpegang teguh kepada falsafah ketuhanan yang jelas dan bukannya falsafah ketuhanan yang bercampur baur dengan isu-isu seperti *wahdat al-wujūd*, *al-hulūl* atau *al-ittīḥād*. Dalam sesetengah keadaan, mungkin sesetengah pihak tersilap faham dan menyangka al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy telah berbicara tentang isu-isu yang ada kaitannya dengan isu *wahdat al-wujūd*, *al-hulūl* atau *al-ittīḥād*, namun kekeliruan itu akan segera hilang apabila diteliti huraihan-huraihan ulama terhadap ungkapan tersebut.⁶²⁰ Ini diakui sendiri oleh Ibn ‘Ajībah bahawa corak kepengarangan al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy adalah berorientasikan corak tauhid (*maslak tawḥīdiyy*)⁶²¹.

Secara umumnya, kitab *al-Hikam al-‘Atā’iyyah* boleh dibahagikan kepada tiga bahagian besar:

Bahagian pertama: Ia adalah bahagian terpenting kitab ini yang mengandungi hikmah-hikmah utama yang menjangkau 25 bab.

Bahagian kedua: Mengandungi tiga surat yang ditulis dan dikirimkannya kepada ikhwannya (saudara-saudaranya iaitu warga tasawuf). Ia terletak dalam bab 26, 27 dan 29 sementara bab 28 pula merupakan surat jawapan kepada satu persoalan berhubung dengan *hadīth*:

(جعلت قرة عيني في الصلاة)⁶²²

⁶²⁰ Sebagai contoh rujuk hikmah yang ke-16, bab satu daripada kitab *al-Hikam* dan lihat huraiannya yang dibuat oleh al-Bütiy, *op. cit.* h. 221-252.

⁶²¹ Ibn ‘Ajībah, *op. cit.* h. 24.

⁶²² Al-Tirmidhiy, *op.cit.*, j. 4, h. 213.

Maksudnya:

Telah dijadikan kesejukan mata (hatiku) ketika dalam sembahyang.

Bahagian ketiga: Mengandungi *munājāt* yang terletak dalam dua bab iaitu bab 30 dan bab 31.⁶²³

Menurut kajian Dr. Shafie bin Abu Bakar, didapati bahawa persoalan falsafah lebih banyak terkandung di dalam *al-Hikam al-'Aṭā'iyyah* iaitu 80.11%, manakala persoalan etika mewakili 19.89% dari keseluruhan persoalan. Dalam bidang falsafah, persoalan tasawuf adalah merupakan persoalan yang paling banyak dibincangkan dalam *al-Hikam al-'Aṭā'iyyah* iaitu 20.19%, persoalan keinsanan (18.75%), persoalan ketuhanan (16.15%), persoalan kealaman (12.96%), persoalan ilmu usul al-din (6.12%) dan persoalan keilmuan (5.85%). Dalam bidang etika dapat dilihat bahawa persoalan tasawuf dari sudut etika adalah merupakan persoalan yang paling banyak disentuh oleh *al-Hikam al-'Aṭā'iyyah* (6.09%). Ianya merupakan pecahan dari persoalan tasawuf (yang paling banyak dibincangkan oleh *al-Hikam al-'Aṭā'iyyah* itu) yang menjurus khusus kepada aspek etika. Kemudiannya, ia diikuti oleh persoalan perundangan (fiqh) (5.67%) yang merupakan aturan-aturan yang harus dipatuhi yang darinya turut membina melahirkan nilai-nilai keakhlakan. Nilai-nilai keakhlakan ini dibicarakan di dalam *al-Hikam al-'Aṭā'iyyah* (5.06%), di samping turut dibicarakan persoalan-persoalan adab (2.07%).⁶²⁴

Justeru, bolehlah dianggap secara keseluruhannya, isi kandungan kitab *al-Hikam al-'Aṭā'iyyah* merangkumi persoalan ilmu tasawwuf secara hampir

⁶²³ Khalaf Allāh, *op.cit.*, h. 69-70.

⁶²⁴ Shafie bin Abu Bakar (1990), *op.cit.*, h. 53-55.

lengkap. Justeru isi kandungannya itu dan gaya bahasanya yang menggunakan bahasa sastera yang sangat tinggi mutunya, maka kitab *al-Hikam al-'Aṭā'iyyah* telah disifatkan sebagai permata-permata yang amat tinggi nilainya terhasil dari lombong akal jiwa sufi yang bercirikan sifat-sifat keistimewaan⁶²⁵ tertentu yang tidak boleh difahami dengan mudah kecuali oleh orang-orang yang mempunyai *dhawq šūfiy* yang tinggi. Sebuah karya sufi, sama ada berbentuk *hikam* atau puisi adalah cerminan akal budi dan pantulan rohani sufi berkenaan. Ketinggian nilai kandungan dan ketepuan *dhawq* kerohanian membayangkan ketinggian 'arasy fikir dan kelimpahan cahaya hati nuraninya yang suci yang dapat menanggapi rahsia-rahsia tersembunyi. Manakala kehalusan seninya pula adalah sebagai kesan pantulan kejiwaan yang tenang dan harmoni dalam mengasyiki *jamāl Ilāhiy* yang mengilham suci. Diri sufi sedemikian dapat diibaratkan sebagai taman *quddūsiy* yang hatinya tenang sebagai tasik cinta Ilahi, sedangkan akalnya ibarat lombong permata ilmu *ladunniy*. Dari sumber yang tidak terbatas, mengalir keluarlah dari sufi berkenaan kata-kata hikmah dan ungkapan-ungkapan yang indah mendalam.⁶²⁶ Secara umumnya, *al-Hikam al-'Aṭā'iyyah* merangkumi dari segi makna atau kandungan sekelompok teori dan pemikiran yang sebahagiannya berbentuk sufi, falsafah, fiqh dan masalah ilmu kalam.⁶²⁷

Justeru, dengan keistimewaan tersebut, *al-Hikam al-'Aṭā'iyyah* telah mendapat pujian yang amat tinggi daripada para ulama Islam. Ibn 'Abbād menyifatkan *al-Hikam al-'Aṭā'iyyah* sebagai sebuah karya yang kecil saiznya,

⁶²⁵ *Ibid.*, h. 10.

⁶²⁶ *Ibid.*

⁶²⁷ 'Aliy Ṣāfi Husayn (Dr.) (1964), *al-Adab al-Šūfiy fī Misr fī al-Qarn al-Sābi' al-Hijriy*, Kaherah: Dār al-Ma'ārif, h. 353.

tetapi agung ilmunya, mempunyai ungkapan yang halus dan makna-makna yang elok cemerlang.⁶²⁸ Ahmad Zarrūq pula menyifatkannya sebagai suatu kumpulan ungkapan yang jelas isyaratnya, tinggi manfaatnya, kandungan ilmu dan hikmatnya menyajukan dada, mencergaskan fikiran, menarik pendengaran dan pemerhatian. Ia adalah suatu kumpulan ilmu yang bersepada antara ilmu dan *hikam*nya serta bertautan huruf-hurufnya dengan kalam-kalamnya. Ini semua adalah kerana kesemuanya memenuhi makna saling menyempurnakan antara satu sama lain. Maka didapati awalnya berkait rapat dengan penutupnya, malah setiap masalah yang dikemukakan di dalamnya merupakan penyempurnaan kepada masalah sebelumnya dan pendahuluan kepada masalah yang datang kemudiannya. Setiap bab-babnya seumpama huraian kepada bab sebelumnya dan bab yang datang sebelumnya pula seumpama huraian kepadanya. Setiap hikmah atau kalimah sesungguhnya seumpama penyempurnaan atau mukadimah, sehinggakan isi kandungan di bahagian awalnya seolah-olah menyempurnakan bahagian hujungnya dan bahagian akhirnya pula seumpama permulaannya.⁶²⁹ Dalam ertikata yang lain, seluruh ungkapan al-Saykh Zarrūq tadi memberikan maksud betapa *al-Hikam al-'Aṭā'iyyah* ini mempunyai kesatuan tajuk yang amat hebat.⁶³⁰ Manakala al-Saykh Ibn 'Ajibah pula menyifatkannya sebagai anugerah *ladunniy* (*mawāhib ladunniyyah*) dan rahsia-rahsia *rabbāniy* (*asrār rabbāniyyah*).⁶³¹ Sementara al-Saykh 'Abd al-Šamad al-Falimbāniy pula menyifatkannya sebagai

⁶²⁸ Ibn 'Abbād, *op. cit.*

⁶²⁹ Zarrūq, *op. cit.* h. 21.

⁶³⁰ Lihat komentar al-Imām Prof. Dr. 'Abd al-Ḥalīm Maḥmūd dan Dr. Maḥmūd ibn al-Syarīf terhadap ungkapan Zarrūq ini yang dibuat sebagai menolak dakwaan Dr. Zakiy Mubārak yang menuduh *al-Hikam al-'Aṭā'iyyah* sebagai sebuah karangan yang berserakan dan kehilangan kesatuan tajuk (*wāḥdat al-mawdū*). Lihat Zarrūq, *op. cit.*, h. 21.

⁶³¹ Ibn 'Ajibah, *op. cit.* h. 15.

ilmu tasawwuf yang sangat manfaat.⁶³² Sementara al-Syaykh Ahmad ibn Muhammad Zayn al-Faṭāniy menyifatkan isi kandungannya seumpama emas yang sudah diuji atau ditempa, atau seumpama makanan yang terhidang di bawah saji dan seumpama isi dan minyak dalam konteks buah-buahan. Ini kerana ia adalah kitab yang membicarakan ilmu yang mampu menyampaikan seseorang hamba kepada tuhannya.⁶³³

C. *Syurūh al-Hikam*

Setelah diperkenalkan secara ringkas tentang kitab *al-Hikam* dan pengaruhnya secara umum di al-Azhar dan ulamanya, direntetkan pula perbincangan tentang kitab-kitab *syurūh al-Hikam*. Untuk melihat pengaruh al-Syaykh Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandariy menerusi kitab *al-Hikam* ini secara teliti, haruslah dikaji tentang aspek kitab-kitab *syurūh al-Hikam* yang telah diusahakan oleh ramai ulama. Ini adalah kerana kitab-kitab syarah atau huraian dapat membayangkan secara langsung tentang ketinggian nilai sesebuah matan atau kitab induk yang menjadi kitab dasar kepada kitab syarah itu. Seseorang ulama besar tidak mungkin akan menghabiskan masa mereka yang sangat berharga untuk meneliti, memahami dan mengupas sesebuah karya yang tidak bermutu atau tidak mempunyai nilai ilmu yang selayaknya.

⁶³² Al-Falimbāniy, ‘Abd al-Šamad al-Falimbāniy (t.th.), *Sayr al-Sālikīn*, Pulau Pinang: Maktabah wa Maṭba’ah Dār al-Ma’ārif, juz III, h. 181.

⁶³³ Tuk Pulau Manis, al-Syaykh ‘Abd al-Malik ibn ‘Abd Allāh (t.th.), *Kitāb Syarah Hikam*, Pulau Pinang: Maktabah wa Maṭba’ah Dār al-Ma’ārif, h. 1. Syair lapan bait yang diabadikan pada halaman pertama kitab *Kitāb Syarah Hikam* ini adalah hasil karya al-Syaykh Ahmad ibn Muhammad Zayn al-Faṭāniy sebagai kata-kata aluan beliau terhadap kitab ini selaku pentashihnya yang pertama. Lihat Shaghir, Hj. Wan Mohd Shaghir Wan Abdullah (1993), *Penjelasan Nazham Syair Shufi Syeikh Ahmad al-Fathani*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, h. 69.

Kitab *al-Hikam* telah mendapat sambutan hangat ulama Islam sehingga kitab-kitab *syurūh*nya mencecah puluhan syarah atau huraihan. Mengikut kajian terakhir yang dilakukan oleh al-Syaykh Ahmad ‘Izz al-Din ‘Abd Allāh Khalaf Allāh, didapati 40 buah syarah matan *al-Hikam al-‘Aṭā’iyyah* yang telah diusahakan oleh ulama Islam dalam bahasa Arab, satu syarah dalam bahasa Turki dan satu syarah dalam bahasa Melayu.⁶³⁴ Berikut disenaraikan karya-karya *syurūh al-Hikam* yang dapat dikesan berserta nama pengarangnya:⁶³⁵

- (1) Ibn ‘Abbād, al-Imām Muḥammad ibn Ibrāhīm ibn ‘Abd Allāh al-Nafziy al-Rindiy (723-792H), *Ghayth al-Mawāhib al-‘Aliyyah Bi Syarḥ al-Hikam al-‘Aṭā’iyyah*.
- (2) ‘Aliy Ibn ‘Abbād (anak kepada al-Imām Muḥammad ibn Ibrāhīm ibn ‘Abd Allāh al-Nafziy al-Rindiy di atas), *al-Tanbīh*.
- (3) Ibn Zāghū, Aḥmad ibn Muḥammad ibn ‘Abd al-Raḥmān al-Maghrawiy al-Tilimsāniy (782-845H), *Syarḥ al-Hikam*. Beliau juga mempunyai karya berupa komentar terhadap *Syarḥ al-Hikam* karya Ibn ‘Abbād.
- (4) Al-Farāwaḍiy, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad ibn Muḥammad ibn ‘Aliy al-Zawāwiy al-Bajā’iy (w882H). *Syarḥ al-Hikam*.
- (5) Ibn Zaghrān, al-‘Ārif Ṣafiy al-Dīn Muḥammad Abū al-Mawāhib al-Tūnisiy al-Wafā’iy al-Syādhiliy (w882H). *Syarḥ al-Hikam*.
- (6) Abū al-Qāsim al-Ramāḥī, (w887H). *Syarḥ al-Hikam*.

⁶³⁴ Ada beberapa kitab syarah *al-Hikam al-‘Aṭā’iyyah* dalam bahasa Melayu yang tidak disebutkan oleh Khalaf Allāh kerana maklumat tentang hal ini dalam bahasa Arab amat terhad dan tidak sampai kepada masyarakat Arab. Ia akan dinyatakan kemudian nanti dalam perbicaraan tentang pengaruh *manhaj* dakwah Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandariy menerusi kitab *al-Hikam* di Malaysia.

⁶³⁵ Lihat Khalaf Allāh, *op. cit.*, h. 75-91. Bandingkan juga senarai yang dikemukakan oleh al-Taftazaniy, *op. cit.*, h.90-97.

- (7) Ibn al-Şābuniy al-Syāmiy, *Syarḥ al-Ḥikam*.
- (8) Al-Qalaṣāwiyy, ‘Aliy ibn Muḥammad ibn Muḥammad ibn ‘Aliy al-Qurasyiy al-Bistiyy al-Mālikiy (w891H), *Syarḥ al-Ḥikam al-‘Aṭā’iyyah*.
- (9) Zarrūq, (846-899H). Beliau mempunyai lebih daripada 30 buah syarah dan huraian bagi kitab *al-Ḥikam al-‘Aṭā’iyyah*. Syarah beliau yang paling terkenal dan dicetak ialah syarah yang ke-16 yang berjudul *Qurrat al-‘Ayn* dan syarah yang ke-17 yang bernama *Tanbiḥ Dhawī al-Himam*.⁶³⁶
- (10) Al-‘Ārif Burhān al-Dīn Abū al-Tayyib Ibrāhīm ibn Maḥmūd ibn Aḥmad ibn Ḥasan al-Aqṣārā al-Ḥanafiy al-Syāfi‘iy al-Mawāhibiy al-Syādhiliyy (w907H). *Iḥkām al-Ḥikam bi Syarḥ al-Ḥikam*.
- (11) Al-Jalāl al-Karkiy, Aḥmad Jalāl al-Dīn ibn Muḥammad Khayr al-Dīn ibn Muḥammad ibn Aḥmad al-Karkiy al-Syāfi‘iy (w. pertengahan kurun ke-10H). *Mursyid al-Umam li-Syarḥ al-Ḥikam*.
- (12) Al-Khurūbiyy, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad ibn ‘Aliy al-Khurūbiyy al-Tarablūsiyy (w.963H), *al-Jumal al-Mawāhibiyah ‘Ala al-Ḥikam al-‘Aṭā’iyyah*.
- (13) Raḍiy al-Dīn ibn al-Ḥanbaliy (908-971H), al-‘Ālim al-Faqīh al-Mu’arrikh Raḍiy al-Dīn Muḥammad ibn Ibrāhīm ibn Yūsuf al-Ḥanafiy al-Ḥalabiy al-Qādiriy al-Tādifiyy yang masyhur dengan nama Ibn al-Ḥanbaliy. *Syaqā’iq al-Akamm bi Daqā’iq al-Ḥikam*.
- (14) Al-Şūmi‘iy, al-‘Allāmah al-Muṣannif Abū al-‘Abbās Aḥmad ibn Abī al-Qāsim ibn Muḥammad ibn Sālim ibn ‘Abd al-‘Azīz al-Zamrāniyy al-Syādhiliyy (920-1013H), *Maṭāli‘ al-Anwār al-Saniyyah fi Ba‘d Ma‘āni al-Ḥikam al-‘Aṭā’iyyah*.

⁶³⁶ *Ibid.*, h. 74 dan 81-82.

- (15) Al-Manāwiyy, al-Imām al-Muḥaddith al-Faqīh al-Mu’arrikh Zayn al-Dīn Muḥammad ‘Abd al-Ra’ūf ibn Tāj al-‘Ārifīn ibn ‘Aliy ibn Zayn al-‘Ābidīn al-Haddādiy (952-1031H), *al-Durar al-Jawhariyyah fi Syarḥ al-Hikam al-‘Aṭā’iyyah*.
- (16) Ibn ‘Allān, al-Muḥaddith Syihāb al-Dīn Aḥmad ibn Ibrāhīm ibn ‘Allān al-Ṣiddiqīy al-Naqṣabandiy al-Syāfi‘iy (975-1033H), *Syarḥ al-Hikam al-‘Aṭā’iyyah*.
- (17) Al-Şafiy al-Qusyāsiyy, al-Imām Ṣafiy al-Dīn Aḥmad ibn Muḥammad ibn Yūsuf al-Dajāniy al-Madaniy al-Mālikiy al-Syāfi‘iy (w1071H), *Syarḥ al-Hikam al-‘Aṭā’iyyah*.
- (18) Ibn Zakriy, al-Imām al-Muḥaddith Muḥammad ibn ‘Abd al-Rahmān Zakriy al-Fāsiy al-Mālikiy (w1144H), *Syarḥ al-Hikam al-‘Aṭā’iyyah*.
- (19) Al-Sindiy, al-Muḥaddith al-Faqīh Muḥammad Ḥiwah ibn Ibrāhīm al-Sindiy al-Madaniy (w1163H), *Syarḥ al-Hikam al-‘Aṭā’iyyah*.
- (20) Al-Mudābighiy, Ustādh al-Qirā’āt al-Faqīh Ḥasan ibn ‘Aliy ibn Aḥmad ibn ‘Abd Allāh al-Manṭāwiyy al-Syāfi‘iy al-Azhariy (w1170H), *Syarḥ al-Hikam al-‘Aṭā’iyyah*.
- (21) Jassūs, al-Imām al-Faqīh Muḥammad ibn Qāsim Jassūs al-Mālikiy (1089-1182H), *al-Syarḥ al-Kabīr li-Hikam Ibn ‘Aṭā’ Allāh*.
- (22) Al-Bayyūmiy, al-‘Ārif ‘Aliy ibn Ḥijāziy ibn Muḥammad (1108-1183H), *Hidāyat al-Insān Ilā al-Karīm al-Mannān*.
- (23) Al-‘Adawiy, al-Saykh ‘Aliy ibn Aḥmad ibn Mukram al-Šā’idiy (1112-1189), *Taqrīrāt ‘Alā al-Hikam al-‘Aṭā’ Allāh*.
- (24) Ibn ‘Ubādah, Muḥammad ibn ‘Ubādah ibn Birri al-‘Adawiy al-Mālikiy (w1193H), beliau menulis *Syarḥ al-Hikam al-‘Aṭā’ Allāh* berdasarkan

taqrīrāt gurunya al-Syaykh ‘Aliy ibn Aḥmad ibn Mukram al-Šā‘idiy al-‘Adawiy (1112-1189) (lihat nombor 23 di atas).

(25) Ṣāliḥ al-Sibā‘iy, al-Imām al-Sayyid Ṣāliḥ ibn Muḥammad ibn Ṣāliḥ al-Sibā‘iy al-‘Adawiy (1154-1221H), *Syarḥ al-Hikam al-‘Aṭā’ Allāh*.

(26) Ibn ‘Ajībah, Aḥmad ibn Muḥammad ibn ‘Ajībah al-Ḥasaniy (1160-1224H), *Īqāz al-Himam fī Syarḥ al-Hikam*.

(27) Al-Syarqāwiy, Syaykh al-Islām ‘Abd Allāh ibn Hijāziy ibn Ibrāhīm (1150-1227H), *al-Mināh al-Qudsiyah ‘alā al- Ḥikam al- ‘Aṭā’ iyyah*.

(28) Ibn Kīrān, Muḥammad al-Tayyib ibn ‘Abd al-Majīd ibn ‘Abd al-Salām ibn Kīrān al-Fāsiy (1172-1227H), *al-Multazim al-Jāmi li-Ma ‘āni al- Ḥikam*.

(29) Al-Barīskāniy, Al-Syaykh Nūr al-Dīn ibn ‘Abd al-Jabbār ibn Nūriy ibn Abī Bakr ibn Zayn al-‘Ābidīn ibn Syam al-Dīn al-Barīskāniy (1207-1268H), *Syarḥ al-Hikam al-‘Aṭā’ iyyah al-Musamma bi Talkhiṣ al- Ḥikam*.

(30) Al-Banāniy, al-Imām Abū Bakr ibn Muḥammad ibn ‘Abd Allāh al-Banāniy al-Ribātiy (w1284H), *al-Ghayth al-Munsajim fī Syarḥ al-Hikam*.

(31) Ibn Mukhaddim, al-‘Allāmah Ḥasan ibn ‘Awad ibn Muḥammad al-Haḍramiy al-Yamaniy (1260-1331H), *Syarḥ al-Hikam al-‘Aṭā’ iyyah*.

(32) Al-Syarnūbiy, al-Syaykh ‘Abd al-Majīd al-Syarnūbiy al-Azhariy al-Mālikiy (w1348H), *Hikam Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandariy*.

(33) Abū al-‘Ilā, al-Syaykh Muḥammad Muṣṭafā Abū al-‘Ilā, *Min Ibn ‘Aṭā’ Allāh*.

(34) Al-Khaṭīb, Muḥammad al-Khalīl, *Kasyf al-Ghiṭā’ Syarḥ Tartīb Hikam Ibn ‘Aṭā’ Allāh*.

(35) Al-Kazniy, al-Mullā Muḥammad Aḥmad Muṣṭafā al-Kazniy, pentahqiq kitab *Syarḥ al-Hikam al-'Aṭā'iyyah al-Musamma bi Talkhiṣ al-Hikam* karangan al-Barīkāniy (nombor 29 di atas). Beliau telah memberikan komentar dan *tahqiq* yang menyerupai syarah pula kepada *al-Hikam al-'Aṭā'iyyah* itu, yang jika dikumpulkan secara berasingan merupakan syarah kepada *al-Hikam al-'Aṭā'iyyah*.

(36) Maḥmūd 'Abd al-Wahhāb 'Abd al-Mun'im (Seorang jurutera dan Pengerusi *Jam'iyyah Ibn 'Aṭā' Allāh al-Islāmiyyah*), *al-Hikam al-'Aṭā'iyyah*.

(37) Al-Hindiy, Aḥmad ibn Hisām al-Dīn, *al-Manhaj al-Thamīn*.

(38) Al-Yamaniy, Nūr al-Dīn al-Yamaniy, *al-Minan al-'Aṭā'iyyah*.

(39) Al-Wazīriy, Muḥammad al-Khaṭīb al-Wazīriy, *Kasyf al-Ghiṭā'*.

(40) Tanpa nama pengarang, *al-Anfās al-Zakiyyah fī Syarḥ al-Hikam al-'Aṭā'iyyah*.

(41) Fustā Munalliy / Hāfiẓ Aḥmad Māhir, *al-Muḥkam fī Syarḥ al-Hikam*.

Kitab ini ditulis dalam bahasa Turki.

Kitab-kitab *syurūh al-Hikam* yang disenaraikan oleh al-Saykh Aḥmad 'Izz al-Dīn 'Abd Allāh Khalaf Allāh ini tidak termasuk *syurūh* yang diusahakan oleh al-Saykh Aḥmad Zarrūq yang dikatakan mencecah 30 edisi yang berbagai-bagai. Hanya dua edisi sahaja daripada *syurūh* al-Saykh Aḥmad Zarrūq yang dicetak iaitu syarah beliau yang ke-16 yang berjudul *Qurrat al-'Ayn* dan syarah yang ke-17 yang bernama *Tanbīh Dhawī al-Himam*⁶³⁷ sebagaimana yang dinyatakan sendiri oleh al-Saykh Zarrūq.⁶³⁸ Bilangan ini juga tidak termasuk

⁶³⁷ *Ibid.*, h. 74 dan 81-82.

⁶³⁸ Zarrūq, *op.cit.*, h. 14-15.

syarah *al-Hikam al-'Atā'iyyah* dalam bahasa Melayu yang diusahakan oleh beberapa ulama Melayu yang akan dinyatakan kemudian nanti. Bilangan ini juga tidak mengambil kira syarah *al-Hikam al-'Atā'iyyah* yang diusahakan oleh ulama moden seperti yang diusahakan oleh al-Saykh Ahmad 'Izz al-Dīn 'Abd Allāh Khalaf Allāh sendiri yang berjudul *al-Manhaj al-Tarbawiy li-al-Hikam al-'Atā'iyyah*,⁶³⁹ Prof. Dr. Muhammad Sa'īd Ramaḍān al-Būtī berjudul *al-Hikam al-'Atā'iyyah: Syarḥ wā Tahlīl*⁶⁴⁰ yang mencecah empat jilid dan sebuah lagi dalam bahasa Melayu yang diusahakan oleh Prof. Dr. K.H. Muhibbuddin Waly⁶⁴¹ seorang ulama dari Aceh, Indonesia.

Sejarah keilmuan Islam amat jarang menyaksikan kehebatan sesuatu karya yang dihasilkan dalam bentuk matan yang menerima huraian sebegitu banyak sepertimana yang berlaku kepada matan *al-Hikam al-'Atā'iyyah*. Disebut oleh para pengkaji bahawa ada dua buah karya agung ulama Islam yang menerima sambutan paling hangat dari kalangan ulama dalam bentuk syarah atau *hāsyiyah* iaitu matan *al-Hikam al-'Atā'iyyah* dan kitab *al-Wasīt*, sebuah kitab fiqh karya Ḥujjat al-Islām al-Imām al-Ghazzāliy, di mana kedua-dua karya agung ini masing-masing mempunyai lebih daripada 30 buah syarah.

Menurut Arberry, seorang orientalis Inggeris, *al-Hikam al-'Atā'iyyah* telah meraih sambutan yang luar biasa sebagaimana yang disaksikan oleh sebilangan besar syuruhnya. Beliau menyifatkan *al-Hikam al-'Atā'iyyah* sebagai sebuah kitab kecil tetapi sangat menarik dan berkesan.⁶⁴²

⁶³⁹ Masih dalam bentuk draf belum bercetak. Lihat Khalaf Allāh, *op. cit.*, h. 182.

⁶⁴⁰ Al-Būtī, *op. cit.*

⁶⁴¹ Muhibbuddin Waly (Prof. Dr. K.H.) (1991), *Hakikat Hikmah Tauhid Dan Tasawuf (al-Hikam)*, Singapura: Pustaka Nasional.

⁶⁴² Arberry (A.J.) (1950), *Sufism*, London: T.P., pp. 87-88.

Dari satu aspek hal ini membayangkan betapa besarnya pengaruh *al-Hikam al-'Atā'iyyah* dalam pemikiran ulama dan umat Islam sehingga menerima perhatian sebegini besar. Dari satu aspek lain, hal ini juga membuktikan bahawa pemikiran tasawwuf al-Syaykh Ibn 'Atā' Allāh al-Sakandariy telah diiktiraf oleh ulama Islam sebagai suatu pemikiran agung yang berhak mendapat perhatian sedemikian rupa. Menurut kajian al-Syaykh Aḥmad 'Izz al-Dīn 'Abd Allāh Khalf Allāh, *syurūh* yang dilakukan oleh ulama Islam bermula sejak kurun kelapan Hijrah sehingga kurun ke-15 Hijrah dengan kurun kesembilan Hijrah dan kurun ke-13 Hijrah sebagai kurun yang paling banyak menghasilkan *syurūh* tersebut, iaitu masing-masing sebanyak lapan *syurūh*.⁶⁴³

Dari aspek latarbelakang pemikiran ulama yang mengarang *syurūh al-Hikam al-'Atā'iyyah* pula, kajian tersebut mendapati bahawa ia meliputi keseluruhan ulama empat mazhab fiqh dengan mazhab *Mālikiy* mengungguli bidang ini iaitu seramai 22 orang, mazhab *Syāfi'iyy* seramai 10 orang, mazhab *Hanafiy* dua orang, *Hanafiy Syāfi'iyy* dan *Mālikiy Syāfi'iyy* masing-masing satu syarah.⁶⁴⁴

Untuk meninjau secara lebih mendalam berhubung pengaruh al-Syaykh Ibn 'Atā' Allāh al-Sakandariy menerusi kitab-kitab *syurūh al-Hikam* adalah baik ditinjau beberapa karya *syurūh al-Hikam* yang dianggap antara yang paling utama dan mendapat perhatian ulama. Untuk tujuan ini, dipilih syarah Ibn 'Ajibah (*Iqāz al-Himam*), syarah Ibn 'Abbād (*Ghayth al-Mawāhib*) dan syarah al-Syaykh Zarūq (*Tanbīh Dhawī al-Himam*) dan syarah yang diusahakan oleh Prof. Dr.

⁶⁴³ Khalaf Allāh, *op. cit.*, h. 92.

⁶⁴⁴ *Ibid.*, h. 93.

Muhammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī (*al-Hikam al-'Aṭā'iyyah: Syarḥ wā Tahlīl*). Syarah Ibn 'Ajibah (*Iqāz al-Himam*) dipilih kerana ia dianggap sebagai antara syarah *al-Hikam* yang paling baik. Ia boleh dianggap sebagai terbaik kerana mempunyai huraian yang baik, komentar-komentar yang kritis serta diperkuuhkan dengan dalil-dalil syarak. Syarah Ibn 'Abbād (*Ghayth al-Mawāhib*) pula dipilih kerana ia merupakan syarah *al-Hikam* yang paling awal dan dianggap antara yang terbaik. Sementara syarah al-Saykh Zarrūq (*Tanbih Dhawī al-Himam*) dipilih kerana kehebatan pengarangannya yang amat terpukau dengan karya *al-Hikam* ini sehingga beliau telah menulis lebih kurang 30 buah syarah *al-Hikam*. Sementara syarah yang diusahakan oleh Prof. Dr. Muhammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī (*al-Hikam al-'Aṭā'iyyah: Syarḥ wā Tahlīl*) dipilih sebagai contoh kepada syarah *al-Hikam* yang diusahakan oleh ulama moden dan huraianya pula sangat moden, terperinci dan bernilai tinggi.

Syarah al-Saykh Ibn 'Abbād atau nama penuhnya al-Imām Muhammād ibn Ibrāhīm ibn 'Abd Allāh al-Nafziy al-Rindiy yang berjudul *Ghayth al-Mawāhib al-'Aliyyah Bi Syarḥ al-Hikam al-'Aṭā'iyyah*, adalah syarah *al-Hikam al-'Aṭā'iyyah* yang diketahui dan dipercayai sebagai syarah yang paling awal diusahakan setelah kewafatan al-Saykh Ibn 'Aṭā Allāh al-Sakandariy. Ia telah disunting oleh *Saykh al-Azhar al-Imām al-Akbar* Prof. Dr. 'Abd al-Ḥalīm Maḥmūd dan Dr. Maḥmūd ibn al-Syarīf. Ia telah dicetak beberapa kali termasuklah cetakan Dār al-Sya'b dan Dār al-Ma'ārif di Kaherah.

Syarah al-Saykh Ibn 'Ajibah atau nama penuhnya Aḥmad ibn Muhammād ibn 'Ajibah al-Hasaniy yang berjudul *Iqāz al-Himam fī Syarḥ al-Hikam* adalah antara syarah *al-Hikam al-'Aṭā'iyyah* yang paling baik dan lengkap. Kitab ini pernah disunting oleh al-Saykh Muhammād Aḥmad Ḥasab Allāh dan

telah dicetak beberapa kali, termasuklah cetakan Dār al-Ma‘ārif, Kaherah. Ia telah dicetak dalam saiz besar dan bilangan halamannya telah mencecah 653 halaman. Ia juga kerap kali dicetak tanpa suntingan oleh beberapa buah syarikat percetakan terutamanya di Mesir dan Surabaya, Indonesia.

Sementara syarah al-Syaykh Zarrūq atau nama penuhnya Aḥmad ibn Aḥmad ibn Muḥammad ibn ‘Isā al-Burnusiy yang berjudul *Tambīh Dhawī al-Himam*. *Syarḥ al-Hikam* ini adalah syarah yang ke-17 yang telah diusahakan oleh al-Syaykh Zarruq dan telah disunting oleh *Syaykh al-Azhar, al-Imām al-Akbar* Prof. Dr. ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd dan Dr. Maḥmūd ibn al-Syarīf. Ia telah dicetak beberapa kali termasuklah cetakan Dār al-Sya‘b, Kaherah, pada tahun 1405H dan cetakan awalnya diusahakan oleh Maktabah al-Najāh, Tarablus, Libya pada tahun 1969M.

Sementara itu, setakat yang diketahui, syarah *al-Hikam al-‘Aṭā’iyyah* dalam bahasa Arab yang terkini dan telah dicetak ialah hasil karya seorang ulama moden terkemuka Prof. Dr. Muḥammad Sa‘id Ramaḍān al-Būti. Ia telah dicetak dalam empat jilid bersaiz sederhana dengan ketebalan mencecah ratusan halaman setiap jilid. Jilid pertamanya mencecah 396 halaman,⁶⁴⁵ jilid kedua 525 halaman,⁶⁴⁶ jilid ketiga 518 halaman⁶⁴⁷ dan jilid keempat 520 halaman.⁶⁴⁸

Hasil pembacaan dan pengamatan terhadap isi kandungan syarah *al-Hikam al-‘Aṭā’iyyah* yang diusahakan oleh Prof. Dr. Muḥammad Sa‘id Ramaḍān al-Būti

⁶⁴⁵ Al-Būti, j. 1.

⁶⁴⁶ Al-Būti, Prof. Dr. Muḥammad Sa‘id Ramaḍān al-Būti (2001), *al-Hikam al-‘Aṭā’iyyah: Syarḥ wā Tahlīl*, Damsyik: Dār al-Fikr, j. 2.

⁶⁴⁷ Al-Būti, Prof. Dr. Muḥammad Sa‘id Ramaḍān al-Būti (2002), *al-Hikam al-‘Aṭā’iyyah: Syarḥ wā Tahlīl*, Damsyik: Dār al-Fikr, j. 3.

⁶⁴⁸ Al-Būti, Prof. Dr. Muḥammad Sa‘id Ramaḍān al-Būti (2003), *al-Hikam al-‘Aṭā’iyyah: Syarḥ wā Tahlīl*, Damsyik: Dār al-Fikr, j. 4.

ini, ia bolehlah dianggap sebagai sebuah karya syarah yang bersifat sangat moden sama ada dari segi bahasa maupun isi kandungannya yang telah banyak dipermudahkan bersesuaian dengan tuntutan pembaca generasi moden. Ia mengandungi maklumat yang sangat baik, dengan pendekatan yang cukup lunak, dipenuhi dengan perumpamaan dan analogi yang amat relevan dengan corak pemikiran dan cara kehidupan moden serta mencuit hati. Ia boleh dianggap sebagai sebuah syarah bebas dan panjang lebar serta bebas dari cara tradisi huraiān ilmu tasawuf sehingga ia senang dan seronok dibaca oleh semua lapisan masyarakat, sama ada golongan tasawuf atau golongan bukan tasawuf, kerana persoalan yang disentuh oleh beliau adalah persoalan umat Islam yang diolah dari kaca mata dakwah yang diilhamkan dari mutiara-mutiara kata kitab *al-Hikam al-Atā’iyyah*.

Antara keistimewaan syarah Prof. Dr. Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān al-Būṭī ini ialah bahawa beliau telah cuba membongkar ayat-ayat *al-Qur’ān al-Karīm* dan *al-hadīth* yang dianggapnya menjadi sumber asal penggarapan bagi satu persatu hikmah al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy dalam kitabnya *al-Hikam al-Atā’iyyah* itu. Beliau melakukan perkara ini pada setiap permulaan kepada syarah setiap hikmah. Dengan cara ini, pembaca dapat merasai bahawa setiap hikmah yang digarap oleh al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy bukanlah hanya suatu *riyādah fikriyyah šūfiyyah* yang bersifat awang-awangan dan tidak mempunyai sumber sandaran kepada nas *al-Qur’ān al-Karīm* dan *al-hadīth*. Justeru, pembaca mempunyai keyakinan yang baik untuk meneruskan pembacaan huraiān terhadap *al-Hikam al-Atā’iyyah* itu.

Sebagai penyempurnaan, adalah baik jika disebutkan di sini tentang pengaruh al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy di negara Syria menerusi kitab

al-Hikam yang diajar oleh Prof. Dr. Muḥammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī sejak tahun 1974 di masjid *al-Sanjaqdār* di Damsyik, kemudian di Masjid *Tankaz* dan Masjid *al-Imān* juga di Damsyik.⁶⁴⁹ Ribuan umat Islam membanjiri masjid ini untuk mendengar kupasan yang dilakukan oleh Prof. Dr. Muḥammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī ini⁶⁵⁰ sekaligus membuktikan betapa manusia di zaman moden ini kehausan ilmu berkenaan penyucian jiwa. Hasil daripada kuliah bersiri inilah lahirnya siri kaset, CD dan akhirnya 4 buah kitab syarah *al-Hikam al-'Aṭā'iyyah* berjudul *al-Hikam al-'Aṭā'iyyah: Syarḥ wā Taḥlīl*.⁶⁵¹

4.2.2 Pengaruh kitab *al-Hikam* Melayu di Malaysia

Banyak pengaruh luar yang telah berjaya meresap masuk dalam masyarakat Melayu sejak zaman dahulu sehingga kini, seperti pengaruh agama, kebudayaan, pemikiran, politik, ekonomi dan sosial. Medium yang sering digunakan dalam memberikan pengaruh dalam masyarakat Melayu pula termasuklah antaranya medium penulisan, bentuk-bentuk kesenian, kekuasaan politik, kegiatan ekonomi dan perdagangan, perkahwinan campur dan lain-lain. Antara medium tersebut, bentuk penulisan adalah antara yang paling besar meninggalkan kesan dan pengaruh terhadap masyarakat Melayu. Antara bentuk-bentuk penulisan yang ada, penulisan agama Islam pula adalah antara yang paling penting sehingga didapati bahawa dalam masyarakat Melayu terdapat banyak kitab *turāth* Islam yang telah dikarang dalam bahasa Melayu bertulisan jawi yang meliputi bidang akidah,

⁶⁴⁹ Al-Būṭī, *op. cit.*, h. 7.

⁶⁵⁰ Temubual Prof. Dr. Muḥammad Tawfiq Ramaḍān al-Būṭī (putera lelaki Prof. Dr. Muḥammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī), pada Seminar Tasawuf Antarabangsa, Hotel Hilton, Seremban, Ogos, 2002.

⁶⁵¹ Al-Būṭī, *op. cit.*

syariat dan tasawuf. Di antara kitab-kitab *turāth* tersebut ialah kitab syarah *al-Hikam* atau *Hikam Melayu*⁶⁵² atau lebih dikenali sebagai *Hikam Besar* yang menjadi nama kepada sebuah kitab tasawwuf yang sangat masyhur di kalangan pengkaji kitab lama Melayu dan penuntut ilmu terutamanya dalam sistem pengajian tradisional yang diamalkan di pondok-pondok di Malaysia atau pesantren di Indonesia. Ia telah dianggap oleh sebilangan sarjana *turāth* Melayu sebagai sebuah kitab mengenai tasawuf yang paling popular di dunia Melayu.⁶⁵³

Hikam Melayu atau *Hikam Besar* ini merupakan sebuah kitab tasawwuf Melayu di dalam bentuk syarah yang didasarkan kepada *Matan Hikam (al-Hikam al-'Atā'iyyah)* karangan al-Syaykh Ibn 'Atā' Allāh al-Sakandariy. *Matan Hikam* adalah menjadi sebahagian daripada *Hikam Melayu*.⁶⁵⁴ Di Alam Melayu, *Hikam Melayu* adalah merupakan persuratan tasawwuf *sunniy* terawal yang ditulis secara syarah yang lengkap dan panjang serta tersebar luas di rantau tersebut, terutamanya selepas malapnya pengaruh aliran tasawwuf *wujūdiyyah*⁶⁵⁵ yang berkembang subur di Aceh.⁶⁵⁶

⁶⁵² *Hikam Melayu* ialah sebuah kitab tasawwuf karangan Tuk Pulau Manis. Berdasarkan apa yang tertulis pada kulit kitab tersebut, nama judul kitab tidak dinyatakan secara tepat. Hanya disebutkan "inilah terjemah dan syarah kitab *Hikam* yang bahasa Arab karangan Imam Tāj al-Dīn ibn 'Atā' Allāh al-Sakandariy...". Lihat Tuk Pulau Manis, *op. cit.*, h. 1. Sejak seian lamanya, nama kitab ini hanya dikenali sebagai kitab *Hikam* sahaja. Nama *Hikam Melayu* ini hanya dimasyhurkan oleh Dr. Shafie bin Abu Bakar dalam tesis doktor falsafahnya yang bertajuk *Hikam Melayu: Kajian Falsafah Dan Etika*, tesis Doktor Falsafah, Institut Bahasa, Kesusastraan Dan Kebudayaan Melayu, UKM, 1990, juga dalam beberapa makalah ilmiahnya. Justeru, di sini penulis berhasrat mengekalkan istilah atau nama *Hikam Melayu* sebagai merujuk kepada kitab terjemah dan syarah kitab *Hikam* hasil karya Tuk Pulau Manis. Ini adalah sesuai dan penting untuk membezakan antara karya Tuk Pulau Manis ini dengan beberapa karya berasaskan *al-Hikam al-'Atā'iyyah* yang dikarang oleh beberapa ulama Melayu lain juga dalam bahasa Melayu seperti yang akan dinyatakan nanti.

⁶⁵³ Shaghir, *Penjelasan Nazham*, h. 64.

⁶⁵⁴ Shafie bin Abu Bakar, *Hikam Melayu*, h. xiv.

⁶⁵⁵ *Wujūdiyyah* adalah istilah yang sering digunakan oleh sebilangan sarjana dan ulama untuk menyifatkan suatu aliran tasawwuf yang disebarluaskan oleh Hamzah Fansuri dan Syam al-Dīn al-Sumatrā'i. Istilah *wujūdiyyah* di kalangan sarjana dan ulama yang mengkaji karya-karya Hamzah Fansuri dan Syam al-Dīn al-Sumatrā'i merujuk kepada istilah *wahdat al-wujūd* yang banyak menimbulkan kontroversi di kalangan ulama Islam. Namun, untuk melabelkan secara

Sebelum ini karangan-karangan tasawwuf lebih didominasi oleh karya-karya yang beraliran *wujūdiyyah* seperti karangan-karangan tasawwuf yang terhasil pada separuh pertama kurun ke-17M di Aceh sebagaimana yang dihasilkan oleh al-Syaykh Hamzah Fansuri dan al-Syaykh Syam al-Dīn al-Sumatrā'iy. Sungguhpun selepas kedatangan al-Syaykh Nūr al-Dīn al-Ranīriy ke Aceh (1047H/1637M), beliau telah banyak mengarang kitab-kitab tasawwuf, tetapi kandungan kitab-kitab tasawwufnya lebih bersifat menyerang aliran *wujūdiyyah*. Jadi, di dalam karangan-karangannya, terpaksa dibawa persoalan-persoalan falsafah *wujūdiyyah* untuk dibahas dan diuraikan. Sebab itu karangan-karangan demikian tidak sesuai dijadikan pengajaran umum dan memangnya tidak ada sebuah pun karangan tasawwuf Nūr al-Dīn al-Ranīriy yang menjadi kitab tasawwuf popular dipelajari di institusi-institusi pengajian tradisi sebagaimana popularnya kitab *Sirāt al-Mustaqim* beliau dalam bidang fiqh. Karangan-karangan tasawwuf penting beraliran *sunnīy* di dalam bahasa Melayu hanya terhasil selepas kelahiran *Hikam Melayu* (akhir abad ke-17M) iaitu seperti *Hidāyat al-Sālikin* (1192H/1792M) dan *Sayr al-Sālikin* (1203H/1803M) yang disadur oleh al-Syaykh

rawak karya-karya Hamzah Fansuri dan Syam al-Dīn al-Sumatrā'iy sebagai aliran *Wujūdiyyah* adalah suatu perkara yang memerlukan kajian lebih terperinci. Ini adalah kerana istilah *wujūdiyyah* dan *wahdat al-wujūd* adalah dua istilah yang sangat berbeza. Penggunaan istilah *Wujūdiyyah* dalam konteks ini sangat mengelirukan. *Wujūdiyyah* adalah satu mazhab falsafah kesusasteraan yang bersifat atheis. Ia adalah falsafah yang memusatkan tumpuan kepada wujud manusia yang dianggap sebagai satu-satunya wujud secara yakin. Tidak ada sesuatu yang wujud sebelumnya atau selepasnya. Falsafah ini menganggap bahawa manusia mempunyai zatnya sendiri dan hakikatnya sendiri dengan iradatnya, mencipta perbuatannya dan menentukan sifat-sifatnya dengan kehendaknya secara bebas tanpa ada kaitan dengan Tuhan atau nilai-nilai di luar daripada kehendaknya. Lihat <http://www.khayma.com/internetclinic/mathahb/alogodea.htm>. Lihat Dr. Kamis Ismail (2003), "Shī'ah dan Pengaruhnya dalam Bidang Politik dan Tasawuf Falsafah di Alam Melayu Zaman Tradisional", (Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi), h. 248. Dalam istilah Barat, *Wujūdiyyah* adalah *Existentialism*. Justeru label *Wujūdiyyah* yang dilemparkan kepada aliran tasawwuf yang disebarluaskan oleh Hamzah Fansuri dan Syam al-Dīn al-Sumatrā'iy tidak boleh diterima kerana ia amat mengelirukan.

⁶⁵⁶ Shafie bin Abu Bakar, *Hikam Melayu*, h. xix-xx.

Sebelum ini karangan-karangan tasawwuf lebih didominasi oleh karya-karya yang beraliran *wujūdiyyah* seperti karangan-karangan tasawwuf yang terhasil pada separuh pertama kurun ke-17M di Aceh sebagaimana yang dihasilkan oleh al-Syaykh Hamzah Fansuri dan al-Syaykh Syam al-Dīn al-Sumatrā'iy. Sungguhpun selepas kedatangan al-Syaykh Nūr al-Dīn al-Ranīriy ke Aceh (1047H/1637M), beliau telah banyak mengarang kitab-kitab tasawwuf, tetapi kandungan kitab-kitab tasawwufnya lebih bersifat menyerang aliran *wujūdiyyah*. Jadi, di dalam karangan-karangannya, terpaksa dibawa persoalan-persoalan falsafah *wujūdiyyah* untuk dibahas dan dihuraikan. Sebab itu karangan-karangan demikian tidak sesuai dijadikan pengajaran umum dan memangnya tidak ada sebuahpun karangan tasawwuf Nūr al-Dīn al-Ranīriy yang menjadi kitab tasawwuf popular dipelajari di institusi-institusi pengajian tradisi sebagaimana popularnya kitab *Sirāt al-Mustaqīm* beliau dalam bidang fiqh. Karangan-karangan tasawwuf penting beraliran *sunnīy* di dalam bahasa Melayu hanya terhasil selepas kelahiran *Hikam Melayu* (akhir abad ke-17M) iaitu seperti *Hidāyat al-Sālikīn* (1192H/1792M) dan *Sayr al-Sālikīn* (1203H/1803M) yang disadur oleh al-Syaykh

rawak karya-karya Hamzah Fansuri dan Syam al-Dīn al-Sumatrā'iy sebagai aliran *Wujūdiyyah* adalah suatu perkara yang memerlukan kajian lebih terperinci. Ini adalah kerana istilah *wujūdiyyah* dan *wahdat al-wujūd* adalah dua istilah yang sangat berbeza. Penggunaan istilah *Wujūdiyyah* dalam konteks ini sangat mengelirukan. *Wujūdiyyah* adalah satu mazhab falsafah kesuasteraan yang bersifat atheis. Ia adalah falsafah yang memusatkan tumpuannya kepada wujud manusia yang dianggap sebagai satu-satunya wujud secara yakin. Tidak ada sesuatu yang wujud sebelumnya atau selepasnya. Falsafah ini menganggap bahawa manusia mempunyai zatnya sendiri dan hakikatnya sendiri dengan iradatnya, mencipta perbuatannya dan menentukan sifat-sifatnya dengan kehendaknya secara bebas tanpa ada kaitan dengan Tuhan atau nilai-nilai di luar daripada kehendaknya. Lihat <http://www.khayma.com/internetclinic/mathah/balogdea.htm>. Lihat Dr. Kamis Ismail (2003), "Shī'ah dan Pengaruhnya dalam Bidang Politik dan Tasawuf Falsafah di Alam Melayu Zaman Tradisional", (Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi), h. 248. Dalam istilah Barat, *Wujūdiyyah* adalah *Existentialism*. Justeru label *Wujūdiyyah* yang dilemparkan kepada aliran tasawuf yang disebarluaskan oleh Hamzah Fansuri dan Syam al-Dīn al-Sumatrā'iy tidak boleh diterima kerana ia amat mengelirukan.

⁶⁵⁶ Shafie bin Abu Bakar, *Hikam Melayu*, h. xix-xx.

‘Abd al-Şamad al-Falimbāniy dari karangan al-Imām al-Ghazzāliy yang berjudul *Bidāyat al-Hidāyah* dan *Lubāb Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. Lebih kemudian daripada itu ialah kitab *Minhāj al-Ābidīn* (tarikh ia diterjemah 1240H) yang disadur oleh al-Saykh Dawūd ibn ‘Abd Allāh al-Faṭāniy (w1297H)⁶⁵⁷ dari karangan al-Imām al-Ghazzāliy dengan judul yang sama. Begitu juga dengan sebuah lagi karangan al-Saykh Dawūd secara syarah yang berjudul *Terjemahan Hikam Abī Madyan* (1204H) yang didasarkan kepada Matan *Hikam Abī Madyan* Syu‘ayb (w1179H).⁶⁵⁸ Begitu juga dengan sebuah lagi karangan al-Saykh Dawūd iaitu kitab *Kanz al-Minan* juga karangan Abī Madyan Syu‘ayb (w1179H) yang diterjemahkannya pada tahun 1240H.⁶⁵⁹

Kehadiran *Hikam Melayu* bolehlah dianggap berperanan bagi memenuhi kekosongan karya-karya tasawwuf *sunniy* yang sebelumnya merupakan sebagai alternatif bagi pelajar-pelajar tasawwuf selepas karya-karya falsafah *wujūdiyyah* (*Fansūriyyah*) dicap sebagai menyeleweng. Kehadiran *Hikam Melayu* bukan sekadar memenuhi kekosongan, tetapi membawa bersama-sama satu corak penulisan tasawwuf baru jauh berbeza dari bentuk-bentuk penulisan sebelumnya, ia bukan berbentuk puisi sebagaimana dihasilkan oleh Hamzah Fansuri sebelumnya dan tidak pula berbentuk prosa biasa, tetapi ianya berbentuk *Hikam* yang membawa pemikiran mendalam dengan susunan bahasa yang indah

⁶⁵⁷ Ada tiga pendapat berhubung tarikh wafat al-Saykh Dawūd ibn ‘Abd Allāh al-Faṭāniy iaitu 1847M, 1265H dan 1297H. Pendapat terakhir ini didokong oleh Tuan Haji Mohd Shaghir bin Abdullah. Lihat Shaghir, Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah. 1991. *Mun-yatul Mushalli Syeikh Daud al-Fathani Pengetahuan Sembahyang yang Masyhur*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, h. 7 & 8.

⁶⁵⁸ Shafie bin Abu Bakar, *Hikam Melayu*, bahagian nota kaki, h. xix-xx. Lihat juga Shafie bin Abu Bakar, *Hikam Melayu (HM)* di dalam *Perkembangan Tasawwuf: Kedudukan dan Penetapan Pengarangnya*, Pesaka IV, (1986), h. 49.

⁶⁵⁹ Shaghir, *Perkembangan Ilmu Tasawwuf Dan Tokoh-tokohnya di Nusantara*, h. 149.

menawan. Karangan berbentuk syarah itu sendiri adalah merupakan corak baru yang diberi ulasan dan rujukan secara ilmiah jauh mengatasi corak syarah yang dilakukan oleh al-Syaykh Syam al-Dīn al-Sumatrā'iy terhadap puisi Rubā'i gurunya Hamzah Fansuri. Lebih daripada itu, kandungan *Hikam Melayu* yang istimewa itulah sebenarnya yang memperkuuhkan kedudukannya di dalam persuratan tasawwuf berbahasa Melayu. Sejak kelahirannya, ianya terus diguna dan disalinkan serta luas dipelajari di Alam Melayu.⁶⁶⁰

Di Malaysia, manuskrip yang bersifat syarah terhadap *al-Hikam al-Atā'iyyah* di dalam bahasa Melayu terdapat di Muzium Negara tetapi ia tidak lengkap. Namun pada manuskrip ini tidak kedapatan maklumat pengarangnya.⁶⁶¹ Kesemua syarah dan terjemahan di dalam bahasa Melayu tidak selengkap *Hikam Melayu* yang telah diterbitkan.⁶⁶² Di samping itu syarah terhadap *al-Hikam al-Atā'iyyah* juga kedapatan dalam bahasa Jawa yang digunakan oleh masyarakat keturunan Jawa di Malaysia.⁶⁶³

Walaupun secara nyata tidak dinyatakan siapakah pengarang *Hikam Melayu* ini, namun sarjana-sarjana telah menelusuri jejak pengarang ini sehingga dapat dibuat telahan siapakah ulama besar tersebut. Menurut Shafie bin Abu Bakar, ulama yang mengarang *Hikam Melayu* ini ialah al-Syaykh 'Abd al-Malik bin 'Abdullah (1089H/1676M-1149H/1736M), seorang ulama Terengganu yang sangat masyhur pada kurun ke-17M dan sangat terkenal dengan gelaran Tuk

⁶⁶⁰ Shafie bin Abu Bakar, *Hikam Melayu*, h. xiv.

⁶⁶¹ Shafie bin Abu Bakar, *Hikam Melayu*, h. xix.

⁶⁶² Tuk Pulau Manis, Al-Syaykh 'Abd al-Malik ibn 'Abd Allāh, *Kitāb Syarah Hikam, Pulau Pinang*, Maktabah wa Maṭba'ah Dār al-Ma'ārif, t.th.

⁶⁶³ Shafie bin Abu Bakar, *Hikam Melayu*, h. xix.

Pulau Manis.⁶⁶⁴ Beliau telah mengemukakan hujah secara panjang lebar dalam tesisnya demi memperkuuhkan dan mempertahankan pendapatnya bahawa *Hikam Melayu* adalah hasil karya al-Syaykh ‘Abd al-Malik bin ‘Abdullah.⁶⁶⁵ Pendapat ini juga telah disokong oleh Ismail Che Daud dalam artikelnya yang berjudul *Tuk Pulau Manis (1650an-1736M) Penulis Syarah Hikam* dalam majalah Pengasuh bilangan 509, Februari 1991.⁶⁶⁶

Tuk Pulau Manis atau nama sebenarnya ‘Abd al-Malik ibn ‘Abd Allāh (1089H/1676M-1149H/1736M) adalah seorang tokoh ulama dari Terengganu yang hidup sezaman dengan beberapa ulama terkenal di Alam Melayu pada zamannya seperti Faqīh ‘Abd al-Qādir di Palembang, Faqīh ‘Abd al-Rahmān di Patani, Faqīh ‘Abd al-Šamad di Kedah, Haji Ibrahim dan Tuk Haji Muhammad di Siantan. Beliau juga hidup sezaman dengan Syakh ‘Abd al-Ra’ūf Singkel.⁶⁶⁷ Tahun kehidupan al-Syaykh ‘Abd al-Malik tercatat antara tahun 1089H/1676M-1149H/1736M sebagaimana yang tersurat di atas kubur beliau, menurut salah satu tulisan Misbaha. Tetapi penyelidikan terakhir memberikan maklumat bahawa beliau lahir lebih awal iaitu kira-kira 1650M.⁶⁶⁸

Tuk Pulau Manis adalah seorang tokoh ulama yang sangat berwibawa, pengarang kitab agama yang bermutu tinggi, mempunyai sebuah institusi pengajian tradisi yang dikenali sebagai Institusi Syaykh ‘Abd al-Malik dan terlibat

⁶⁶⁴ Sila rujuk Shafie bin Abu Bakar, *Hikam Melayu*, h. xxvii-xxxx.

⁶⁶⁵ Lihat Shafie bin Abu Bakar, *Hikam Melayu*, h. xxiii-xxvii.

⁶⁶⁶ Lihat Ismail Che Daud, *Tuk Pulau Manis (1650an-1736M) Penulis Syarah Hikam*, dlm majalah Pengasuh bilangan 509, Februari 1991.

⁶⁶⁷ Shafie bin Abu Bakar, *Institusi Shaykh ‘Abdu'l-Malik*, h. 27.

⁶⁶⁸ Shaghir, Hj. Wan Mohd Shaghir Wan Abdullah, *al-Ma'rifah, Pelbagai Aspek Tasawuf di Nusantara*, Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur & Yayasan Pembangunan Buku Negara, 1424H/2004M, j. 2, h. 187.

secara aktif sebagai ulama istana di Negeri Terengganu.⁶⁶⁹ Penglibatan al-Syaykh ‘Abd al-Malik baik sebagai ulama istana, lebih-lebih lagi dengan usahanya mendirikan institusi pengajian bagi menyebarkan ilmu pengetahuan dan menanamkan tradisi keintelektualan di kalangan masyarakatnya menjadikan pengaruhnya meluas di kalangan masyarakat tradisi khususnya di Terengganu hingga melewati zaman selepas kewafatannya. Berkat dari usahanya, ada dari kalangan penuntutnya yang menyambung pelajaran keluar dari Terengganu seperti Riau Johor, Patani dan Mekah.⁶⁷⁰ Dengan ini warisan keilmuan beliau telah dapat diperpanjangkan oleh generasi berikutnya menerusi ketokohan anak-anak didik beliau, termasuklah dalam bidang pengajian kitab *Hikam Melayu* ini. Ini adalah kerana hampir disepakati ramai bahawa kitab *Hikam Melayu* dengan gaya bahasa klasiknya yang susah difahami, isi kandungannya yang pelbagai dan topik-topik perbincangannya yang tinggi menyebabkan bukan semua ulama tempatan mampu membaca dan menghuraikannya dengan baik sebagaimana yang dimaksudkan oleh pengarang asalnya. Kewujudan sebilangan anak-anak murid al-Syaykh ‘Abd al-Malik yang mewarisi khazanah ilmu dan menyambung usaha-usaha beliau telah mampu memperkuuhkan kedudukan kitab *Hikam Melayu* ini di kalangan ilmuan di Alam Melayu.

Pengakuan kitab *Syarah Hikam Melayu*⁶⁷¹ sebagai karya Tuk Pulau Manis Terengganu mulai diragukan buat pertama kalinya oleh Abdur Razak Mahmud dalam majalah *Pengasuh* bilangan 511, April 1991 sebagai tanggapan terhadap tulisan Ismail Che Daud dalam artikelnya yang berjudul *Tuk Pulau Manis*

⁶⁶⁹ Shafie bin Abu Bakar, *Institusi Shaykh ‘Abdu'l-Malik*, h. xiii.

⁶⁷⁰ Shafie bin Abu Bakar, *Institusi Shaykh ‘Abdu'l-Malik*, h. xiii.

⁶⁷¹ *Syarah Hikam Melayu* juga adalah nama bagi *Hikam Melayu*

secara aktif sebagai ulama istana di Negeri Terengganu.⁶⁶⁹ Penglibatan al-Syaykh ‘Abd al-Malik baik sebagai ulama istana, lebih-lebih lagi dengan usahanya mendirikan institusi pengajian bagi menyebarkan ilmu pengetahuan dan menanamkan tradisi keintelektualan di kalangan masyarakatnya menjadikan pengaruhnya meluas di kalangan masyarakat tradisi khususnya di Terengganu hingga melewati zaman selepas kewafatannya. Berkat dari usahanya, ada dari kalangan penuntutnya yang menyambung pelajaran keluar dari Terengganu seperti Riau Johor, Patani dan Mekah.⁶⁷⁰ Dengan ini warisan keilmuan beliau telah dapat diperpanjangkan oleh generasi berikutnya menerusi ketokohan anak-anak didik beliau, termasuklah dalam bidang pengajian kitab *Hikam Melayu* ini. Ini adalah kerana hampir disepakati ramai bahawa kitab *Hikam Melayu* dengan gaya bahasa klasiknya yang susah difahami, isi kandungannya yang pelbagai dan topik-topik perbincangannya yang tinggi menyebabkan bukan semua ulama tempatan mampu membaca dan menghuraikannya dengan baik sebagaimana yang dimaksudkan oleh pengarang asalnya. Kewujudan sebilangan anak-anak murid al-Syaykh ‘Abd al-Malik yang mewarisi khazanah ilmu dan menyambung usaha-usaha beliau telah mampu memperkuuhkan kedudukan kitab *Hikam Melayu* ini di kalangan ilmuan di Alam Melayu.

Pengakuan kitab *Syarah Hikam Melayu*⁶⁷¹ sebagai karya Tuk Pulau Manis Terengganu mulai diragukan buat pertama kalinya oleh Abdur Razak Mahmud dalam majalah Pengasuh bilangan 511, April 1991 sebagai tanggapan terhadap tulisan Ismail Che Daud dalam artikelnya yang berjudul *Tuk Pulau Manis*

⁶⁶⁹ Shafie bin Abu Bakar, *Institusi Shaykh ‘Abdu'l-Malik*, h. xiii.

⁶⁷⁰ Shafie bin Abu Bakar, *Institusi Shaykh ‘Abdu'l-Malik*, h. xiii.

⁶⁷¹ *Syarah Hikam Melayu* juga adalah nama bagi *Hikam Melayu*

(1650an-1736M) Penulis *Syarah Ḥikam* dalam majalah Pengasuh bilangan 509, Februari 1991⁶⁷² dan sekaligus menyentuh tulisan-tulisan Dr. Shafie Abu Bakar.⁶⁷³

Seterusnya, pertikaian ini dilanjutkan lagi oleh pengkaji kitab-kitab *turāth* Alam Melayu yang terkenal, Tuan Haji Mohd Shaghir Abdullah yang cuba membuktikan bahawa al-Saykh ‘Abd al-Malik bukanlah pengarang sebenar *Hikam Melayu*. Sebaliknya beliau telah menetapkan bahawa pengarangnya adalah seorang ulama dari Indonesia yang belum dapat ditentukan siapakah nama ulama tersebut.⁶⁷⁴ Pada peringkat awal, Shaghir sendiri telah membuat kesimpulan awal bahawa *Syarah Ḥikam Melayu* adalah karya Tuk Pulau Manis.⁶⁷⁵ Secara umumnya Shaghir membuat kesimpulan itu berdasarkan kepada penelitiannya ketika itu yang terbatas kepada beberapa cetakan mutakhir *Syarah Ḥikam Melayu* yang rata-rata menyatakan pada kulit muka bahawa pengarangnya adalah Tuk Pulau Manis sebelum beliau menemui naskhah-naskhah cetakan terdahulu yang memuatkan kenyataan pentaṣhiḥnya al-Saykh Ahmad ibn Muhammad Zayn al-Fatāniy (w1326H) yang menafikan kenyataan tersebut.⁶⁷⁶

Hujah utama Shaghir dalam menolak ketetapan Tuk Pulau Manis sebagai pengarang *Syarah Ḥikam Melayu* antaranya ialah dua kenyataan pentaṣhiḥ pertama bagi kitab *Syarah Ḥikam Melayu* iaitu al-Saykh Ahmad ibn Muhammad Zayn al-Fatāniy sendiri berhubung dengan nisbah pengarang kitab tersebut. Bagi Shaghir, hujah al-Saykh Ahmad al-Fatāniy sebagai pentaṣhiḥ pertama kitab

⁶⁷² Lihat Abdur Razak Mahmud, dalam majalah Pengasuh bilangan 511, April 1991.

⁶⁷³ Shaghir, *al-Ma’rifah* (2), h. 187 dan Shaghir, *Penjelasan Nazham*, h. 126-127.

⁶⁷⁴ Lihat Shaghir, *al-Ma’rifah* (2), h. 186-189 dan Shaghir, *Penjelasan Nazham*, h. 64-68 dan 126-136.

⁶⁷⁵ Lihat Shaghir, *al-Ma’rifah* (2), h. 188.

⁶⁷⁶ Lihat Shaghir, *Penjelasan Nazham*, h. 132.

Syarah Ḥikam Melayu sangat penting dalam menentukan siapakah pengarang kitab tersebut.

Kenyataan pertama al-Saykh Aḥmad al-Faṭāniy dirakamkan dalam cetakan *Syarah Ḥikam Melayu* yang paling awal yang diusahakan oleh perpustakaan *Maṭba'ah al-Mīriyyah* di Mekah (1300H/1882M), menyatakan bahawa beliau menerima perkhabaran orang bahawa kitab tersebut dikarang oleh seorang ulama Terengganu. Al-Saykh Aḥmad al-Faṭāniy menulis: Dan tiada hamba dapat ketentuan namanya dengan nas, tetapi telah dikhabarkan hamba oleh *ba'd al-thiqāt* (sebilangan orang yang boleh dipercayai) bahawa yang menterjemahkan kitab ini (ialah) *mawlānā* yang mempunyai *maqāmāt* yang 'aliyyah, dan *karāmāt* yang *masyhūrah saniyyah* yang dima'rūfkan dengan gelarannya Tuk Pulau Manis daripada ahli *Tarāqānū* (Terengganu).⁶⁷⁷

Sementara kenyataan kedua yang dirakamkan dalam cetakan kedua kitab tersebut, juga cetakan *Maṭba'ah al-Mīriyyah* di Mekah (1302H/1884M), al-Saykh Aḥmad ibn Muḥammad Zayn al-Faṭāniy mengubah sedikit kenyataannya bahawa setelah dikaji aturan ibarat kitab itu dan pilikkan (pelat atau dialek) cakapannya, beliau mendapati bahawa ia adalah karangan orang Aceh. Justeru, beliau mencatatkan pada halaman awal kitab *Syarah Ḥikam Melayu* itu bahawa beliau tidak dapat menentukan siapakah nama pengarangnya dengan yakin.⁶⁷⁸ Kenyataan al-Saykh Aḥmad al-Faṭāniy ini terus dikekalkan pada semua cetakan *Maṭba'ah al-Mīriyyah* di Mekah itu, iaitu cetakan-cetakan pada tahun

⁶⁷⁷ Shaghir, *Penjelasan Nazham*, h. 130-131.

⁶⁷⁸ *Syarah Ḥikam Melayu*, sunt. al-Saykh Aḥmad ibn Muḥammad Zayn al-Faṭāniy, *Maṭba'ah al-Mīriyyah*, Mekah, 1302H/1884M, h. 1. Lihat Shaghir, *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara* j. 2, Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur, h. 23.

1309H/1892M, 1313H/1895M, 1317H/1899M, 1318H/1900M, 1320H/1321H/1902M/1903M, 1323H/1905M dan 1328H/1910M.⁶⁷⁹

Apa yang berlaku ialah setelah al-Syaykh Aḥmad al-Faṭāniy meninggal dunia (1326H), kerja pentashīḥan diambil alih oleh seorang murid kepercayaannya iaitu al-Syaykh Idrīs ibn Ḥusin al-Kalantāniy. Kitab *Syarah Ḥikam Melayu* yang telah ditarjumahkan oleh al-Syaykh Idrīs ibn Ḥusin al-Kalantāniy ini telah dicetak untuk kali pertamanya oleh *Maṭba'ah al-Taraqqī al-Majīdiyyah* di Mekah (1328H/1912M) dengan mengekalkan kenyataan al-Syaykh Aḥmad al-Faṭāniy berhubung status nisbah pengarang kitab *Syarah Ḥikam Melayu* itu, sebagaimana yang terdapat pada semua edisi cetakan *Maṭba'ah al-Mīriyyah* di Mekah yang telah dinyatakan sebelum ini.⁶⁸⁰

Namun, cetakan-cetakan mutakhir bagi kitab *Syarah Ḥikam Melayu* yang diusahakan oleh beberapa percetakan seperti percetakan Sulaymān Mar'iyy di Singapura, cetakan Surabaya, Pulau Pinang, Cerebon dan lain-lain termasuk *Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābiy al-Halabiyy* di Mesir telah menyaksikan perubahan di mana kenyataan pertama al-Syaykh Aḥmad al-Faṭāniy berhubung status nisbah pengarang kitab *Syarah Ḥikam Melayu* kepada Tuk Pulau Manis masih terus digunakan walaupun beliau telah mengubah kenyataan itu dengan kenyataan pemansuhan pada cetakan kedua cetakan *Maṭba'ah al-Mīriyyah* di Mekah (1302H/1884M). Oleh sebab cetakan-cetakan mutakhir itulah yang banyak tersebar, maka pengkaji yang datang kemudiannya sebelum menemui cetakan-

⁶⁷⁹ Shaghir, *Penjelasan Nazham*, h. 131.

⁶⁸⁰ Shaghir, *Penjelasan Nazham*, h. 132.

cetakan terawal telah menyimpulkan bahawa kitab tersebut adalah karya Tuk Pulau Manis.⁶⁸¹

Setelah meneliti hujah kedua-dua pihak, adalah sukar untuk menentukan siapakah sebenarnya pengarang kitab *Syarah Ḥikam Melayu* secara tepat kerana masing-masing tidak mempunyai bukti yang kukuh. Satu-satunya bukti kukuh yang mungkin boleh digunakan untuk membuktikan hal ini ialah manuskrip asal kitab tersebut yang kemungkinan ada tertulis nama pengarangnya, sama ada ditulis oleh pengarangnya atau oleh penyalinnya.⁶⁸²

Justeru, menafikan kesahihan Tuk Pulau Manis sebagai pengarang kitab *Syarah Ḥikam Melayu* walaupun dengan menggunakan kenyataan kedua al-Saykh Ahmad al-Faṭāniy adalah hujah yang kurang kuat. Ini adalah kerana dalam kedua-dua kenyataan al-Saykh Ahmad al-Faṭāniy berhubung siapakah pengarang kitab *Syarah Ḥikam Melayu*, didapati cara beliau menyimpulkannya agak mudah. Dalam kenyataan pertama, beliau lebih cenderung menggunakan pendekatan mempercayai perkhabaran orang yang didengarinya yang menyatakan bahawa pengarang kitab *Syarah Ḥikam Melayu* adalah Tuk Pulau Manis, lantas diterimanya perkhabaran itu.⁶⁸³

Sementara penafiannya pula dibuat berdasarkan kepada beberapa penelitian yang dibuatnya ke atas lenggok bahasa dan dialek yang digunakan oleh pengarang kitab *Syarah Ḥikam Melayu*. Hujah menafikan ini agak lemah kerana ia dibuat dengan andaian beliau sahaja berdasarkan faktor bahasa, sedangkan kenyataan

⁶⁸¹ Shaghir, *Penjelasan Nazham*, h. 132.

⁶⁸² Temubual dengan Tuan Hj. Mohd. Shaghir bin Abdullah, Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur, 24 Jun 2004.

⁶⁸³ Shaghir, *Penjelasan Nazham*, h. 130-131.

pertama dibuat berdasarkan perkhabaran beberapa orang yang beliau anggap sebagai orang yang *thiqah* (boleh dipercayai). Perkataan *thiqah* terhadap perawi khabar itu di sini sudah tentu mempunyai nilai yang sangat tinggi terutamanya kerana ia digunakan pada zaman tersebut yang menyaksikan piawaian atau *standard thiqah* adalah masih tinggi, berdasarkan pengertiannya dalam ilmu *hadīth*. Justeru, bagaimana al-Syaykh Ahmad al-Faṭāniy boleh membatalkan perkhabaran orang yang bertaraf *thiqah* dengan andaian-andaiannya sendiri dari aspek bahasa semata-mata?. Dalam kaedah periyatan *hadīth*, sesuatu khabar tetap dianggap *sahīh* apabila diriwayatkan oleh perawi-perawi yang *thiqah*. Ia tidak boleh dibatalkan hanya dengan andaian terhadap aspek-aspek bahasa semata-mata.

Seperkara lain, jikapun al-Syaykh Ahmad al-Faṭāniy mempunyai hak menarik balik kenyataan pertamanya berhubung siapakah pengarang kitab *Syarah Hikam Melayu*, namun ia bukannya pembatalan secara mutlak yang harus diikuti oleh orang lain yang kemungkinan merasa lebih selesa untuk menerima perkhabaran perawi-perawi yang *thiqah* tadi bahawa pengarang kitab *Syarah Hikam Melayu* adalah Tuk Pulau Manis. Justeru, menyandarkan *keṣaḥīḥan* pengarang kitab *Syarah Hikam Melayu* adalah Tuk Pulau Manis atau menafikannya berdasarkan kenyataan al-Syaykh Ahmad al-Faṭāniy semata-mata adalah masih dianggap lemah untuk melawan status perkhabaran perawi-perawi yang *thiqah* tersebut.

Berhubung dengan hujah bahasa yang dikatakan banyak mempunyai dialek cara orang Aceh, maka boleh diandaikan bahawa Tuk Pulau Manis mungkin sahaja terpengaruh dalam gaya bahasanya dengan bahasa orang Aceh. Ini adalah berdasarkan beberapa hujah. Pertama, seseorang penulis yang banyak

membaca karya Melayu Klasik yang lain seperti Tuk Pulau Manis terdedah kepada penyaduran gaya-gaya bahasa yang terdapat dalam kitab yang dibacanya. Kedua, Tuk Pulau Manis banyak bergaul dengan orang-orang Nusantara (Indonesia), terutamanya dari Aceh sama ada semasa menuntut di Aceh mahupun semasa berada di Mekah.

Justeru, faktor bahasa boleh dianggap sebagai tidak kuat untuk menjadi faktor pemberat utama dalam menentukan siapakah pengarang sebenar kitab *Syarah Ḥikam Melayu*. Ini adalah kerana selain dialek Aceh yang terdapat dalam kitab *Syarah Ḥikam Melayu*, terdapat juga sebilangan dialek yang khusus dipertuturkan oleh orang Terengganu. Maka, kombinasi antara dua dialek ini mampu dilakukan oleh Tuk Pulau Manis, sedangkan orang Aceh yang dianggap sebagai pengarang sebenar kitab *Syarah Ḥikam Melayu*, yang belum dapat ditentukan namanya itu sehingga kini, belum tentu mampu menggunakan dialek-dialek Terengganu dalam penulisannya.⁶⁸⁴

Dalam aspek bahasa ini, kelihatan hujah Dr. Shafie lebih kukuh berbanding hujah Shaghir yang hanya mampu mempertikaikan perkataan *sengkeraha* (bermaksud persediaan) dan *terburyi* (tersembunyi).⁶⁸⁵ Sementara Dr. Shafie mempertaruhkan banyak perkataan yang digunakan oleh Tuk Pulau Manis yang juga digunakannya dalam kitabnya *Kitāb Kifāyah* (uṣūl al-dīn dan fiqh) dan *Risālah Naql* (fiqh)⁶⁸⁶ seperti perkataan *pesenggeraha*, *senggeraha* (bermaksud bersedia), *dusun* (bermaksud kampung), *fikir* dan *anak* dan bukannya bin. Di

⁶⁸⁴ Berhubung dialek dalam kitab *Syarah Ḥikam Melayu*, lihat Dr. Shafie bin Abu Bakar, *Ḥikam Melayu*, h. xxxv-xxxx.

⁶⁸⁵ Shaghir, *Penjelasan Nazham*, h. 134-136.

⁶⁸⁶ Shafie bin Abu Bakar, *Ḥikam Melayu*, h. xivi.

samping itu, istilah tempatan Terengganu juga menjadi pertaruhan Dr. Shafie dalam memperkuuhkan hujahnya, iaitu perkataan telaga (perigi atau sumur), *ditaruh* dan *ditaruhkan* (disimpan), *erok* (bengkang atau bengkok), *menghela* dan *dihela* (menarik atau menyongsong).⁶⁸⁷

Hujah lain yang dipertaruhan oleh sesetengah pihak berhubung dengan penafian Tuk Pulau Manis sebagai pengarang sebenar kitab *Syarah Ḥikam Melayu* ialah hujah sumber rujukan yang dirujuk oleh pengarang kitab tersebut. Rujukan yang dimaksudkan ialah kitab *Iqāz al-Himam fi Syarḥ al-Ḥikam* karya al-Syaykh Ibn ‘Ajibah (1160-1224H). Didapati bahawa sesetengah tempat dalam kitab *Syarah Ḥikam Melayu*, petikan yang dibuat menyamai dengan apa yang terdapat dalam kitab *Iqāz al-Himam*.⁶⁸⁸ Hujah ini juga dapat dipertikaikan kerana sangat banyak karya agama terutamanya dalam bahasa Arab yang mempunyai ibarat yang sama antara satu sama lain. Kadang kala, petikan ini disebutkan oleh pengarangnya dari manakah sumber pengambilannya dan kadang kala tidak disebutkan sumber pengambilannya. Masing-masing saling memetik antara satu sama lain dalam menyempurnakan karya mereka sehingga kadang-kadang dirasakan bahawa seolah mereka menyalin sahaja daripada karya-karya orang terdahulu. Kes seumpama ini banyak ditemui dalam kitab fiqh, tafsir, *tarājum* dan lain-lain. Jadi, ibarat-ibarat al-Syaykh Ibn ‘Ajibah dalam kitabnya *Iqāz al-Himam* itu berkemungkinan dipetiknya daripada mana-mana sumber terdahulu yang tidak dinyatakan oleh pengarangnya. Meneliti corak penulisan al-Syaykh Ibn ‘Ajibah

⁶⁸⁷ Lihat Dr. Shafie bin Abu Bakar, *Ḥikam Melayu*, h. xxxv-xxxx.

⁶⁸⁸ Temubual dengan Dr. Hj. Jahid bin Hj. Sidek, bekas Profesor Madya di Universiti Malaya dan Syaykh tarekat *Naqsyabandiyah*, di Pusat Rawatan Islam Manarah, Lorong Beringin, Batu 17, Kg. Kuang, Sungai Buloh, Selangor. 25 Jun 2004.

dalam kitabnya *Iqāz al-Himam* itu, diperhatikan bahawa beliau tidak sangat mementingkan soal menyebut sumber-sumber pengambilannya secara terperinci. Penulis berkecenderungan bahawa petikan-petikan yang dipercayai dinukilkhan oleh Tuk Pulau Manis daripada al-Syaykh Ibn ‘Ajibah dalam kitabnya *Iqāz al-Himam* itu adalah bersumberkan daripada al-Syaykh Ibn ‘Abbād dalam kitabnya *Ghayth al-Mawāhib al-‘Aliyyah Bi Syarḥ al-Hikam al-‘Aṭā’iyyah*.

Disebabkan perselisihan pendapat dan kekaburuan maklumat berhubung siapakah pengarang sebenar kitab *Syarah Hikam Melayu*, maka sebagai natijahnya, adalah sukar pula untuk ditentukan dengan tepat bilakah tarikh ianya telah dikarang. Berdasarkan keterangan perkhabaran orang-orang *thiqah* sebagaimana yang telah dinyatakan oleh al-Syaykh Ahmad al-Faṭāniy selaku *pentaṣhiḥ* pertama *Syarah Hikam Melayu* yang menyebut bahawa ia dikarang oleh seorang ulama dari Terengganu⁶⁸⁹ dan kesimpulan mantap yang telah dilakukan oleh Shafie bin Abu Bakar, bahawa beliau adalah Tuk Pulau Manis atau al-Syaykh ‘Abd al-Malik bin ‘Abd Allāh, maka dapatlah disimpulkan buat sementara bahawa ia telah dikarang pada sekitar kurun ke-17M, sehingga diketemukan bukti-bukti lain yang menafikan ketetapan ini.

Setelah dibicarakan tentang kitab *Hikam Melayu* sebagai sebuah karya yang berasaskan karya *al-Hikam al-‘Aṭā’iyyah*, adalah baik direntetkan secara ringkas perbicaraan berkenaan dengan beberapa karya lain dalam bahasa Melayu yang juga berasaskan kepada karya *al-Hikam al-‘Aṭā’iyyah*. Ini adalah penting dalam rangka untuk mengukur sejauhmana berkembangnya pengaruh al-Syaykh Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandariy menerusi karya agungnya *al-Hikam al-‘Aṭā’iyyah*.

⁶⁸⁹ Tuk Pulau Manis, *op.cit.*, h. 1.

Mengiringi karya *Hikam Melayu*, didapati ada pula sebuah karya lain yang merupakan terjemahan kepada *al-Hikam al-'Aṭā'iyyah* yang diberikan judul *Terjemah Kitab Hikam*. Ia yang dipercayai sebuah karya seorang ulama berasal dari Aceh yang tidak diketahui namanya merupakan terjemahan semata-mata secara kata demi kata. Karangan secara terjemahan ini pernah dicetak oleh Maṭba'ah al-Taraqqī al-Majidiyyah, Mekah (1328H/1910M) setebal 38 halaman sahaja berukuran 29.2cm x 20.3cm.⁶⁹⁰

Terdapat sebuah lagi karya terjemahan bagi kitab *al-Hikam* yang masyhur di kalangan pengaji dan pengkaji kitab *turath* Melayu dengan nama *Hikam Kecil* yang digunakan untuk membezakannya dengan syarah *al-Hikam* karya Tuk Pulau Manis yang masyhur pula dengan nama *Hikam Besar*. Kitab *Hikam Kecil* ini sebenarnya hanya sebuah karya terjemahan terhadap kitab *al-Hikam al-'Aṭā'iyyah* semata-mata tanpa sebarang tambahan atau huraian. Tertera pada halaman depan kitab itu bahawa ia telah diterjemahkan oleh seorang sufi yang dianggap sebagai *waliy Allāh* tanpa disebutkan siapakah nama penterjemah itu kerana takut *riyā'*.⁶⁹¹ Sementara nama *pentaṣhiḥnya* sebagaimana yang dinyatakan di bahagian akhir kitab tersebut ialah al-Syaykh Idrīs ibn Ḥusin al-Kalantāniy al-Jāwiyy iaitu untuk cetakan Khazanah Fathaniyah⁶⁹² dan al-Syaykh al-Ḥāj 'Abd Allāh ibn al-Ḥāj Ibrāhīm Langgar al-Qadahiy untuk cetakan Dār al-Ṭibā'ah al-Islāmiyyah, Faṭāni , Siam.⁶⁹³

⁶⁹⁰ Shafie bin Abu Bakar, *Institusi Shaykh 'Abdu'l-Malik*, h. 77.

⁶⁹¹ Al-Sakandariy, *Terjemah Matan Hikam Ibn 'Aṭā'iyyah al-Sakandariy*, tanpa nama perterjemah, Dār al-Ṭibā'ah al-Islāmiyyah, Faṭāni , Siam, t. th., h. 1. Lihat cetakan terbaru, Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur, 1421H/2001M, h. 1.

⁶⁹² Al-Sakandariy, *Terjemah Matan Hikam Khazanah Fathaniyah*, h. 38.

⁶⁹³ Al-Sakandariy, *Terjemah Matan Hikam Dār al-Ṭibā'ah al-Islāmiyyah, Faṭāni*, Siam, h. 34.

Namun, adalah sukar untuk dipastikan apakah karya terjemahan ini sama dengan karya terjemahan kitab *al-Hikam* yang telah disebutkan sebelum ini yang dipercayai telah diusahakan terjemahannya oleh seorang ulama Aceh dan yang pernah dicetak oleh Maṭba'ah al-Taraqqī al-Majīdiyyah, Mekah (1328H/1910M) setebal 38 halaman sahaja berukuran 29.2cm x 20.3cm. Ini adalah kerana pentashīhnya sendiri iaitu al-Syaykh Idrīs ibn Ḥusin al-Kalantāniy al-Jāwiyy dan al-Syaykh al-Ḥāj ‘Abd Allāh ibn al-Ḥāj Ibrāhīm Langgar al-Qadaḥiy meragui bahawa terjemahan ini sama dengan sebuah karya terjemahan syarah *Hikam* Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy karangan seorang ulama Aceh. Ini adalah kerana beliau menyatakan bahawa naskhah yang beliau *taṣhīh* ini adalah berlainan dengan terjemah syarah *Hikam* Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy yang telah diusahakan oleh seorang ulama Aceh kerana beliau telah membandingkan naskhah tulisan tangan dengan terjemahan ini, namun kedua-duanya tidak sama. Justeru, kedua-dua pentashīh menganggapnya sebagai karya yang berbeza.⁶⁹⁴ Dengan ini dapat dianggap bahawa *Hikam Kecil* ini adalah satu karya yang berlainan daripada karya terjemahan seorang ulama Aceh yang telah disebutkan sebelum ini.⁶⁹⁵ *Hikam Kecil* ini telah dicetak untuk kali pertamanya pada tahun 1310H/1892M oleh percetakan *Maṭba'ah al-Mīriyyah al-Kā'inah bi Makkah al-Mukarramah*, Mekah dan dicetak seterusnya di Mekah dan Mesir⁶⁹⁶ dan dicetak pula pada zaman berikutnya oleh percetakan di Nusantara seperti percetakan Dār al-Tibā'ah al-Islāmiyyah, Faṭānī, Siam (tanpa tarikh) dan Khazanah Fathaniyyah,

⁶⁹⁴ Al-Sakandariy, *Terjemah Matan Hikam* Khazanah Fathaniyah, h. 38 dan Dār al-Tibā'ah al-Islāmiyyah, Faṭānī, Siam, h. 34.

⁶⁹⁵ Lihat Ismail Che Daud. (ed), 1988. *Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu (I)*, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 10.

⁶⁹⁶ Lihat *ibid.*

Kuala Lumpur (1421H/2001M) yang dicetak daripada cetakan asal Maṭba‘ah al-Taraqqī al-Majidiyyah, Mekah (1328H/1910M).

Satu persoalan yang timbul di sini ialah adakah pengarang kitab *Hikam Kecil* ini dan pengarang kitab *Hikam Besar* adalah orang yang sama? Ada kecenderungan untuk mengaitkan bahawa kedua-dua kitab itu adalah orang yang sama, di mana andaian dibuat bahawa kitab *Hikam Kecil* telah dicetak secara berasingan setelah diasingkan antara isi asal *al-Hikam al-‘Aṭā’iyah* dan syarah yang ada dalam kitab *Hikam Besar*. Kemungkinan teori ini dapat membantu memantapkan hujah orang yang berpendapat bahawa *Hikam Besar* adalah sebenarnya karangan seorang ulama Aceh, bukannya Tuk Pulau Manis. Ini adalah kerana status pengarang *Hikam Kecil* sudah tidak dipertikaikan lagi bahawa ia bukanlah karya Tuk Pulau Manis,⁶⁹⁷ tetapi ia adalah karangan seorang ulama Aceh, seperti yang ditetapkan oleh al-Syaykh Idrīs ibn Ḥusīn al-Kalantāniy al-Jāwiyy.⁶⁹⁸ Namun setelah dibuat perbandingan pada beberapa tempat, maka didapati bahawa terjemahan matan *al-Hikam al-‘Aṭā’iyah* dalam kedua-dua karya tersebut adalah berbeza-beza, walaupun kadang kala ada persamaan. Perbezaan-perbezaan ini menguatkan pendapat penulis bahawa kedua-dua karya tersebut dikarang oleh dua orang yang berbeza, bukan seorang pengarang sahaja.

Seorang ulama bernama Haji Muḥammad Ṣāliḥ bin ‘Umar al-Semarāni (awal abad ke-18M) pula mengarang sebuah kitab berjudul *Terjemah al-Hikam*,⁶⁹⁹ namun maklumat lanjut mengenai karya ini gagal diperolehi. Karya yang

⁶⁹⁷ Shaghir, *Penjelasan Nazham*, h. 129.

⁶⁹⁸ Lihat *ibid.*

⁶⁹⁹ Shafie bin Abu Bakar, *Hikam Melayu*, h. xxvii. Lihat juga Sulaiman bin Ibrahim, *al-Turuq*, h. 419.

berasaskan *al-Hikam al-'Atā'iyyah* yang lebih moden telah diterjemahkan dan diberikan ulasan ringkas oleh Haji Salim Bahrish yang di dalam edisi ruminya diberi judul *Terjemah al-Hikam: Mendekati Diri Kepada Tuhan* dan edisi jawinya berjudul *Terjemah al-Hikam: Jalan Mendekati Diri Kepada Allah*.⁷⁰⁰ Boleh dianggap bahawa kitab karya Haji Salim Bahrish ini tersebar dengan agak meluas di Malaysia pada zaman mutakhir ini disebabkan kekurangan bahan berkaitan kitab *al-Hikam* dalam tulisan rumi. Pada kebanyakan tempat pengajian kitab *al-Hikam* pada dekad-dekad terakhir di Malaysia memperlihatkan kitab karya Haji Salim Bahrish ini dirujuk oleh para pelajar, malah ada pula yang menjadikannya sebagai bacaan asas dalam pengajian.⁷⁰¹ Kenyataan ini diperkuuhkan oleh fakta banyaknya cetakan yang dilakukan ke atas kitab *al-Hikam* yang diusahakan oleh Haji Salim Bahrish ini dirujuk sama ada dalam edisi jawinya ataupun edisi ruminya, sejak cetakan pertamanya pada tahun 1976 hingga sampai sekarang, cetakan baru terus muncul.

Dalam bentuk syarah dan huraian, sebuah lagi karangan yang berasaskan *al-Hikam al-'Atā'iyyah* dalam bahasa Melayu telah diusahakan oleh Prof. Dr. K.H. Muhibbuddin Waly⁷⁰² seorang ulama dari Aceh, Indonesia yang pernah bertugas sebagai Profesor di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Buku yang berjudul *Hakikat Hikmah Tauhid Dan Tasawuf (al-Hikam)* dan dicetak di Singapura ini dipasarkan secara meluas di Malaysia, Singapura dan Indonesia di

⁷⁰⁰ Salim Bahrish, *Terjemah al-Hikam: Mendekati Diri Kepada Tuhan*, Surabaya: Toko Imam, 1976 dan Salim Bahrish, *Terjemah al-Hikam: Jalan Mendekati Diri Kepada Allah*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1984.

⁷⁰¹ Pengamatan di dua buah buah tempat pengajian *al-Hikam* di Wilayah Persekutuan, iaitu Masjid At-Taqwa, Taman Tun Dr. Ismail, Damansara dan Masjid Ghulfran, Balai Islam, Pinggiran Taman Tun Dr. Ismail, Damansara.

⁷⁰² Muhibbuddin Waly (Prof. Dr. K.H.), *Hakikat Hikmah Tauhid Dan Tasawuf (al-Hikam)*, Pustaka Nasional, Singapura, 1991.

samping negara-negara lain seperti Thailand dan Brunei Darussalam. Buku yang dicetak dalam saiz sederhana dan dipecahkan kepada dua jilid besar ini merupakan sebuah karya ilmiah yang sangat sederhana isi kandungannya dan disasarkan kepada pembaca pelbagai peringkat. Berbanding kitab *Hikam Melayu* karangan Tuk Pulau Manis, isi kandungan buku yang lebih berorientasikan pendekatan moden ini adalah jauh lebih mudah difahami, padat dan menjurus kepada beberapa persoalan utama sahaja tanpa meleret-leret kepada persoalan sampingan. Tetapi kadang kala, terdapat sesetengah huraian beliau –pada hemat penulis– agak jauh keterangannya dan kabur serta tidak jelas hala tujunya, tidak seperti yang ada dalam huraian kitab *al-Hikam* dalam bahasa Arab.⁷⁰³ Kemungkinan, untuk meringankan pembaca, pengarang telah tidak menyebut rujukan sumber pengambilan fakta-fakta atau bahan-bahan ilmiahnya di mana adalah dipercayai bahawa penulis menyadur banyak isi kandungan bukunya daripada karya berbahasa Arab yang tidak dinyatakan sumbernya. Kelemahan lain ialah berkaitan penomboran hikmah-hikmah dalam huraian beliau yang kurang sistematik dan pemberian tajuk yang agak jauh daripada intipati hikmah. Hal ini menyukarkan pembaca untuk mencari hikmah berkenaan untuk tujuan perbandingan dengan teks Arab yang asal dalam kitab induk *al-Hikam al-Āṭā'iyyah*.

Karya moden lain yang diasaskan kepada kitab induk *al-Hikam al-Āṭā'iyyah* dalam bahasa Melayu ialah karya yang agak besar yang telah dihasilkan oleh Labib MZ Maftuh Ahnan dari Indonesia. Karya itu mencapai

⁷⁰³ Sebagai contoh, lihat huraian beliau terhadap hikmah 237 (menurut penomboran beliau sendiri) yang membahaskan persoalan *mujāhadah al-nafs*. Lihat *ibid.*, h. 246-250.

empat jilid dengan setiap jilid diberikan nama judul yang berbeza-beza. Jilid pertama, berjudul *Kuliah Ma'rifat* (*Hikam Ibn 'Atā' Allāh*),⁷⁰⁴ jilid kedua berjudul *Samudera Ma'rifat* (*Hikam Ibn 'Atā' Allāh*),⁷⁰⁵ jilid ketiga *Mutiara Ma'rifat* (*Hikam Ibn 'Atā' Allāh*)⁷⁰⁶ dan jilid keempat berjudul *Hakekat Ma'rifat* (*Hikam Ibn 'Atā' Allāh*).⁷⁰⁷ Penelitian terhadap karya moden ini menunjukkan bahawa ia adalah suatu karya yang baik di mana penulisnya cuba sedaya upaya menyampaikan maksud-maksud yang terkandung dalam hikmah-hikmah al-Syaykh Ibn 'Atā' Allāh al-Sakandariy. Namun, karya ini mempunyai kekurangan dari segi rujukan akademiknya, di mana adalah dipercayai bahawa penulis tersebut telah menyadur banyak isi kandungan bukunya daripada karya berbahasa Arab yang tidak dinyatakan sumbernya. Ini amat berbeza sekali dengan cara Tuk Pulau Manis yang menyebut sumber-sumber pengambilannya secara jelas menurut kaedah penulisan pada zaman tersebut yang hanya menyebut nama kitab, atau nama pengarang, atau kedua-duanya sekali tanpa menyebut nombor halaman kitab yang dirujuk.

Satu lagi karya terbaru yang berasaskan kepada kitab induk *Hikam Melayu* dalam bahasa Melayu ialah buku yang sedang dalam proses percetakan yang diusahakan oleh Tuan Haji Engku Ali Engku Endut, seorang tokoh pendidik dari Terengganu. Penelitian terhadap penulisan yang masih dalam bentuk manuskrip

⁷⁰⁴ Labib MZ Maftuh Ahnan, *Kuliah Ma'rifat* (*Hikam Ibn 'Atā' Allāh*), Bintang Pelajar, Gresik, Jawa Timur, 2001, 419 hlm.

⁷⁰⁵ Labib MZ Maftuh Ahnan, *Samudera Ma'rifat* (*Hikam Ibn 'Atā' Allāh*), Bintang Pelajar, Gresik, Jawa Timur (t.th.), 290 hlm.

⁷⁰⁶ Labib MZ Maftuh Ahnan, *Mutiara Ma'rifat* (*Hikam Ibn 'Atā' Allāh*), Bintang Pelajar, Gresik, Jawa Timur (t.th.), 432 hlm.

⁷⁰⁷ Labib MZ Maftuh Ahnan, *Hakekat Ma'rifat* (*Hikam Ibn 'Atā' Allāh*), Bintang Usaha Jaya, Surabaya (t.th.), 416 hlm.

ini⁷⁰⁸ menunjukkan bahawa ia adalah karya bercorak *taḥqīq*, syarah atau huraian serta komentar terhadap isi kandungan *Hikam Melayu* karya Tuk Pulau Manis. Justeru, pengarangnya telah meminta keizinan bertulis daripada para waris Tuk Pulau Manis untuk melakukan usaha *taḥqīq* dan syarah ini.

Karya ini mengekalkan bahasa dan isi kandungan asal *Hikam Melayu* dan diletakkan di bahagian atas, sementara beberapa komentar telah diberikan oleh pengarangnya terhadap perkataan-perkataan atau ayat-ayat Tuk Pulau Manis yang susah difahami dan ia diletakkan di bahagian bawah bersama-sama dengan nota kaki bagi rujukan lain. Komentar-komentar tersebut ditulis secara panjang lebar sehingga jilid pertamanya sahaja yang mengandungi sekitar 16 hikmah sudah mencecah lebih 600 halaman buku bersaiz sederhana. Jika usaha ini mampu disempurnakan oleh beliau sehingga selesai, ini bererti akan terbit sekitar 8-10 buah kitab syarah *al-Ḥikām* yang mempunyai saiz yang lebih kurang, sekaligus akan menjadikannya sebagai syarah *al-Hikam* yang paling panjang dalam bahasa Melayu dan Arab. Komentar-komentar tersebut diolah dalam bahasa Melayu yang agak moden dan gaya bahasa yang agak mudah berbanding gaya bahasa Tuk Pulau Manis untuk membantu masyarakat Islam moden memahami maksud-maksud yang terkandung dalam hikmah-hikmah al-Syaykh Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandariy.

Secara umumnya, Tuan Haji Engku Ali Engku Endut menggunakan *manhaj taḥqīq* dan syarah yang biasa digunakan oleh pengarang-pengarang kitab-kitab klasik Islam. Dalam karya tersebut beliau telah mentaṣhiḥkan mana-mana

⁷⁰⁸ Pengarangnya Tuan Haji Engku Ali Engku Endut telah bermurah hati memberikan keizinan kepada penulis untuk membuat penelitian terhadap manuscrip buku tersebut yang merupakan draf terakhir kitab tersebut untuk dihantar kepada syarikat percetakan.

kesalahan percetakan yang ada dalam naskhah-naskhah terdahulu yang telah dicetak dan tersebar dalam pasaran, menghuraikan perkataan atau ayat yang sukar difahami, menghuraikan istilah-istilah sufi yang sukar difahami, memberikan rujukan ayat-ayat *al-Qur'an al-Karīm* yang ada dan beliau hanya berpada dengan mentakhrījkan *hadīth* yang terdapat dalam *Hikam Melayu* berdasarkan *takhrij* yang telah dibuat dalam sesetengah kitab rujukan (*syurūh al-Hikam*) tanpa melakukan *takhrij* baru mengikut kaedah *takhrij hadīth* yang biasa digunakan oleh ulama *hadīth*.⁷⁰⁹ Justeru, bolehlah dianggap bahawa kekurangan yang terdapat dalam karya ini hanya pada sudut *takhrij al-hadīth*, dan kerana pengarangnya tidak cuba mentaqiq sumber-sumber asal pengambilan nas-nas Arab yang dipetik oleh Tuk Pulau Manis.

Usaha menelusuri segala sumber nas-nas petikan ini telahpun diusahakan oleh Dr. Shafie bin Abu Bakar dalam tesisnya yang berjudul *Hikam Melayu: Kajian Falsafah Dan Etika* dan ianya patut diperkemaskan lagi di masa hadapan untuk tujuan melakukan *tahqīq* terhadap kitab *Hikam Melayu* ini. Usaha seperti ini adalah diperlukan bagi memudahkan golongan akademik pada masa hadapan untuk membuat rujukan terhadap kitab *Hikam Melayu* secara lebih sempurna. Usaha lain yang perlu dilakukan dengan kadar segera ialah mempermudahkan bahasa kitab *Hikam Melayu* ini agar ia dapat memberikan manfaat yang lebih besar dan boleh dibaca secara lebih meluas oleh masyarakat Islam Malaysia yang rata-rata sudah tidak mempunyai kemampuan untuk membaca kitab jawi berbahasa klasik ini.

⁷⁰⁹ Temubual dengan Tuan Haji Engku Ali Engku Endut, Kuala Terengganu, pada 3 Jun 2004 dan pengamatan terhadap manuskrip buku tersebut yang merupakan draf terakhir kitab tersebut untuk dihantar kepada syarikat percetakan.

Dari aspek kajian akademik, selain kajian ini, ada kajian terdahulu yang telah dilakukan oleh Shafie bin Abu Bakar mengenai kitab *Hikam Melayu* berjudul *Hikam Melayu: Kajian Falsafah Dan Etika* dan telah diperakukan untuk meraih gelaran doktor falsafah daripada Institut Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1990. Kajian ini menumpukan kepada bidang falsafah dan etika yang terkandung dalam kitab *Hikam Melayu*. Ia adalah satu kajian yang sangat berharga dan berjaya mencungkil isi kandungan khazanah karya berdasarkan kitab *al-Hikam al-Āṭā'iyyah* dalam bahasa Melayu sekaligus dapat mempamerkan kehebatan seorang tokoh ulama tempatan dalam menghuraikan maksud-maksud karya agung al-Syaykh Ibn ‘Āṭā’ Allāh al-Sakandariy ini dan memperkuatkan lagi pengaruh *manhaj* dakwah beliau di Malaysia.

Kitab *Hikam Melayu* telah tersebar luas di seluruh pelosok Alam Melayu terutamanya di Indonesia, Malaysia, Patani, Singapura, Brunei dan Filipina menerusi sistem pengajian tradisional di pondok dan pesantren. *Hikam Melayu* telah dijadikan sebagai teks pengajian yang penting dalam pengajian ilmu tasawwuf di kalangan penggemar tasawwuf Melayu yang tidak memahami bahasa Arab.

Dengan mengambil kira penetapan pengarangnya adalah al-Syaykh ‘Abd al-Malik bin ‘Abd Allāh, maka dengan ini bolehlah dianggap bahawa pengajian kitab *Hikam Melayu* telahpun bermula pada zaman kehidupan tokoh ulama tersebut yang pada mulanya menyediakan syarah tersebut untuk pelajar-pelajarnya. Adalah dipercayai bahawa al-Syaykh ‘Abd al-Malik bin ‘Abd Allāh telah mengarang kitab *Hikam Melayu* ini semasa beliau berada di tanah suci Mekah yang kemudiannya disalin dan dipelajari. Apabila wujudnya percetakan di

Makah, maka sebuah dari salinan dihantar ke percetakan dan buat kali pertamanya ianya dicetak oleh Percetakan al-Miriyyah di Mekah. Kemudiannya ia turut dicetak oleh percetakan Muṣṭafā al-Bābiy al-Ḥalabiyy di Mesir dan kemudianya dicetak oleh percetakan Sulaymān Mar‘iy di Singapura⁷¹⁰ dan naskhah-naskhah di pasaran kini adalah naskhah yang dicetak di Pulau Pinang, Singapura, Surabaya, Thailand dan lain-lain.

Semasa al-Syaykh ‘Abd al-Malik bin ‘Abd Allāh berada di Mekah, di samping beliau belajar ilmu dengan ulama-ulama besar di Mekah, beliau juga mengajar ilmu kepada para penuntut ilmu yang datangnya dari Tanah Melayu. Bagi keperluan mengajar dan panduan bagi penuntut-penuntut Islam dari Tanah Jawi semasa di tanah suci inilah beliau mengarang *Hikam Melayu*.⁷¹¹ Semenjak itu, kitab *Hikam Melayu* telah tersebar luas ke Alam Melayu, terutamanya setelah kepulangan al-Syaykh ‘Abd al-Malik bin ‘Abd Allāh ke tanahairnya negeri Terengganu. Sekembalinya ke Terengganu, al-Syaykh ‘Abd al-Malik bin ‘Abd Allāh telah mengasaskan sebuah institusi pengajian tradisi yang dinamakan kemudiannya dengan nama Institusi Syaykh ‘Abd al-Malik.⁷¹² Di institusi ini, kitab *Hikam Melayu* menjadi sebahagian daripada sukatan pelajaran atau teks kajian untuk para pelajarnya di samping beberapa kitab karangan beliau yang lain iaitu *Kitāb Kifāyah* (dalam bidang *uṣūl al-dīn* dan fiqh), *Risālah Naql* (fiqh) dan *Risālah Kayfiyyat al-Niyyah* (tasawwuf dan fiqh). Di samping itu beliau menggunakan kitab-kitab salinan tangan dari pengarang-pengarang lain yang

⁷¹⁰ Shafie bin Abu Bakar, *Hikam Melayu*, h. xxvi.

⁷¹¹ Shafie bin Abu Bakar, *Institusi Shaykh 'Abdu'l-Malik*, h. 97.

⁷¹² Shafie bin Abu Bakar, *Institusi Shaykh 'Abdu'l-Malik*, h. xiii.

sesetengahnya disalinnya sendiri.⁷¹³ Adalah perlu dinyatakan, bahawa di samping kitab-kitab karya pengasasnya sendiri, atau kitab-kitab salinannya sendiri, Institusi Syaykh ‘Abd al-Malik memiliki sejumlah besar koleksi kitab-kitab agama lain sama ada yang berbahasa Arab maupun bahasa Melayu yang dianggarkan berjumlah sebanyak 771 buah kitab terhimpun di institusi ini semenjak abad 12H/17M.⁷¹⁴

Institusi pengajian pondok al-Syaykh ‘Abd al-Malik bin ‘Abd Allāh telah berlangsung dari abad ke-18 sehingga ke pertengahan abad ke-20 dengan didokong oleh keturunannya yang mewarisi ilmu pengetahuan Islam.⁷¹⁵ Shaghir telah mencatatkan keturunan Tuk Pulau Manis yang mewarisi tradisi keilmuan ini. Mereka ialah Tuk Pulau Manis sendiri, mengijazahkan atau *mentalqīnkan* kepada anaknya al-Syaykh Haji Badruddin, mengijazahkan atau *mentalqīnkan* kepada anaknya al-Syaykh Daud, mengijazahkan atau *mentalqīnkan* kepada anaknya al-Syaykh Haji Sulaiman, mengijazahkan atau *mentalqīnkan* kepada anaknya al-Syaykh Haji Musa, mengijazahkan atau *mentalqīnkan* kepada anaknya al-Syaykh Haji Yusuf, mengijazahkan atau *mentalqīnkan* kepada anaknya Tuan Guru Haji Ali ibn Haji Yusuf, mengijazahkan atau *mentalqīnkan* kepada Tuan Guru Haji Nih Musa Beladau Kolam, mengijazahkan atau *mentalqīnkan* kepada Tuan Guru Bilal Ibrahim, mengijazahkan atau *mentalqīnkan* kepada Ibrahim Mohamad (1966M-kini).⁷¹⁶

⁷¹³ Shafie bin Abu Bakar, *Hikam Melayu*, h. xivi.

⁷¹⁴ Shafie bin Abu Bakar, *Institusi Shaykh ‘Abdu'l-Malik*, h. 32.

⁷¹⁵ Shafie bin Abu Bakar, *Hikam Melayu*, h. xxxiii.

⁷¹⁶ Shaghir, *al-Ma'rifah* (2), h. 190. Silsilah ini adalah silsilah tarekat *Syaffāriyyah*, namun tidak menjadi halangan untuk dijadikan asas kepada perbincangan di sini, kerana mereka adalah antara keturunan Tuk Pulau Manis yang meneruskan tradisi keilmuan di Institusi beliau.

Institusi ini telah beberapa kali berpindah tempat daripada Pulau Manis ke Baladau, Sungai Rengas dan Padang Midin. Kelangsungan ini adalah dari inspirasi kealiman al-Syaykh ‘Abd al-Malik bin ‘Abd Allah yang dimaklumi mengarang *Hikam Melayu*. Di sepanjang kelangsungan institusi ini, *Hikam Melayu* terus menjadi kitab yang utama dipelajari di institusi tersebut. Ia seolah-olah sebagai penghormatan terhadap karangan pengasas institusi pengajian ini.⁷¹⁷

Jika ditinjau dari segi kepesatan perkembangan pengaruh *manhaj* dakwah al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allah al-Sakandariy di Malaysia berasaskan period, maka bolehlah dibuat beberapa pembahagian.

Pertama, peringkat awal, iaitu pada zaman Tuk Pulau Manis (1089H/1650an-1149H/1736M) dan zaman sesudahnya (kurun ke-12H/18M) sehingga menjelang tahun 1300H/1882M. Pada period ini, boleh dianggap bahawa *manhaj* dakwah Syaykh Ibn ‘Atā’ Allah al-Sakandariy telah tersebar melalui kitab *Hikam Melayu* telah tersebar secara agak luas menerusi naskhah tulisan tangan yang diusahakan oleh penyalin-penyalin kitab. Kesederhanaan perkembangan ini mungkin disebabkan oleh penyebaran kitab ini yang diusahakan hanya secara salinan tangan. Kemungkinan penyebaran dakwah beliau menerusi karyanya yang berjudul *Tāj al-‘Arūs al-Ḥāwi li-Tahdhīb al-Nūfūs* dan *al-Tanwīr fī Isqāt al-Tadbīr* juga berlaku pada period ini, namun ia tidak dapat dipastikan secara tepat kerana tiada catatan mengenainya dibuat. Namun, berdasarkan kepada kenyataan bahawa kedua-dua kitab ini diterjemahkan oleh al-Syaykh ‘Uthmān al-Funtiyāniy ibn Haji Syihāb al-Dīn al-Banjāriy pada tahun 1304H dan 1311H, maka ada kemungkinan kedua-dua kitab ini sudah tersebar

⁷¹⁷ Shafie bin Abu Bakar, *Hikam Melayu*, h. xxxiii-xxxiv.

dalam naskhah bahasa Arab sebelum itu beberapa lama sebelum ianya diterjemahkan.

Peringkat kedua, iaitu pada zaman berikutnya selepas tahun 1300H/1882M yang telah menyaksikan perkembangan pesat pengaruh *manhaj* dakwah Syaykh Ibnu 'Atā' Allāh al-Sakandariy melalui *Syarah Ḥikam Melayu* secara khusus dan karya-karya lain yang sama ada yang berasaskan *al-Ḥikam al-'Atā'iyyah* atau karya-karya beliau yang lain secara umum. Perkembangan ini mempunyai kaitan dengan perkembangan industri percetakan di dunia Islam, dan terhasilnya cetakan *Syarah Ḥikam Melayu* yang paling awal yang diusahakan oleh perpustakaan *Maṭba'ah al-Mīriyyah* di Mekah (1300H/1882M), maka perkembangan pengaruh kitab ini boleh dianggap sangat pesat terutamanya sepanjang tempoh 1300H/1882M-1328H/1910M. Ini dapat dibuktikan dengan banyaknya cetakan kitab *Syarah Ḥikam Melayu* sama ada yang diusahakan oleh percetakan *Maṭba'ah al-Mīriyyah* di Mekah itu, iaitu cetakan-cetakan pada tahun 1300H/1882M, 1302H/1984M, 1309H/1892M, 1313H/1895M, 1317H/1899M, 1318H/1900M, 1320H/1902M, 1321H/1903M, 1323H/1905M dan 1328H/1910M,⁷¹⁸ mahupun cetakan ulangan yang diusahakan oleh beberapa percetakan lain seperti percetakan *Maṭba'ah al-Taraqqī al-Majīdiyyah* di Mekah (1328H/1910M dan 1330H/1912M), Sulaymān Mar'iyy di Singapura, cetakan Surabaya, Pulau Pinang, Cerebon dan lain-lain termasuk *Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābiy al-Ḥalabiyy* di Mesir⁷¹⁹ dan percetakan *Ibn Hilābiy* di Patani yang tidak diketahui berapa kali cetakan ulangan yang mereka lakukan. Dalam period ini juga karya yang berasaskan *al-*

⁷¹⁸ Shaghir, *Penjelasan Nazham*, h. 131.

⁷¹⁹ Shaghir, *Penjelasan Nazham*, h. 132.

Hikam al-'Atā'iyyah yang lain selain *Syarah Hikam Melayu* telah dicetak, iaitu *Hikam Kecil* (1328H/1910M).⁷²⁰ Dalam period ini juga, karya-karya beliau yang berjudul *Tāj al-'Arūs al-Ḥāwi li-Tahdhīb al-Nufūs* dan *al-Tanwīr fī Isqāt al-Tadbīr* telah diterjemahkan oleh al-Saykh 'Uthmān al-Funtiyāniy ibn Hajī Syihāb al-Dīn al-Banjāriy pada tahun 1304H dan 1311H dan dicetak, sekaligus menyumbang ke arah pengukuhan pengaruh dakwah beliau di rantau ini. Karya *al-Tanwīr fī Isqāt al-Tadbīr* telah dicetak beberapa kali oleh percetakan *Maṭba'ah al-Mīriyyah* di Mekah pada 1311H dan percetakan *Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābiy al-Halabiyy* di Mesir pada tahun 1343H dan tahun 1353H/1934M juga beberapa cetakan mutakhir.⁷²¹

Faktor lain yang menyumbang ke arah perkembangan pesat pengaruh *manhaj* dakwah Syaykh Ibn 'Atā' Allāh al-Sakandariy terutamanya menerusi karyanya *al-Hikam al-'Atā'iyyah* ialah kelembapan atau kemalapan pengaruh kitab-kitab tasawuf yang berunsurkan falsafah karya Hamzah Fanṣūriy dan Shams al-Dīn al-Sumatrā'iyy sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini. Gabungan kedua-dua faktor ini melonjakkan pengaruh *manhaj* dakwah Syaykh Ibn 'Atā' Allāh al-Sakandariy terutamanya pengaruh kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* di Alam Melayu pada kurun ke-11H-14H /17-20M umumnya dan Malaysia khususnya.

Faktor lain yang mungkin boleh diperhitungkan di sini dalam memperkuatkan pengaruh *manhaj* dakwah Syaykh Ibn 'Atā' Allāh al-Sakandariy melalui kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* di Nusantara umumnya dan Malaysia khususnya ialah faktor kegigihan pencinta kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah*

⁷²⁰ Lihat Shaghir, *Penjelasan Nazham*, h. 66.

⁷²¹ Lihat Shaghir, *Mengenali Pelbagai Karya Ulama dan Tokoh Borneo / Kalimantan*, h.

dalam mengembangkan pengajaran tasawuf yang terdapat dalam kitab tersebut tanpa mengerti penat lelah. Mereka yang mencintainya sentiasa membaca dan mengajar kitab ini kepada masyarakat sehingga masyarakat boleh menerimanya sebagai sebahagian daripada kitab tasawuf yang popular. Sikap kecintaan yang mendalam terhadap kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* yang ditunjukkan oleh Tuk Pulau Manis pada zaman dahulu, masih boleh didapati wujud sampai kini, seperti kegigihan Dr. Hj. Jahid bin Hj. Sidek yang menghabiskan hampir 20 tahun mengulangi pengajian kitab ini pada hampir keseluruhan kuliah-kuliah pengajian tasawufnya di seluruh Malaysia, Tuan Guru Haji Mohd Merbau Patah Terengganu (selama 38 tahun mengajar kitab *Hikam Melayu*) dan lain-lain. Demikianlah didapati pasang surutnya pengaruh seseorang tokoh ulama mempunyai kaitan yang rapat dengan pelbagai faktor terutamanya faktor penerimaan masyarakat terhadap pemikiran yang dibawakan, faktor percetakan dan faktor kegigihan pengembang dan pendukung pemikiran itu. Inilah yang telah terjadi kepada pengaruh dakwah al-Saykh Ibn 'Atā' Allāh al-Sakandariy. Pada dekad-dekad terakhir ini, dengan kebanjiran pelbagai jenis kitab agama dari luar sama ada berbahasa Arab, Indonesia atau Inggeris, kelahiran sarjana-sarjana Islam moden dari universiti-universiti Islam dalam dan luar negara, kewujudan institusi pengajian tinggi seperti kolej dan universiti Islam, semuanya telah memberikan pilihan yang semakin banyak kepada masyarakat untuk memilih bahan ilmu yang diminati. Namun, dalam suasana sebegini, bolehlah dianggap bahawa pengaruh dakwah al-Saykh Ibn 'Atā' Allāh al-Sakandariy masih tetap utuh terutamanya menerusi kitab *al-Hikam 'Atā'iyyah*.

Sebagai sedikit tambahan tentang pengaruh kitab *Hikam Melayu* di Malaysia, disebutkan bahawa didapati antara kandungannya mempengaruhi hasil sastera tempatan. Sebagai contoh, diperturunkan *bayt-bayt* puisi *naṣam* berikut:

Fikir itulah pelita bagi hati

Yang mendapat kita ingat akan mati

Ingat-ingat serta fikir sehari-hari

Di dalam kubur kita duduk seorang diri

Jika hidup kita dapat harta jenuh

Itu akhir tinggal masuk di dalam tanah

Ghalib ikut akan nafsu dengan hawa

Dari masa tubuh muda sampai tua

Dari petang nanti pula akan pagi

Lama-lama hingga sampai tinggal gigi

Rumah besar kampung luas ada ia

Itu akhir tinggal jua akan dia

Hai segala anakku sekalian

Sungguh-sungguh jangan tinggalkan sembahyang

Demikian lagi zakat dan puasa

Itu buatlah olehmu sentiasa

Dengan susah yang sedikit kamu dapat

Akan senang lama kamu di akhirat.⁷²²

⁷²² Zayn al-Ābidin ibn Muḥammad al-Faṭāni, *Miftāḥ al-Murid fi ‘Ilm al-Tawḥīd*, Pulau Pinang: Sulaymān Mar’iy, 1344H, h. 15-16.

Menurut pengarang kitab *Miftāḥ al-Murīd fi ‘Ilm al-Tawḥīd* iaitu al-Syaykh Zayn al-‘Ābidīn ibn Muḥammad al-Faṭāñi yang terkenal dengan gelaran Tuan Minal itu yang memetik puisi nazam di atas menghiasi kitabnya bahawa Nazam Fikir ini dikarang oleh seorang ‘alim dari negeri Terengganu tetapi tidak dapat dipastikan nama pengarangnya. Nazam di atas memang masyhur di kalangan masyarakat tempatan di Terengganu, khususnya di kampung-kampung sepanjang Sungai Terengganu. Ia menjadi hafalan dan nyanyian mereka kerana nazam ini begitu terkenal dengan nilai-nilai pendidikan keIslamam. Kalau kita perhatikan apa yang dibicarakan oleh nazam ini pada bahagian awalnya ialah persoalan mengenai fikir yang disimbolkan sebagai pelita hati yang bermaksud dengan berfikir mendorong kepada keinsafan dan hidayah dari Allah. Dari kajian didapati bahawa pengaruh *Hikam Melayu* bukan saja setakat persoalan bahkan penyusunan struktur ayat di dalam nazam di atas iaitu:

Fikir itu pelita bagi hati.

Ini membuktikan bahawa *Hikam Melayu* yang didasarkan kepada *Hikam Melayu* yang terkenal di Terengganu dan meluas pengaruhnya di Alam Melayu itu telah mempengaruhi pengubah nazam setempat di atas melalui pengajian *Hikam Melayu*.⁷²³

A. Pengaruh Di Terengganu

Menelusuri pengaruh kitab *Hikam Melayu* ini di Malaysia, selain Institusi al-Syaykh ‘Abd al-Malik bin ‘Abd Allāh di Terengganu yang mempelopori pengajian kitab *al-Hikam* di kalangan masyarakat Melayu, maka perlu ditinjau beberapa institusi pengajian tradisional yang lain yang turut menjadikan kitab *al-*

⁷²³ Shafie bin Abu Bakar, *Hikam Melayu*, h. xxxii-xxxiii.

Hikam sebagai teks pengajian. Kajian ini akan cuba memfokuskan kepada pengajian kitab *al-Hikam* ini di Terengganu sebagai lanjutan kepada pengaruh Institusi al-Saykh ‘Abd al-Malik bin ‘Abd Allāh dan ketokohan beliau, juga di negeri Kelantan dan Kedah. Selain dari ketiga-tiga negeri ini, akan ditinjau juga mana-mana institusi atau tempat pengajian tradisional yang turut menjadikan kitab *al-Hikam* sebagai teks pengajian bagi tujuan mendapatkan gambaran tentang pengaruh al-Saykh Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandariy menerusi karyanya *al-Hikam* di Malaysia.

Di Kuala Terengganu, terdapat beberapa institusi pengajian tradisional atau surau yang menjadikan kitab *Hikam Melayu* sebagai sebahagian daripada teras pengajian. Di antaranya, ialah Institusi Pondok Pak Teh Haji Shafie di Losong Haji Shafie, Kuala Terengganu. Sejarah pondok ini menyaksikan penggunaan kitab *al-Hikam* sejak zaman pengasasnya yang pertama iaitu Pak Teh Ahmad Shafie yang berasal daripada negeri Kedah yang merupakan seorang tokoh ulama terbilang pada zaman tersebut. Penggantinya, Tuan Guru Hj. Ahmad Shafie Tersat juga menjadikan kitab ini sebagai sebahagian daripada kitab asas pengajian di pondok berkenaan. Tuan Guru Hj. Ahmad Shafie Tersat adalah seorang ulama yang disegani kerana kehebatan ilmunya dan personalitinya yang amat baik, tawaduk dan sangat bertaqwah kepada Allah (s.w.t.). Beliau menghabiskan masa selama hampir 20 tahun menuntut ilmu di Mekah dan adalah dipercayai bahawa beliau mempelajari kitab *al-Hikam* ini daripada seorang ulama Melayu tersohor di Mekah iaitu Tuan Guru Hj. Ismail Patani yang masyhur dengan nama timangan Pak Da ‘El⁷²⁴ yang mempunyai ramai murid dalam bidang

⁷²⁴ Temubual dengan Tuan Haji Nik Abdul Ghani Nik Long, pendakwah bebas, juru nikah bertauliah dan pengasas Surau Haji Nik Abdul Ghani, Kampung Seberang Baroh, Kuala

tasawuf terutamanya berkenaan pengajian kitab *al-Hikam*. Namun tidak banyak maklumat yang dapat dijejaki berkenaan pengajian kitab *al-Hikam* di pondok ini kerana ia sudah hampir pupus dan tidak lagi mempunyai tokoh yang berkemampuan membaca kitab ini pada masa ini.

Selain Institusi Pondok Pak Teh Haji Shafie, terdapat sebuah lagi institusi di daerah Kuala Terengganu yang gigih menyebarluaskan doktrin tasawuf berdasarkan kitab *Hikam Melayu*. Institusi itu ialah Institusi Pengajian Surau Tuan Haji Mohamad Merbau Patah, di Merbau Patah, Kuala Terengganu.⁷²⁵ Institusi ini secara konsisten berusaha mengangkat martabat kitab *Hikam Melayu* dengan menjadikannya sebagai kitab bacaan asasi dengan kekerapan mengajar yang lebih banyak berbanding kitab-kitab yang lain. Kitab ini dipelajari pada setiap hari Selasa malam Rabu, hari Rabu malam Khamis selepas sembahyang fardu Maghrib dan pada setiap pagi hari Jumaat pada setiap minggu dari jam 8.30-10.00 pagi. Setiap kali kuliah pengajaran kitab *Hikam Melayu* ini diadakan, institusi ini dilimpahi oleh ratusan jemaah yang datang dari sekitar daerah Kuala Terengganu, Marang dan Ulu Terengganu, terutamanya pada sebelah pagi hari Jumaat. Kuliah pagi Jumaat menyaksikan ramai penjaja barang-barang keperluan seperti makanan, pakaian dan lain-lain datang untuk menjual barang kepada para

Terengganu, pada 15 November 2004. Beliau adalah bekas penuntut di Institusi Pondok Pak Teh Haji Shafie di Losong ini.

⁷²⁵ Institusi ini telah diasaskan oleh Allahyarham Tuan Haji Mamat @ Mohamad bin Osman atau yang lebih terkenal dengan gelaran Haji Mat Merbau Patah 46 tahun lampau, iaitu kira-kira pada tahun 1958M. Pusat pengajian ini terletak di tepi jalan Kuala Terengganu - Kuala Berang, Merbau Patah, Kuala Terengganu. Beliau pernah berguru dengan beberapa orang tokoh agama di Terengganu, termasuklah Tuan Guru Pak Teh Haji Mohamad Shafie, pengasas Pondok Losong Haji Shafie di Losong, Kuala Terengganu. Pusat pengajian ini telah mengalami zaman kegemilangan ketika beliau dan anaknya Tuan Haji Jaafar bin Mohamad berganding bahu mengajar kitab *Hikam Melayu* dan beberapa kitab lain secara bergilir-gilir. Kewafatan beliau pada tahun 1996 dan anaknya pada tahun 2002 telah sedikit sebanyak mempengaruhi suasana pengajian di institusi berkenaan. Kini, institusi tersebut diwarisi oleh anak lelaki beliau Tuan Haji Sulaiman bin Mohamad. Temubual dengan Tuan Haji Sulaiman bin Mohamad, pada 3 Jun 2004.

jemaah yang ramai jumlahnya sehingga suasannya hampir menyamai pasar malam atau pasar tani.

Di antara keistimewaan institusi ini ialah ketokohan dan kewibawaan Tuan Haji Mohamad Merbau Patah itu sendiri yang mempunyai kemampuan yang cukup tinggi dan mantap dalam menyampaikan maksud-maksud dari kitab *Hikam Melayu* itu sehingga mampu menarik ratusan pelajar dan pendengar menhadiri kuliah-kuliah pengajiannya. Sesuatu yang pelik ialah bahawa Tuan Hj. Mohd Merbau Patah enggan menggunakan sebarang kemudahan pembesar suara ketika mengajar walaupun bilangan orang yang menghadiri kuliah pengajian melimpah sehingga ke luar bangunan suraunya yang besar itu. Beliau juga enggan mengizinkan sebarang usaha merakamkan kuliah pengajarannya.

Ketika hayatnya, Tuan Hj. Mohd Merbau Patah bersilih ganti mengajar di institusi pengajiannya itu dengan anaknya, Allahyarham Tuan Haji Jaafar Mohamad yang juga mewarisi kelebihan ilmu bapanya dalam menghuraikan maksud-maksud kitab *Hikam Melayu* itu. Kepulangan Haji Jaafar dari pengajiannya di Pondok Pasir Tumbuh telah memperkuuhkan kedudukan dan kewibawaan pengajian kitab *Hikam Melayu* di institusi tersebut. Ini adalah kerana Haji Jaafar Mohamad telah mempelajari kitab *Hikam Melayu* daripada seorang guru yang berwibawa iaitu Tuan Guru Haji Abdul Aziz bin Abu Bakar, guru tasawuf dan pengasas Pondok Pasir Tumbuh, Kelantan. Di samping itu, beliau memiliki *dābit*⁷²⁶ pada kitab yang dipelajarinya secara menadah itu. Kitab yang digunakan oleh Tuan Haji Mohamad Merbau Patah itu dikatakan telah disalin

⁷²⁶ *Dābit* adalah istilah Arab yang telah diMelayukan oleh penuntut-penuntut kitab agama yang berasal dari perkataan bahasa Arab *dābt* yang bermaksud catatan-catatan yang telah dilakukan semasa mempelajari kitab, sama ada berbentuk huraihan, pembetulan kesalahan cetak dan sebagainya.

dābiṭnya oleh anaknya Haji Jaafar Mohamad.⁷²⁷ Banyak cetakan kitab *Hikam Melayu* yang mempunyai banyak kesalahan cetak yang boleh menjelaskan maksud asal kitab yang kadang-kadang bertukar secara total seperti perkataan *muḥāl* dicetak *muhiq*.⁷²⁸ Pergabungan antara dua beranak ini telah secara langsung memperkuuhkan pengajian kitab *Hikam Melayu* di Institusi Pengajian Tuan Haji Mohamad Merbau Patah.

Setelah kematian Tuan Haji Mohamad Merbau Patah, pengajian di Institusi Pengajian Tuan Hj. Mohd Merbau Patah ini diteruskan lagi oleh anaknya Haji Jaafar Mohamad dengan dibantu oleh anaknya yang kedua, Tuan Haji Sulaiman Mohamad⁷²⁹ yang lebih dikenali dengan nama Haji Zulkifli yang juga mengekalkan tradisi pengajian kitab *Hikam Melayu* ini sama seperti zaman ayah mereka. Namun, kematian Haji Jaafar Mohamad pada tahun 2002 telah menyebabkan tanggungjawab penerusan pengajian kitab *Hikam Melayu* ini dipikul sepenuhnya oleh Tuan Haji Sulaiman Mohamad.⁷³⁰ Dengan ini, hampir setengah abad Institusi Pengajian Tuan Haji Mohamad Merbau Patah menyumbang kepada penyebaran pengaruh kitab *Hikam Melayu* dalam masyarakat Islam di daerah Kuala Terengganu.⁷³¹

⁷²⁷ Temubual dengan Tuan Haji Sulaiman bin Mohamad, 3 Jun 2004, Kuala Terengganu.

⁷²⁸ Tuk Pulau Manis, *op.cit.*, h. 10, baris 20.

⁷²⁹ Tuan Haji Sulaiman Mohamad mendapat pendidikan di Jabatan Pengajian Arab Dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau kemudian membuat pengajian lanjutan di United Kingdom dalam bidang pengurusan. Kini beliau bertugas di Yayasan Terengganu, Kuala Terengganu. Temubual dengan Tuan Haji Sulaiman bin Mohamad, 3 Jun 2004, Kuala Terengganu.

⁷³⁰ Temubual dengan Tuan Haji Sulaiman bin Mohamad, 3 Jun 2004, Kuala Terengganu.

⁷³¹ Temubual dengan Tuan Haji Nik Abdul Ghani Nik Long, pendakwah bebas, juru nikah bertauliah dan pengasas Surau Haji Nik Abdul Ghani, Kampung Seberang Baroh, Kuala Terengganu. Mac 2004.

Selain Institusi Pengajian Tuan Haji Mohamad Merbau Patah, terdapat beberapa tempat pengajian kitab *al-Hikam* yang lain di Kuala Terengganu Antaranya ialah Masjid Raja, Bukit Besar, Kuala Terengganu yang menjadikan kitab *al-Hikam* terjemahan dan huraian Salim Bahreish sebagai bahan pengajaran. Pengajian ini dikendalikan oleh Dr. Abdul Manan Mohamad, seorang ahli akademik di Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (Kusza).⁷³² Pengajian ini mendapat sambutan yang baik dari para jemaah masjid dengan kehadiran yang secara puratanya adalah menggalakkan, iaitu sekitar 200-300 orang pendengar pada setiap kuliah pengajian kitab *al-Hikam*. Menurut beliau, antara dorongan kenapa beliau memilih untuk mengajar kitab *al-Hikam* ialah kerana berlaku salah faham sebilangan tokoh agama di Terengganu sendiri terhadap sesetengah isi kandungan kitab *al-Hikam*. Beliau juga mengajar kitab *Hikam Melayu* di sebuah surau di daerah Dungun yang dikhuluskan kepada para pengamal tarekat *Naqsyabandiyah Qādiriyah*.⁷³³

Selain Dr Abdul Manan Mohamad, di Kuala Terengganu ada seorang lagi tokoh agama yang terkenal mengajar kitab *al-Hikam* berdasarkan huraian yang telah dibuat oleh al-Syaykh Ibn ‘Ajibah dalam kitabnya *Iqāz al-Himam fī Syarḥ al-Hikam* dalam bahasa Arab. Tokoh tersebut ialah Dato’ Haji Ambak bin Ismail⁷³⁴ yang mengajar kitab *al-Hikam* itu di Surau Hiliran, Kuala Terengganu

⁷³² Dr. Abdul Manan Mohamad, memperolehi ijazah sarjana muda dan sarjana dari Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Ijazah doktor falsafah pula diperolehi dari Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Ijazah sarjana dan Ph.D beliau adalah dalam bidang tasawuf. Beliau pada awalnya adalah pengamal tarekat *Naqsyabandiyah* sebelum mengamalkan pula tarekat *Naqsyabandiyah Qādiriyah*. Beliau kini adalah pensyarah di Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (Kusza).

⁷³³ Temubual dengan Dr. Abdul Manan Mohamad, pada 3 Jun 2004, di Masjid Kusza, Gong Badak, Kuala Terengganu.

⁷³⁴ Dato’ Haji Ambak bin Ismail adalah seorang tokoh agama di negeri Terengganu. Belia mendapat ijazah sarjana muda daripada Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Walaupun tidak belajar di negeri Arab, namun ketekunan beliau mentelaah kitab,

pada setiap hari Jumaat selepas sembahyang fardu Asar dengan bilangan anak-anak murid seramai sekitar 20 orang.⁷³⁵ Walaupun murid-murid yang menadah kitab pada kuliahnya tidak berapa ramai, namun mereka adalah terdiri daripada guru-guru agama dan orang-orang yang tahu berbahasa Arab yang sebahagiannya adalah guru-guru agama atau guru *ta'mir* di masjid dan surau di negeri Terengganu.⁷³⁶ Dengan ini, pengembangan idea, pemikiran serta doktrin tasawuf yang terkandung dalam kitab *al-Hikam* secara tidak langsung turut tersebar dalam masyarakat Islam menerusi murid-muridnya yang merupakan guru-guru agama dalam masyarakat setempat.

Di daerah Dungun, Terengganu, terdapat sekurang-kurangnya empat guru agama yang mengendalikan kelas pengajian untuk mempelajari ilmu tasawuf berdasarkan *al-Hikam* atau *Hikam Melayu*. Mereka ialah Tuan Haji Mustapa bin Husin, Tuan Haji Ismail Aman, Dr. Abdul Manan bin Mohamad dan Ustaz Suhaimi @ Hasbullah bin Daud.

Tuan Haji Mustapa bin Husin⁷³⁷ mengajar kitab *Hikam Melayu* di Surau Kubor, Kampung Molek, Dungun, Terengganu, pada setiap hari Selasa malam

kerajianan beliau menimba ilmu dan kewibawaan beliau membaca kitab-kitab Arab telah diakui semua pihak, meletakkan beliau sebaris dengan tokoh-tokoh agama kelahiran negeri Terengganu. Mula berkhidmat sebagai guru agama di sekolah-sekolah agama di negeri Terengganu sehingga alasan menjawat jawatan Kadi Besar Terengganu sebelum bersara. Beliau banyak membentangkan kertas-kertas kerja pada seminar-seminar agama di seluruh negara. Kini menjadi ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu.

⁷³⁵ Temubual dengan Dato' Ambak bin Ismail, Kuala Terengganu, 3 Jun 2004.

⁷³⁶ Antaranya ialah Tuan Haji Engku Ali bin Engku Endut, bekas guru agama di sekolah-sekolah agama Negeri Terengganu. Beliau juga adalah penterjemah kitab *Minhâj al-'Abîdin* karya al-Imâm al-Ghazzâliy dan mempunyai sebuah karya berbentuk *tâhâqîq* dan huraihan terhadap kitab *Hikam Melayu* karya Tuk Pulau Manis.

⁷³⁷ Tuan Haji Mustapa bin Husin adalah bekas murid Pondok Pasir Tumbuh, Kelantan dan belajar kitab *al-Hikam* dengan Tuan Guru Haji Abdul Aziz bin Abu Bakar, pengasas pondok tersebut. Walaupun hanya belajar di pondok, namun beliau menguasai bahasa Arab dan mampu merujuk kitab-kitab berbahasa Arab, termasuklah syarah kitab *al-Hikam* dalam bahasa Arab seperti *Iqâz al-Himam fi Syarâh al-Hikam* karya Ibn 'Ajibah. Temu bual dengan Tuan Haji Mustapa

Rabu selepas sembahyang fardu Maghrib dengan kehadiran sekitar 30-40 orang. Kebanyakan orang yang belajar kitab *Hikam Melayu* dengan Tuan Haji Mustapa adalah orang yang menadah kitab tersebut di samping ada segelintir yang tidak menadah.⁷³⁸

Tuan Haji Ismail Aman⁷³⁹ pula mengajar *Hikam Melayu* di kediamannya (yang dijadikan pusat pengajian) di Sura Pantai, Dungun, Terengganu, pada setiap hari Selasa malam Rabu selepas sembahyang fardu Maghrib dengan kehadiran sekitar 30-40 orang yang terdiri daripada pengamal tarekat yang kebanyakannya mereka adalah pengamal tarekat *Ahmadiyyah* Bukit Abal, Kelantan. Kebiasaananya Tuan Haji Ismail Aman lebih menyukai para pelajar yang mengikuti kelas pengajian kitab *Hikam Melayu* yang dikendalikannya terdiri dari kalangan orang yang telah mengambil tarekat, bukan hanya sekadar belajar tasawuf umum. Ini adalah kerana pada pandangan beliau seseorang yang hanya mempelajari *al-Hikam* tanpa melalui pengamalan beramal dengan mana-mana tarekat tidak akan mencapai kefahaman sebenar sebagaimana yang dikehendaki oleh pengarangnya.⁷⁴⁰

bin Husin, di kediamannya di Dungun, Terengganu dan Ustaz Mohd Suhaimi @ Hasbullah Daud di Surau Ustaz Daud, Gong Pasir, Dungun, pada 1 Jun 2004.

⁷³⁸ Temu bual dengan Tuan Haji Mustapa bin Husin, di kediamannya di Dungun, Terengganu pada 1 Jun 2004.

⁷³⁹ Tuan Haji Ismail Aman adalah seorang pengamal tarekat Ahmadiyyah yang mempunyai jaringan dengan pengamal tarekat tersebut dari Pondok Bukit Abal, Kelantan. Beliau mempelajari kitab *Hikam Melayu* karya Tuk Pulau Manis daripada Tuan Haji Salleh dari daerah Dungun yang dikatakan sangat handal dalam menghuraikan maksud-maksud kitab *Hikam Melayu*. Tuan Haji Salleh dikatakan belajar ilmu agama dan kitab *al-Hikam* di Kelantan, namun tidak dapat dipastikan pondok manakah beliau mempelajari kitab tersebut. Temu bual dengan Tuan Haji Ismail Aman, di Sura Pantai, Dungun, Terengganu pada 1 Jun 2004.

⁷⁴⁰ Temubual dengan Tuan Haji Ismail Aman, di Sura Pantai, Dungun, Terengganu pada 1 Jun 2004.

Ini adalah kerana ilmu tasawuf adalah ilmu *dḥawqiy* dan bukannya kitab teori tasawuf semata-matanya. Malah, untuk memahami isi kandungan kitab *al-Hikam* dengan sempurna, haruslah ia dibaca berserta dengan karya-karya al-Sayykh Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandariy yang lain seperti *Allāh: al-Qaṣd al-Mujarrad fī Ma'rifat al-Ism al-Mufrad*, *Tāj al-'Arūs al-Ḥāwī li-Tahdhīb al-Nuṣūs*, *al-Tanwīr fī Isqāt Tadbīr Kulli Tadbīr Yūkhriju 'an Maqāṣid al-Syārī'ah*, ‘Inwān al-Tawfiq fī Ādāb al-Tarīq’, *Miftāḥ al-Falāḥ wa Miṣbāḥ al-Arwāḥ fī Dhikr Allāh al-Karīm al-Fattāḥ* dan lain-lain. Kesemua karya al-Sayykh Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandariy yang disebutkan tadi adalah merupakan karya penulisan dalam bidang tasawuf yang mempunyai kesatuan tajuk secara objektif yang perlu dikaji secara bersepada untuk membolehkan seseorang pengkaji kitab *al-Hikam* memahami kandungannya dengan baik.⁷⁴¹

Ustaz Suhaimi @ Hasbullah bin Daud pula mengajar kitab *al-Hikam* di beberapa lokasi di daerah Dungun iaitu:

- (1) Di Surau Tazkirah atau yang lebih dikenali dengan nama Surau Ustaz Daud, Gong Pasir, Dungun, Terengganu. Ia diadakan pada setiap hari Rabu malam Khamis selepas solat fardu Maghrib sehingga sekitar jam 9 malam. Kelas ini dihadiri sekitar 60 orang murid pada setiap kelas.
- (2) Masjid Tengku Intan Zaharah, Dungun, Terengganu, pada setiap pagi Khamis selepas solat fardu Subuh dengan purata kehadiran pada setiap kuliah antara 60-70 orang.

⁷⁴¹ Temubual dengan Dato' Ambak bin Ismail, Kuala Terengganu, 3 Jun 2004.

(3) Surau Haji Jusoh, Gong Pasir, Dungun, Terengganu pada setiap pagi hari Sabtu antara jam 9.00 pagi sehingga jam 10.30 pagi dengan purata kehadiran sekitar 30 orang yang terdiri daripada kaum ibu.

B. Pengaruh Di Kedah

Selain negeri Terengganu, kitab *al-Hikam* juga mempunyai pengaruh yang besar di negeri Kedah Darul Aman, terutamanya di kalangan warga pondok-pondok dan institusi-institusi pengajian tradisional yang bertaburan di seluruh pelosok negeri jelapang padi itu. Di antara pondok-pondok itu ialah Pondok Lanai dan Pondok Pak Man Bukit Besar.

Pondok Lanai adalah nama masyhur bagi sebuah institusi pengajian tradisional yang diberi nama *Madrasah Miṣbāḥ al-Falāḥ*, Pondok Banggol Berangan, Baling, Kedah. Ia diasaskan oleh seorang tokoh agama yang sangat masyhur di negeri Kedah iaitu Tuan Guru Haji Omar Zuhdi bin Mohamad Salleh (w1994M)⁷⁴² pada tahun 1958M. Semasa beliau masih sihat, beliau telah mengajar sebanyak 17 buah kitab sehari semalam di pondoknya itu.⁷⁴³ Antara kitab-kitab yang beliau mengajar di pondoknya, termasuklah kitab *al-Hikam* syarah Tuk

⁷⁴² Tuan Guru Haji Omar Zuhdi bin Mohamad Salleh dilahirkan di Pulau Tukang Dolah, Pengkalan Chepa, Kelantan pada tahun 1340H/1919M. Mendapat pendidikan di beberapa buah pondok yang masyhur di negeri Kelantan seperti Pondok Tuk Siehong, Pondok Pulau Pisang dan Pondok Panji. Beliau kemudiannya mendapat pendidikan di Pondok Penanti, Pulau Pinang selama 10 tahun dan Pondok Kampung Pisang, Kupang Baling, Kedah. Semasa di Pondok Penanti, beliau pernah berguru dengan Syeikh Osman Jalaluddin. Kemudian beliau menyambung pelajarannya di Mekah selama beberapa tahun dan berguru dengan beberapa orang guru yang berwibawa di sana. Sekembali ke tanahair, beliau menubuhkan sebuah institusi pengajian tradisional bermama *Madrasah Miṣbāḥ al-Falāḥ*, Pondok Banggol Berangan, Baling, Kedah. Sehingga hari ini, madrasah ini masih mengendalikan pengajian agama, akademik dan juga sistem pengajian pondok lama. Beliau meninggal dunia pada 22 Disember 1994M bersamaan 19 Rejab 1415H. Lihat Harakah, Jumaat, 18 Sya'ban 1415H.

⁷⁴³ Temubual dengan En. Mohamad Yunus, salah seorang penghuni dan penuntut di Pondok Lanai semenjak 20 tahun, di Pondok Lanai, pada 9 Jun 2004.

Pulau Manis dan juga kitab *al-Hikam* syarah al-Imām al-Syarqāwiy yang dalam bahasa Arab.⁷⁴⁴

Selain berjaya melahirkan ramai tokoh agama dan pemimpin masyarakat secara umum, beliau juga berjaya melahirkan beberapa orang tokoh agama yang mewarisi kemahiran ilmu kitab *al-Hikam* ini. Antara mereka ialah Tuan Haji Abdul Wahab bin Hassan atau yang lebih dikenali oleh masyarakat setempat dengan nama Ustaz Haji Awang.⁷⁴⁵ Beliau adalah bekas guru di Pondok Lanai dan kini menjadi Mudir Pondok *Madrasah Tahdhib al-Nufūs*, Parit Panjang, Kupang, Kedah.⁷⁴⁶ Tuan Haji Abdul Wahab bin Hassan mengajar kitab *al-Hikam* ini di pondoknya sendiri *Madrasah Tahdhib al-Nufūs* dan juga di rumah isteri keduanya di kawasan tidak berapa jauh dari pondoknya.

Selain Tuan Haji Abdul Wahab bin Hassan, seorang lagi anak murid Tuan Guru Omar di daerah Baling iaitu Tuan Haji Abu Bakar bin Ibrahim, Mudir Pondok Bandar Hilir, Sik, Kedah. Semasa hayat Tuan Guru Haji Omar Zuhdi, beliau pernah diberikan kepercayaan mengajar kitab *al-Hikam* di Pondok Lanai, iaitu dengan mengajar kitab *Hikam Kecil*⁷⁴⁷ dan juga kitab *al-Hikam* syarah al-

⁷⁴⁴ Temubual dengan Tuan Haji Mahamad Rifaee bin Yaakob, Mudir Madrasah Zuhdiyyah, Kupang, Kedah, di madrasahnya, pada 9 Jun 2004. Beliau adalah salah seorang anak murid Tuan Haji Omar Zuhdi bin Mohamad Salleh.

⁷⁴⁵ Tuan Haji Abdul Wahab bin Hassan, adalah murid Tuan Guru Haji Omar Zuhdi Salleh, Mudir Pondok *Madrasah Tahdhib al-Nufūs*, Parit Panjang, Kupang, Kedah, Imam Masjid Zuhdi, Kupang Kedah, Juru Nikah di kawasan berkenaan. Beliau mempunyai pengaruh agama dan politik yang besar di daerah Baling, terutamanya sesudah ketiadaan Tuan Guru Haji Omar Zuhdi Salleh dan telah dilantik menjadi Yang diPertua PAS daerah Baling.

⁷⁴⁶ Pondok *Madrasah Tahdhib al-Nufūs* ini tidak menawarkan pengajian akademik kepada pelajar-pelajarnya. Hanya sistem pengajian sistem lama yang ditawarkan. Temubual dengan Tuan Haji Mahamad Rifaee bin Yaakob, Mudir Madrasah Zuhdiyyah, Kupang, Kedah, di madrasahnya, pada 9 Jun 2004. Beliau adalah salah seorang anak murid Tuan Haji Omar Zuhdi bin Mohamad Salleh. Juga temubual dengan En. Mohamad Yunus, salah seorang penghuni dan penuntut di Pondok Lanai semenjak 20 tahun.

⁷⁴⁷ *Hikam Kecil* adalah nama jolokan bagi sebuah karya terjemahan terhadap kitab *al-Hikam* karya al-Sakandariy. Sila lihat keterangan berhubung perbezaan antara kitab *Hikam Kecil* dan kitab *Hikam Besar* pada halaman 329.

Imām al-Syarqāwi dalam bahasa Arab.⁷⁴⁸ Kepercayaan yang diberikan oleh Tuan Guru Haji Omar ini membuktikan kebolehan Tuan Haji Abu Bakar bin Ibrahim menguasai kandungan kitab kitab *al-Hikam* sama ada dalam versi Melayu mahupun versi Arab.

Selain Tuan Haji Abdul Wahab Hassan dan Tuan Haji Abu Bakar bin Ibrahim, anak murid Tuan Guru Haji Omar yang turut mengajar kitab *al-Hikam* ini ialah Tuan Haji Mahamad Rifaee bin Yaakob, Mudir *Madrasah Zuhdiyyah*, Kampung Charok Salang, Kupang, Baling, Kedah. Antara kitab yang diajarkan di pondok ini selain kitab *al-Hikam* ialah kitab *al-Durr al-Nafīs* karangan al-Syaykh Muḥammad Nafīs ibn Idrīs al-Banjāriy, *Siyar al-Sālikin* karangan al-Syaykh ‘Abd al-Šamad al-Falimbāniy, *Minhāj al-‘Ābidīn* karangan al-Imām al-Ghazzāliy (versi Arab) dan kitab *Tāj al-‘Arūs al-Ḥāwi li-Tahdhīb al-Nūfūs* yang juga merupakan sebuah karya al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy. Khusus untuk pengajian kitab *al-Hikam*, beliau mengajar kitab *al-Hikam* syarah al-Imām al-Syarqāwi dalam bahasa Arab sekali seminggu di pondoknya pada setiap hari Sabtu selepas solat fardu Subuh untuk penuntut-penuntut *Madrasah Zuhdiyyah* dan juga orang-orang awam setempat yang berminat terhadap pengajian kitab *al-Hikam* khususnya dan pengajian kitab agama secara umumnya.⁷⁴⁹

⁷⁴⁸ Temubual dengan Tuan Haji Mahamad Rifaee bin Yaakob, Mudir Madrasah Zuhdiyyah, Kupang, Kedah, di madrasahnya, pada 9 Jun 2004.

⁷⁴⁹ Temubual dengan Tuan Haji Mahamad Rifaee bin Yaakob, Mudir Madrasah Zuhdiyyah, Kupang, Kedah, di madrasahnya, pada 9 Jun 2004. Masyarakat awam di daerah Baling secara umumnya boleh dianggap sebagai sebuah masyarakat Islam yang mencintai ilmu agama dan masih kuat berpegang kepada tradisi pengajian agama secara tradisional. Ini boleh dibuktikan menerusi pemerhatian bahawa daerah Baling yang kecil itu mempunyai bilangan pondok dan madrasah yang agak banyak. Malah, Pondok Lanai, Pondok *Madrasah Tahdhīb al-Nūfūs*, Pondok *Madrasah Zuhdiyyah* dan Pondok Bandar Hilir kesemuanya saling berdekatan antara satu sama lain. Di samping itu, ada satu lagi pondok yang dikendalikan oleh Tuan Haji Abu Bakar Warak (juga bekas murid dan menantu Tuan Guru Haji Omar Zuhdi Salleh), juga terletak dalam Mukim Kupang. Namun, penelitian yang dibuat mendapat bahawa setiap pondok mempunyai bilangan pelajar yang ramai, dan ada pula yang hanya menumpukan kepada pengajian bidang agama tanpa bidang akademik dan tanpa melalui sistem peperiksaan seperti PMR dan SPM. Kesanggupan ibu

Suatu perkara yang di luar jangkaan juga ialah bahawa penuntut-penuntut pondok *Madrasah Zuhdiyyah* telah menghabiskan bacaan kitab *Tāj al-'Arūs al-Hāwī li-Tahdhīb al-Nuṣūs* yang juga merupakan sebuah karya al-Syaykh Ibn 'Atā' Allāh al-Sakandariy secara mendah atau *talaqqiy*.⁷⁵⁰ Kitab *Tāj al-'Arūs al-Hāwī li-Tahdhīb al-Nuṣūs* yang dipelajari di pondok *Madrasah Zuhdiyyah* ini adalah kitab yang telah diusahakan terjemahannya oleh al-Syaykh 'Uthmān al-Funtiyāniy ibn Haji Syihāb al-Dīn al-Banjāriy dan telah dītaṣḥīḥkan oleh gurunya al-Syaykh 'Abd al-Qādir ibn 'Abd al-Rahmān al-Fatāniy.⁷⁵¹ Secara tidak langsung, dapatlah dianggap bahawa pengaruh al-Syaykh Ibn 'Atā' Allāh al-Sakandariy di Malaysia khususnya dan Nusantara umumnya tidak terhad menerusi kitab *al-Hikam* dan tarekat *Syādhiliyyah* semata-mata, malah pengaruh beliau juga tersebar melalui karya ini yang walaupun tidaklah tersebar luas seperti kitab *al-Hikam*.

Di negeri Kedah, selain daripada daerah Baling yang menyaksikan pengajian kitab *al-Hikam* yang agak ketara dahulu dan kini, daerah Yan juga mempunyai beberapa institusi pondok yang menjadikan kitab *al-Hikam* sebagai teks pengajian yang boleh dianggap sebagai popular. Di daerah ini, tokoh agama yang pernah mengajar kitab *al-Hikam* ialah Allahyarham Tuan Guru Haji Othman bin Haji Yunus,⁷⁵² pengasas Institusi Pondok Pak Man, Bukit Besar, Kota Sarang Semut yang lebih dikenali sebagai Tuk Guru Pak Man.

bapa menghantar anak-anak mereka belajar di pondok dan madrasah tanpa melalui sistem peperiksaan UPSR, PMR dan SPM yang dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran membuktikan keteguhan sikap mereka terhadap pendidikan aliran agama.

⁷⁵⁰ Temubual dengan Tuan Haji Mahamad Rifaee bin Yaakob, Mudir Madrasah Zuhdiyyah, Kupang, Kedah, di madrasahnya, pada 9 Jun 2004.

⁷⁵¹ Lihat al-Sakandariy, *Tāj al-'Arūs*, terjemahan al-Syaykh 'Uthmān al-Funtiyāniy ibn Haji Syihāb al-Dīn al-Banjāriy, Sulaymān Mar'iyy, Singapura-Malaya dan Maṭba'ah Dār al-Ṭibā'ah al-Miṣriyyah, Mesir.

⁷⁵² Tuan Guru Haji Othman bin Haji Yunus dilahirkan di Kampung Sanglang, Arau, Perlis pada 4 Rabi' al-Awwal 1324H bersamaan 15 Mei 1904M. Bapanya Haji Yunus bin Haji

Semasa hayatnya, Tuk Guru Pak Man mengajar kitab *syarh al-Hikam* versi Arab yang tidak dapat dipastikan nama judulnya.⁷⁵³ Namun, adalah dipercayai kitab yang beliau gunakan itu ialah kitab *syarh al-Hikam* karya al-Syaykh Ibn ‘Abbad, berdasarkan kepada luasnya penggunaan kitab ini di kalangan tokoh agama di Malaysia, termasuk pengarang *Syarh Hikam Melayu*, iaitu Tuk Pulau Manis yang banyak merujuk kepada kitab tersebut. Antara anak-anak murid Tuk Guru Pak Man yang kemudiannya menjadi tokoh agama di negeri Kedah termasuklah Tuan Haji Yusuf Pulau Pisang, Tuan Guru Haji Ahmad Kuala Kedah, Tuan Haji Mawardi Abdul Latif, Tuan Haji Wan Merbok, Tuan Haji Azhari Abdul Razak dan Tuan Haji Abdul Hamid bin Ibrahim.⁷⁵⁴

Selain Tuk Guru Pak Man, daerah Yan memiliki beberapa tokoh agama yang lain juga turut menyumbang ke arah penyebaran kitab *syarh al-Hikam*⁷⁵⁵ seperti Tuan Guru Haji Mahmud bin Abdullah yang mengajar di Pondok

Salleh juga merupakan seorang ulama yang berasal dari negeri Kelantan dan mempunyai pondok di Arau dan Oran, Mata Ayer Perlis. Tuan Guru Pak Man mendapat pendidikan awal dengan bapanya sendiri. Kemudian belajar di Sekolah Melayu Arau, Perlis selama 6 tahun dan seterusnya belajar di Pondok bapanya di Mata Ayer, Perlis selama 6 tahun. Kemudian beliau belajar mengembawa ke negeri Kelantan dan belajar dengan ulama tersohor seperti Tuk Kenali, Tuan Guru Haji Yaakub Legor, Tuan Guru Ali Solahuddin Awang Pulau Pisang, Mufti Tuan Guru Haji Wan Musa dan lain-lain ulama handal di negeri Kelantan. Lihat Mohd Nazly bin Haji Mokhtar, *Tuan Guru Haji Othman al-Yunusi di Kedah: Sumbangan terhadap kebangkitan Islam. Satu Kajian di Madrasah al-Nahdzah, Bukit Besar*, Latihan Ilmiah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 3-7. Beliau adalah seorang ulama yang aktif termasuklah dalam bidang politik, pernah terlibat aktif dalam penubuhan Parti Islam SeMalaysia (PAS) di samping pernah terlibat dalam politik kebangsaan Melayu. Lihat Siti Zabidah Bt Hj Abd Rahim, *Guru-guru Agama Daerah Yan: Penerimaan Dan Kesan Dalam Masyarakat*, Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1985/86, h. 43.

⁷⁵³ Beberapa anak murid Tuk Guru Pak Man yang diketahui belajar kitab *al-Hikam* dengan beliau sudah meninggal dunia dan ada yang sakit dan uzur yang menyebabkan usaha untuk mengadakan temubual gagal dilakukan.

⁷⁵⁴ Temubual dengan Tuan Haji Nasir bin Othman, anak Tuk Guru Pak Man, juga bekas Mudir Madrasah Nahdzah, Bukit Besar, pada 7 Jun 2004. Beliau adalah graduan *usul al-din*, Universiti al-Azhar, Mesir dan memegang jawatan Mudir Madrasah Nahdzah, Bukit Besar selama 20 tahun. Kini beliau memegang jawatan Pengerusi Madrasah Nahdzah, Bukit Besar.

⁷⁵⁵ Tidak dapat dipastikan syarah *al-Hikam* yang mana satukah yang telah digunakan oleh beliau untuk dijadikan teks mengajar.

Irsyādiyyah, Bukit Besar, Kota Sarang Semut, Kedah. Berdasarkan senarai kitab-kitab yang diajarkan oleh beliau; *Hidāyat al-Sālikīn*, *Bidāyat al-Bidāyah*, *Syarḥ al-Ḥikam*, *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* dan lain-lain,⁷⁵⁶ maka bolehlah dianggap bahawa beliau memang berkebolehan secara mendalam ilmu tasawuf dan lebih banyak menumpukan pengajaran dalam bidang ini berbanding bidang-bidang ilmu yang lain.

Di daerah Yan juga terdapat seorang guru yang masyhur bernama Tuan Guru Haji Fauzi bin Haji Mustafa, yang juga turut menyumbang ke arah penyebaran pengajaran ilmu tasawuf yang terkandung dalam kitab *al-Ḥikam*.⁷⁵⁷

Di daerah Sik, ada sebuah lagi pondok yang menjadikan kitab *al-Ḥikam* sebagai sebahagian daripada kitab pengajiannya. Pondok itu ialah Pondok Zawiyah Kampung Kota Raja, Jeneri, Sik, Kedah. Nama mudir pondok tersebut ialah Tuan Guru Hj. Ahmad Abbas (1878-2003M), salah seorang daripada anak murid Tuan Guru Hj. Ismail Patani (Pak Da ‘El) di Mekah. Beliau pernah mendapat pendidikan di Pondok Merbok, Kedah, di Kelantan dan di Aceh, Indonesia. Beliau mengasaskan Pondok Zawiyah ini pada awal tahun 1970-an dengan menjadikan sistem *umūmiy* sebagai sistem asas pengajian di pondok berkenaan. Namun, setelah beliau meninggal dunia pada 2003, pengajaran kitab kitab *al-Ḥikam* tidak diteruskan di Pondok Zawiyah ini kerana ketiadaan tokoh berwibawa untuk membaca dan menghuraikannya dengan baik. Di Kedah juga tersohor beberapa orang tokoh guru agama yang dikatakan hebat menguasai

⁷⁵⁶ Lihat Siti Zabidah Bt Hj Abd Rahim, *op. cit.*, h. 49-50.

⁷⁵⁷ Tidak dapat dipastikan syarah *al-Ḥikam* yang mana satukah yang telah digunakan oleh beliau untuk dijadikan teks mengajar.

pengajaran kitab *al-Hikam* seperti Tuan Guru Hj. Abdul Rahman Awang dari Guar Kepayang dan juga Tuan Guru Haji Salleh Haji Musa dari Sik.

C. Pengaruh Di Kelantan

Setelah ditinjau pengaruh kitab *al-Hikam* di negeri Terengganu dan Kedah, akan ditinjau pula pengaruh kitab ini di negeri Kelantan. Sengaja dilewatkan tinjauan pengaruh kitab *al-Hikam* di negeri Kelantan ini dengan tujuan untuk melihat sejauhmanakah pengaruh pondok-pondok di Kelantan berjaya mengembangkan pengajian kitab *al-Hikam* di negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu, terutamanya di negeri Terengganu dan Kedah. Boleh dianggap bahawa pengaruh *al-Hikam* sangat kuat di negeri Kelantan, terutamanya dalam beberapa dekad tertentu sebelum merdeka yang menyaksikan zaman kegemilangan pondok-pondok di negeri tersebut.

Beberapa institusi pondok yang terkenal di Kelantan sejak zaman berzaman telah menjadikan kitab *Hikam Melayu* sebagai salah sebuah daripada kitab asasi untuk pengajian di pondok-pondok tersebut. Sebagai contoh ialah Pondok Pasir Tumbuh, Kelantan, Pondok Tuan Guru Haji Daud Bukit Abal, Pondok Bunut Payung, Pondok Moden dan lain-lain. Boleh dikatakan bahawa pengaliran pengajian kitab *al-Hikam* sejak akhir-akhir ini (zaman sebelum dan selepas merdeka) adalah hasil pengaruh pengajian kitab *al-Hikam* di pondok-pondok utama di negeri Kelantan, walaupun perkembangan pengajian kitab *al-Hikam* pada peringkat awal adalah bermula dengan Tuk Syaykh Pulau Manis di Institusi Pengajian Tuk Pulau Manis di Terengganu. Jika ditinjau guru-guru yang mengajar kitab *al-Hikam* di Terengganu dan Kedah dalam tempoh masa yang dinyatakan tadi, ternyata bahawa kebanyakan mereka adalah bekas pelajar pondok-pondok di negeri Kelantan, seperti Tuan Haji Jaafar bin Haji Mohamad

Merbau Patah, Tuan Haji Salleh Dungun, Tuan Haji Mustapa bin Husin, Tuan Guru Haji Othman bin Haji Yunus, Tuan Guru Haji Omar Zuhdi bin Salleh dan lain-lain lagi.

Negeri Kelantan telah melahirkan ramai tokoh ulama yang berwibawa, malah yang bertaraf antarabangsa,⁷⁵⁸ termasuklah al-Syaykh Haji ‘Abd al-Şamad bin Haji ‘Abd Allāh Pulai Chondong (1207-1290H/1792-1874M) dan al-Syaykh Wan ‘Aliy bin ‘Abd al-Rahmān Kütān (1837-1912M) yang kedua-duanya mendapat pengaruh *manhaj* dakwah al-Syaykh Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandariy secara langsung menerusi tarekat *Syādhiliyyah*, terutamanya melalui pengamalan dan penyebaran *hizb al-bahr*. Walaupun setakat ini tidak dapat diketemukan fakta kaitan kedua-dua tokoh ini dengan kitab *al-Hikam al-‘Aṭā’iyyah* secara langsung, namun adalah dipercayai bahawa kedua-dua tokoh agama ini juga mempunyai kaitan yang kukuh dengan kitab tersebut kerana mereka berdua adalah pengamal tarekat *Syādhiliyyah*.

Seorang lagi ulama besar Kelantan ialah Tuk Kenali. Walaupun beliau lebih terkenal dalam bidang bahasa dan *ḥadīth*, namun kecenderungannya dalam kehidupan tasawuf sangat terkenal dan tidak dapat diperkecilkan terutamanya kerana beliau selalu dikaitkan dengan cara hidup yang amat zuhud dan mempunyai beberapa keramat. Justeru, dalam bidang ilmu tasawuf, beliau mengajarkan kitab *al-Hikam al-‘Aṭā’iyyah* di pondoknya Pondok Tuk Kenali, Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan.

⁷⁵⁸ Dalam kajian ini, taraf seseorang ulama dianggap bersifat antarabangsa dilihat dari sudut sumbangsih keilmuannya, seperti menghasilkan karangan dalam bahasa Arab selain dalam bahasa Melayu, karya-karyanya dicetak di peringkat antarabangsa seperti percetakan di Mekah atau Mesir dan juga dari segi mempunyai murid-murid yang hebat.

Beliau mempunyai ramai anak murid yang berguru dan belajar kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* dengannya dan kemudiannya menjadi guru kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* yang masyhur pula di Kelantan. Antara muridnya yang terkenal dalam penyebaran kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* ialah Tuan Guru Haji Abdullah Taib Tahir bin Haji Ahmad, Mudir Pondok Bunut Payung, Bt. 2½, Kota Bharu, Kelantan, Tuan Guru Pak Yaakob Lega (tenaga pengajar kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* di Pondok Tuk Kenali) dan Tuan Guru Haji Ismail Haji Yaakob.⁷⁵⁹ Sementara Tuan Guru Haji Daud Haji Omar, Mudir Pondok Bukit Abal, Pasir Puteh Kelantan, yang juga terkenal sebagai guru yang mengajar kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* juga pernah berguru dengan Tuk Kenali,⁷⁶⁰ namun tidak dapat dipastikan secara yakin apakah beliau turut belajar kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* daripada Tuk Kenali. Secara umumnya, adalah dipercayai bahawa beliau juga mempelajari kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* ini daripada Tuk Kenali. Semua tokoh-tokoh ini akhirnya berjaya menjadi guru yang mahir mengajar kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* dan mempunyai ramai murid yang juga menjadi penyebar kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* ini.

Pengajian kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* ini di Pondok Tuk Kenali diteruskan lagi oleh anaknya yang bernama Haji Ahmad bin Muhammad Yusuf. Tetapi kini, ternyata tradisi pengajian kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* di Pondok Tuk Kenali menjadi malap kerana ketiadaan tokoh yang mampu mengajarnya. Terkini, guru yang mengajar kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* di Masjid Pondok Tuk Kenali

⁷⁵⁹ Temubual dengan Tuan Haji Mohd bin Ibrahim (kini berusia 87 tahun), di rumahnya di Kampung Pelek, Kota Bharu, Kelantan, pada 2 Julai 2004.

⁷⁶⁰ Sulaiman bin Ibrahim, *al-Turuq*, h. 279.

ini ialah Tuan Guru Haji Abdul Hamid bin Salleh, daripada Gunong, Bachok yang mengajar sekali seminggu, iaitu pada malam Sabtu.⁷⁶¹

Kelantan juga menjadi negeri tumpuan ulama besar dari luar datang berziarah, antaranya ialah al-Saykh Sayyidi Abū Ḥasan Azhariy (w1358H/1939M) murid kepada al-Saykh Muḥammad ibn Aḥmad al-Dandarāwiyy (w1909M) dan al-Saykh Muḥammad al-Syāfi‘iy ibn Muḥammad Ṣāliḥ ibn ‘Abd al-Rahmān yang masyhur dengan gelaran Tuk Shafie (w1950M). Kedua-dua tokoh ini mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam melahirkan ramai tokoh ulama Kelantan, khususnya dalam konteks penyebaran tarekat *Ahmadiyyah* dan pengajaran kitab *al-Hikam al-‘Atā’iyyah* di mana ramai ulama Kelantan yang berguru kepadanya.

Berhubung al-Saykh Sayyidi Abū Ḥasan Azhariy, seorang penyebar tarekat *Ahmadiyyah* yang masyhur, beliau pernah menziarahi negeri Kelantan sekitar tahun 1910-1915M.⁷⁶² Kemudian beliau datang sekali lagi ke Kelantan pada tahun 1922M.⁷⁶³ Semasa di Kelantan, beliau pernah mengajar kitab *al-Hikam al-‘Atā’iyyah* yang berbahasa Arab. Antara murid-murid beliau yang handal mewarisi kemahiran ilmu kitab *al-Hikam al-‘Atā’iyyah* ini ialah Tuk Khatib Haji Nik Lah bin Abdul Samad (adik Mufti Haji Wan Musa) dan Mufti Haji Wan Musa bin Abdul Samad (1874-1939M). Kedua-duanya adalah anak kepada ulama tersohor Kelantan, iaitu al-Saykh Abdul Samad bin Muhammed Salleh yang

⁷⁶¹ Temubual dengan Tuan Guru Haji Abdul Hamid bin Salleh, di rumahnya di Gunong, Bachok, Kelantan, pada 30 Jun 2004.

⁷⁶² Ada pendapat mengatakan bahawa beliau menziarahi Kelantan pada tahun 1917M. Lihat Murtadha, al-Syeikh Mohd Murtadza bin Syeikh Haji Ahmad & Dr. Mahmud Saedon. 1993. *Mengenal al-Tarekat al-Ahmadiyah*, Seremban: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan dan Sulaiman bin Ibrahim, *al-Turuq*, h. 274 dan Hamdan Hassan (Dr.) (1990), *Tarekat Ahmadiyah di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 91.

⁷⁶³ Hamdan Hassan, *ibid.*, h. 91.

masyhur dengan gelaran Tuan Tabal (1816-1891M).⁷⁶⁴ Tuk Khatib Haji Nik Lah mempunyai pondoknya yang tersendiri yang dikenali sebagai Pondok Tuk Guru Haji Nik Lah yang terletak di Jalan Tuk Semian tengah, Kota Bharu, Kelantan dan mengajar kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* di pondoknya itu. Sementara Mufti Haji Wan Musa pula mewarisi pondok bapanya Tuan Tabal, iaitu Pondok Tuan Tabal di Jalan Tuk Semian Atas, Kota Bharu, Kelantan dan mengajar kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* di situ, di samping kitab-kitab yang lain.⁷⁶⁵

Seorang lagi murid al-Sayykh Sayyidi Abū Hasan Azhariy yang berwibawa ialah Tuan Guru Haji Daud Haji Omar (1904-1976M), bekas Tuan Guru Pondok Bukit Abal dan Syaykh tarekat *Ahmadiyyah* yang masyhur di negeri Kelantan. Sebelum melanjutkan pelajarannya ke mekah, Tuan Guru Haji Daud Haji Omar telah mempelajari kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* dengan salah seorang murid al-Sayykh Sayyidi Abū Hasan Azhari iaitu Tuk Khatib Haji Nik Lah di Pondok Tuan Guru Tuk Khatib Haji Nik Lah sendiri.⁷⁶⁶ Selain itu, beliau juga belajar dengan Tuan Guru Haji Othman bin Haji Muhammad yang masyhur dengan gelaran Tuk Bachok, Tuk Kenali, Tuan Guru Haji Omar Sungai Keladi

⁷⁶⁴ Sepanjang kajian ini dilakukan, tidak dapat dipastikan adakah Tuan Tabal juga mendukung pengajian kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah*, namun memandangkan bahawa Tuan Tabal adalah penyebar Tarekat Ahmadiyyah yang pertama di negeri Kelantan, maka adalah dipercayai bahawa beliau juga menyebarkan pengajian kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* sebagaiiman yang dilakukan oleh kedua-dua anaknya. Ini adalah kerana Tuan tabal juga berkawan serta berguru dengan guru kepada al-Sayykh Sayyidi Abū Hasan Azhariy, iaitu al-Sayykh Muhammad ibn Ahmad al-Dandarawiy semasa di Mekah. Al-Sayykh Sayyidi Abū Hasan Azhariy ini telah menyebarkan pengajian kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* secara yakin dan mempunyai beberapa orang murid dari negeri Kelantan yang mendukung pengajian kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah*, maka rangkaian ini memperkuuhkan andaian Tuan Tabal juga telah menerima pengaruh gurunya al-Sayykh Muhammad ibn Ahmad al-Dandarawiy dan turut menyebarkan pengajian kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah*.

⁷⁶⁵ Temubual dengan Tuan Guru Haji Mohamad bin Haji Daud, anak kepada Tuan Guru Haji Daud Haji Omar, Tuan Guru Pondok Bukit Abal dan Syaykh tarekat *Ahmadiyyah* yang masyhur, di Pondok Bukit Abal, Pasir Puteh, Kelantan, pada 1 Julai 2004.

⁷⁶⁶ Temubual dengan Tuan Guru Haji Mohamad bin Haji Daud, di Pondok Bukit Abal, Pasir Puteh, Kelantan, pada 1 Julai 2004.

atau nama lengkapnya Haji Omar Ismail Nurudin al-Kelantan (lahir 1284H/1867M) dan Tuan Guru Haji Nik Wan Abdullah.⁷⁶⁷

Setelah melanjutkan pelajarannya ke Mekah, Tuan Guru Haji Daud Haji Omar belajar pula dengan al-Syaykh Sayyidī Abū Hasan Azhariy, yang merupakan murid kepada al-Syaykh Sayyidī Muḥammad ibn Aḥmad al-Dandarāwi. Setelah pulang ke tanahair, Tuan Guru Haji Daud Haji Omar telah membuka Pondok Bukit Abal dan mengembangkan ilmu terutamanya ilmu tasawuf dan tarekat *Ahmadiyyah*. Beliau mengajar pelbagai kitab termasuklah kitab *al-Hikam al-'Aṭā'iyyah* sama ada *Hikam Melayu* atau yang berbahasa Arab di pondoknya itu. Pondok ini telah menjadi tumpuan ramai pengikut tarekat *Ahmadiyyah* dari dalam dan luar negeri kelantan sehingga kini. Tuan Guru Haji Daud Haji Omar sendiri sebenarnya tidak sangat menggalakkan murid-muridnya membaca kitab *al-Hikam al-'Aṭā'iyyah* (terutamanya *Hikam Melayu*) kerana dibimbangi tersilap memahami maksud dan kehendak pengarang asalnya al-Syaykh Ibn 'Aṭā' Allāh al-Sakandariy, kerana dalam kitab tersebut terdapat beberapa perkara yang memerlukan penerangan yang panjang lebar. Justeru, anak-anak beliau tidak meneruskan pengajian kitab *al-Hikam al-'Aṭā'iyyah* dan berpada dengan mengajarkan kitab warisan peninggalan Tuan Guru Haji Daud Haji Omar sendiri yang berjudul *Ramuan Ilmu Tasawuf*.⁷⁶⁸

Tuan Guru Haji Daud Haji Omar mempunyai beberapa orang murid yang mewarisi kemahiran mengajar kitab *al-Hikam al-'Aṭā'iyyah* di negeri Kelantan, antaranya ialah Tuan Haji Ghazali bin Abdullah Tunjong, yang mempunyai

⁷⁶⁷ Sulaiman bin Ibrahim, *al-Turuq*, h. 279.

⁷⁶⁸ Temubual dengan Tuan Guru Haji Mohamad bin Haji Daud, di Pondok Bukit Abal, Pasir Puteh, Kelantan, pada 1 Julai 2004.

Pondok Tunjong, Kota Bharu, Kelantan; Haji Awang Padang, Kampung Kolam yang membuka Pondok Kolam, Pak Badol, Bachok, Kelantan dan Tuan Guru Ghazali Pulai Chondong, yang juga membuka Pondok Pulai Chondong. Mereka semua mengembangkan pengajian kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* di pondok masing-masing⁷⁶⁹ dan mempunyai ramai anak murid yang mempelajari kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah*.

Sementara al-Syaykh Muḥammad al-Syāfi'iyy ibn Muḥammad Ṣāliḥ ibn 'Abd al-Rahmān yang masyhur dengan gelaran Tuk Shafie, seorang tokoh ulama dan penyebar tarekat *Ahmadiyyah* juga pernah menziarahi negeri Kelantan.

Salah seorang murid Tuk Shafie yang telah mempelajari kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* dan akhirnya bergelar ulama besar di negeri Kelantan ialah Tuk Slehong. Tuk Slehong bukan hanya mengajar kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* sama ada *Hikam Melayu* atau yang berbahasa Arab di pondoknya, malah dijadikannya wirid dan amalannya.

Tuk Slehong pernah ditawarkan jawatan Mufti negeri Kelantan, tetapi telah ditolaknya, lalu jawatan itu disandang oleh Mufti Tuan Haji Musa bin Abdul Samad (1874-1939M). Pernah suatu ketika gurunya Tuk Shafie datang melawat negeri Kelantan dan menemui muridnya Tuk Slehong itu. Tuk Shafie bertanya kepada Tuk Slehong mengapa beliau menolak jawatan mufti negeri Kelantan sedangkan *maṣlahat* yang dapat diraih hasil jawatan itu sangat besar, di mana beliau boleh membaiki rakyat jelata dengan pengajaran Islam yang betul dengan ilmu yang telah dimilikinya dan pengaruh jawatan mufti yang dipandang amat

⁷⁶⁹ Temubual dengan Tuan Guru Haji Mohamad bin Haji Daud, di Pondok Bukit Abal, Pasir Puteh, Kelantan, pada 1 Julai 2004.

tinggi dalam masyarakat Islam Kelantan ketika itu. Tuk Slehong menjelaskan bahawa Tuk Guru (iaitu Tuk Shafie) telah memberikan saya kefahaman isi-isi kitab *Hikam* maka cukuplah ia menjadi kebaikan untuk saya di dunia dan akhirat (tidak perlu lagi apa-apa jawatan untuk tujuan mengembangkan dakwah). Tuk Shafie berkata “rupa-rupanya engkau faham (isi-isi kandungan kitab *Hikam*)”. Jelasnya, Tuk Shafie mahu menguji sejauh mana penghayatan Tuk Slehong terhadap pengajaran beliau berhubung tasawuf, terutamanya isi-isi kandungan kitab *Hikam*.⁷⁷⁰

Berhubung Pondok Pasir Tumbuh, walaupun ia bukanlah sebuah pondok yang terkenal dengan ilmu tasawuf, namun ia tetap menjadikan pengajian tasawuf sebagai sebahagian daripada sukanan pengajian. Menurut senarai nama kitab yang diajarkan di pondok berkenaan, kitab *al-Hikam* adalah sebahagian daripada kitab-kitab pengajiannya.⁷⁷¹ Tuan Guru Haji Mustafa bin Abu Bakar, pengasas pondok tersebut adalah antara tokoh berwibawa yang mengajar *Hikam Melayu*, di mana beliau telah mengajar kitab *Hikam Melayu* dan Arab. Demikian juga dengan penggantinya Tuan Guru Haji Abdul Aziz bin Abu Bakar juga mengajar kitab *Hikam Melayu* dan Arab. Apabila beliau meninggal dunia, kepimpinan Pondok Pasir Tumbuh digantikan oleh Tuan Guru Haji Hashim bin Abu Bakar, adik ipar kepada kedua-dua pengasas pondok tersebut. Beliau juga mengajar kitab *Hikam Melayu* dan Arab. Disebabkan oleh keuzuran Tuan Guru Haji Hashim bin Abu Bakar dan kesibukannya buat masa kini, pengajian kitab *Hikam Melayu*

⁷⁷⁰ Cerita ini telah diceritakan oleh Tuan Guru Haji Abdul Rahman bin Ismail Wakaf Baru semasa beliau mengajar kitab *Hikam* yang pernah dihadiri oleh murid setianya, Tuan Guru Haji Abdul Hamid bin Haji Salleh. Temubual dengan Tuan Guru Haji Abdul Hamid bin Haji Salleh, Gunong, Bachok, Kelantan, 30 Jun 2004.

⁷⁷¹ Lihat Dr. Abdullah Muhammad Zin dan Che Yussuf Che Mamat, *Institusi Pondok Pasir Tumbuh Kelantan*, 1999, Jab. Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan, FPI, UKM, h. 9

dijalankan oleh bekas murid pondok berkenaan, iaitu Tuan Haji Ishak, yang juga merupakan Mudir Pondok Gelam Emas, Tumpat, Kelantan.⁷⁷²

Ketiga-tiga Tuan Guru Pondok Pasir Tumbuh ini pernah berguru dengan Tuan Guru Haji Abdullah Taib Tahir bin Haji Ahmad (1897-1961M),⁷⁷³ Tuan Guru Pondok Bunut Payung, Bt. 2½, Kota Bharu, Kelantan. Dalam sejarah pengajiannya, Tuan Guru Haji Abdullah Taib Tahir pernah mempelajari kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* ini dengan al-Syaykh Mukhtār 'Attāriy al-Jāwiyy di Mekah.⁷⁷⁴ Beliau juga belajar kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* ini dengan Tuk Kenali sebelum melanjutkan pelajaran ke Mekah, dan dipercayai juga mempelajarinya dengan ayahnya Tuan Haji Ahmad yang juga tokoh agama yang turut mengajarkan kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* ini.⁷⁷⁵

Semasa hayatnya, Tuan Guru Haji Abdullah Taib Tahir mengajar kitab *Hikam Melayu* dan Arab dan beliau dianggap sangat berwibawa mengajarkan kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* sama ada *Hikam Melayu* atau yang berbahasa Arab dan melahirkan ramai anak murid yang berwibawa pula dalam konteks penyebaran kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* di negeri Kelantan dan juga luar Kelantan seperti Terengganu dan Kedah. Namun, selepas kewafatan Tuan Guru Haji Abdullah Taib Tahir, tidak ada tokoh-tokoh hebat yang mampu meneruskan

⁷⁷² Temubual dengan Tuan Guru Haji Hashim bin Abu Bakar, Pondok Pasir Tumbuh, Kelantan, 30 Jun 2004. Boleh dikatakan, selepas ketiadaan kedua-dua tokoh pengasas awal Pondok Pasir Tumbuh, ia kehilangan tokoh yang mampu mengajar kitab *Hikam Melayu* dan terpaksa bergantung kepada guru luar untuk datang mengajar kitab berkenaan untuk para pelajarnya. Temubual dengan Tuan Haji Mustapa Husin, salah seorang murid di Pondok Pasir Tumbuh dari tahun 1970-1980, di Dungun, 3 Jun 2004.

⁷⁷³ Hamdan Hassan, *op.cit.*, h. 87.

⁷⁷⁴ Temubual dengan Tuan Guru Haji Hashim bin Abu Bakar, Pondok Pasir Tumbuh, Kelantan, 30 Jun 2004.

⁷⁷⁵ Temubual dengan Tuan Haji Mohd bin Ibrahim (kini berusia 87 tahun), di rumahnya di Kampung Pelek, Kota Bharu, Kelantan, pada 2 Julai 2004.

pengajian kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* sama ada *Hikam Melayu* atau yang berbahasa Arab.⁷⁷⁶

Antara murid Tuan Guru Haji Abdullah Taib Tahir ialah Tuan Guru Haji Ali Pulau Pisang, iaitu Tuan Guru Pondok Pulau Pisang, Kelantan dan Tuan Guru Pa Yaakob Lega yang berasal dari Patani. Kedua-duanya mengajar kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah*. Tuan Guru Haji Ali Pulau Pisang telah menyebarkan pengajian kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* di pondoknya sendiri iaitu Pondok Pulau Pisang, Kelantan yang cukup terkenal suatu masa dahulu. Sementara Tuan Guru Pa Yaakob Lega pula mengajar kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* di Pondok Tuk Kenali, kerana beliau juga belajar kitab tersebut dengan Tuk Kenali, selain belajar dengan Tuan Guru Haji Abdullah Taib Tahir.⁷⁷⁷

Di negeri Kelantan, seorang lagi tokoh yang sangat terkenal sebagai pensyarah kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* ialah Tuan Guru Haji Abdul Rahman bin Ismail Wakaf Baru (w1990). Beliau yang melanjutkan pelajaran agama di Mekah, telah berguru dengan ramai guru-guru besar di Mekah. Dalam konteks pembelajaran kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* sama ada *Hikam Melayu* atau yang berbahasa Arab, beliau telah mempelajarinya dengan seorang tokoh ulama masyhur bernama al-Syaykh Muḥammad al-Syāfi'iyy ibn Muḥammad Ṣāliḥ ibn 'Abd al-Rahmān (Tuk Shafie) yang tinggal di Mekah.

⁷⁷⁶ Malah Pondok Bunut Payung sendiri telah dianggap mati dan kini hanya mengendalikan pendidikan aliran agama biasa, bukannya sistem pengajian lama cara pondok. Temubual dengan Tuan Guru Haji Hashim bin Abu Bakar, Pondok Pasir Tumboh, Kelantan, 30 Jun 2004 dan temubual Ustaz Saufi Abdullah, bekas sekolah Pondok Bunut Payung, di Maahad al-Manar, Kok Lanas, Ketereh, Kelantan, pada 1 Julai 2004.

⁷⁷⁷ Temubual dengan Tuan Haji Mohd bin Ibrahim (kini berusia 87 tahun), di rumahnya di Kampung Pelek, Kota Bharu, Kelantan, pada 2 Julai 2004.

Apabila kembali ke tanahair, beliau telah mengajar *Hikam Melayu*⁷⁷⁸ di beberapa tempat di negeri Kelantan, iaitu pada hari Ahad antara selepas zolat zohor sehingga Asar di suraunya di Jalan Kebakat, Wakaf Baru, Kota Bharu, Kelantan, pada hari Jumaat jam 9.00 pagi hingga jam 11 pagi di Masjid Jelawat Bachok, Kelantan dan pada malam Sabtu di Masjid Bandar Bachok, Kelantan.⁷⁷⁹

Menurut murid setianya, Haji Abdul Hamid bin Haji Salleh sambutan masyarakat Islam terhadap pengajian kitab *Hikam Melayu* yang dikendalikan oleh Tuan Guru Haji Abdul Rahman bin Ismail Wakaf Baru adalah sangat baik, iaitu sekitar kehadiran 200 orang murid pada setiap kuliah pengajiannya.⁷⁸⁰ Angka ini secara relatifnya adalah sangat baik untuk satu *kulliyah umumiyyah* yang dikendalikan oleh seorang guru pondok pada zaman tersebut dan boleh dijadikan kayu ukur yang baik untuk melihat pengaruh al-Syaykh Ibn ‘Ata’ Allah al-Sakandariy menerusi kitab *al-Hikam al-‘Atā’iyyah*.

Sebelum wafat, Tuan Guru Haji Abdul Rahman bin Ismail Wakaf Baru telah berwasiat kepada anak murid setianya Haji Abdul Hamid bin Haji Salleh agar meneruskan pengajaran kitab *Hikam Melayu* selepas kematiannya. Justeru, pada tahun 1994, Haji Abdul Hamid bin Haji Salleh telah memulakan pengajian kitab *Hikam Melayu* ini, iaitu setelah empat tahun kematiang gurunya Tuan Guru Haji Abdul Rahman bin Ismail Wakaf Baru setelah menerima banyak permintaan

⁷⁷⁸ Tidak dapat dipastikan sama ada Tuan Guru Haji Abdul Rahman bin Ismail Wakaf Baru mengajar kitab *Hikam* Arab atau tidak kerana muridnya yang mewarisi ilmu kitab *Hikam* ini, iaitu Tuan Guru Haji Abdul Hamid bin Haji Salleh hanya berguru kepada beliau sekitar 10 tahun sebelum kewafatannya. Kemungkinan sebelum itu, beliau ada mengajar kitab *Hikam* Arab. Temubual dengan Tuan Guru Haji Abdul Hamid bin Haji Salleh, Gunong, Bachok, Kelantan, 30 Jun 2004.

⁷⁷⁹ Temubual dengan Tuan Guru Haji Abdul Hamid bin Haji Salleh, Gunong, Bachok, Kelantan, 30 Jun 2004.

⁷⁸⁰ Temubual dengan Tuan Guru Haji Abdul Hamid bin Haji Salleh, Gunong, Bachok, Kelantan, 30 Jun 2004.

daripada murid-murid agar beliau meneruskan pengajaran kitab *Hikam* sebagaimana yang telah diwasiatkan oleh bekas gurunya.⁷⁸¹

Kini beliau mengajar kitab *Hikam Melayu* di beberapa buah tempat di negeri Kelantan, iaitu di suraunya sendiri Surau Pak Su Hamid Gunong, di Gunong, Bachok, Kelantan pada setiap hari Rabu malam Khamis, selepas Maghrib hingga jam 10 malam, di Masjid Tuk Kenali, Pondok Tuk Kenali, Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan, selepas Maghrib hingga jam 10 malam dan di Pondok Bukit Awan, Pasir Puteh, Kelantan.⁷⁸²

Pengamatan terhadap pengajian kitab *Hikam Melayu* yang dikendalikan oleh beliau ini mendapati bahawa ia mendapat sambutan yang sangat baik di mana kehadiran pelajar menjangkaui angka 150 orang dan hampir keseluruhan mereka menadah kitab berkenaan semasa kuliah pengajian diadakan. Berdasarkan temubual dengan beberapa pelajar, didapati bahawa pelajar-pelajar itu datangnya daripada pelbagai tempat yang jauh di sekitar negeri Kelantan semata-mata kerana ingin mempelajari kitab ini.

Di kampung Pelek, daerah Kota Bharu, Kelantan ada seorang guru tua yang mengajar kitab *Hikam Melayu* iaitu Tuan Haji Mohd bin Ibrahim, 87 tahun. Beliau mengajar kitab *Hikam Melayu* di samping kitab-kitab Jawi yang lain di suraunya yang dikenali dengan nama Madrasah Pak Cik Haji Mat. Beliau pernah mempelajari kitab *Hikam Melayu* dengan Tuan Guru Haji Ismail Haji Yaakob, seorang tokoh agama yang juga mahir mengajar kitab *Hikam Melayu* dan Arab.

⁷⁸¹ Temubual dengan Tuan Guru Haji Abdul Hamid bin Haji Salleh, Gunong, Bachok, Kelantan, 30 Jun 2004.

⁷⁸² Temubual dengan Tuan Guru Haji Abdul Hamid bin Haji Salleh, Gunong, Bachok, Kelantan, 30 Jun 2004.

Tuan Guru Haji Ismail Haji Yaakob ini pula belajar kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* dengan Tuan Guru Haji Ismail yang terkenal dengan gelaran Pak Da 'El semasa beliau belajar di Mekah, di samping pernah belajar dengan Tuk Kenali dan juga dengan Tuan Guru Pa Yaakob Lega, murid Tuk Kenali. Semasa hayatnya, Tuan Guru Haji Ismail Haji Yaakob ini mengajar kitab *Hikam Melayu* dan Arab dan mempunyai ramai murid.⁷⁸³

D. Pengaruh Di Negeri-Negeri Lain

Selain daripada Terengganu, Kedah dan Kelantan, pengajian kitab *Hikam Melayu* ini juga terdapat di negeri-negeri lain seperti di Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan dan Melaka. Secara umum, pengajian kitab *Hikam Melayu* di negeri-negeri ini bersifat sederhana dan tidak terlalu pesat sebagaimana halnya di tiga buah negeri tersebut. Sebahagiannya bersifat warisan pengajian sistem pondok dan sebahagian yang lain hanya merupakan kuliah-kuliah yang baru dibuka.

Di negeri Pulau Pinang, setakat yang dapat di selidiki, adalah di ketahui bahawa Tuan Guru Haji Abdullah Fahim (datuk kepada YAB Perdana Menteri Malaysia kelima Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) adalah antara tokoh agama kelahiran Pulau Pinang yang menyebarkan pengajaran kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah*. Dipercayai kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* telah diajarkan di sekolah yang diasaskan oleh beliau iaitu *Dā'irah al-Ma'ārif al-Waqtaniyyah* (DMW), Kepala Batas, Pulau Pinang. Walaupun tidak dapat dipastikan sama ada beliau mengajar kitab *Hikam Melayu* atau *Hikam Arab*, namun suasana keilmuan pada zaman itu membayangkan bahawa beliau mengajar kitab *Hikam Arab*.

⁷⁸³ Temubual dengan Tuan Haji Mohd bin Ibrahim (kini berusia 87 tahun), di rumahnya di Kampung Pelek, Kota Bharu, Kelantan, pada 2 Julai 2004.

Penglibatan beliau dalam pengajaran kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* telah mampu memberikan gambaran bahawa pengaruh kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* di negeri Pulau Pinang pada ketika itu adalah baik, sejajar dengan perkembangannya di negeri-negeri lain seperti Terengganu, Kedah dan Kelantan. Adalah dipercayai ramai murid-murid Tuan Guru Haji Abdullah Fahim yang menyebarkan pengajaran kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* sama ada di negeri Pulau Pinang atau di luar Pulau Pinang. Kenyataan ini dapat diperkuuhkan apabila masih terdapat seorang anak murid Tuan Guru Haji Abdullah Fahim yang masih meneruskan tradisi pengajian kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* ini di Kulim, Kedah. Beliau ialah Ustaz Hj. Abdullah Hj. Ahmad,⁷⁸⁴ bekas pengetua *Madrasah Falāhiyyah*⁷⁸⁵ Sidam Kanan, Padang Serai, Kulim, Kedah. Beliau mengajar kitab *Hikam Melayu* di Surau Falāhiyyah, surau madrasah berkenaan. Ustaz Hj. Abdullah Hj. Ahmad mengajar kitab *Hikam Melayu* dan juga terjemahan Salim Bahrish.⁷⁸⁶

Di samping Ustaz Hj. Abdullah Hj. Ahmad, terdapat beberapa orang guru agama yang mengajar kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* di Pulau Pinang. Antara mereka ialah Tuan Guru Hj. Abdul Majid Zainal Abidin.⁷⁸⁷ Beliau mengajar

⁷⁸⁴ Beliau juga berguru dengan Syeikh Othman Jalaluddin Tahir, tokoh agama negara tersohor yang seangkatan dengan Tuan Guru Haji Abdullah Fahim. Beliau mengasaskan Madrasah Manābi' al-'Ulum (terkenal dengan nama Pondok Penanti), Penanti, Pulau Pinang.

⁷⁸⁵ Kini dikenali sebagai Maktab Mahmud Sidam Kanan, cawangan Maktab Mahmud di Alor Setar, Kedah yang terkenal sebagai sebuah pusat pengajian agama terulung di negeri Kedah yang melahirkan ramai ulama tanahair.

⁷⁸⁶ Temubual dengan Ustaz Kamil Mahadzir, guru agama Sekolah Menengah Penanti, Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Pada 5 Oktober 2003, di Hotel Putra Palace, Kangar, Perlis dan 19 Oktober 2004 menerusi telefon.

⁷⁸⁷ Beliau 66 tahun, ialah abang kepada YB Bridgier (B) Dato' Seri Hj. Abdul Hamid Zainal Abidin, bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Beliau adalah graduan Kolej Islam Malaya dan bekas guru di Madrasah al-Mashoor al-Islamiyyah, Pulau Pinang (kini Sekolah Menengah Kebangsaan Agama al-Mashoor (Lelaki), Pulau Pinang). Kini, beliau adalah Mudir Maahad *al-Ma'arif al-Islamiyyah*, Batu 9, Terung, Taiping, Perak dan merupakan salah seorang ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak, Darul Ridwan.

pernah mengajar kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* di Masjid Jamek Sungai Gelugor, Pulau Pinang sekitar tahun 1970-an. Kitab yang digunakan ialah kitab *Terjemah al-Hikam: Mendekati Diri Kepada Tuhan*, terjemahan Salim Bahrish dan huraiannya berdasarkan kitab *Iqāz al-Himam*, syarah *al-Hikam al-'Atā'iyyah* yang terkemuka karya al-Syaykh Ibn 'Ajjibah. Sambutan terhadap pengajian kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* ini ternyata sangat baik sehingga berjaya menarik pengaji sekitar 200 orang dengan fenomena kenderaan diletakkan di sepanjang jalan tepi masjid tersebut sepanjang kira-kira 2 batu. Sekarang, beliau mengajar kedua-dua kitab tersebut di Masjid Jamek Bayan Baru, Pulau Pinang, sebanyak sebulan sekali. Yang peliknya ialah bahawa pengajian kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* ini beliau lakukan di Pulau Pinang, walaupun beliau menetap di Taiping, Perak dan tidak pula mengajar kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* ini di tempat lain di Perak.

Di Pulau Pinang juga, terdapat guru agama bernama Ustaz Yusuf Salleh, Ustaz Hassan Abdul Latif dan Ustaz Mokhtar Shafie yang mengajar kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah*. Ustaz Yusuf Salleh yang merupakan bekas guru *Madrasah al-Mashoor al-Islamiyyah* dan kini menjadi imam di Masjid Rawana, Jalan Perak, Pulau Pinang mengajar kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* di masjid yang sama. Sementara Ustaz Hassan Abdul Latif, seorang pendakwah bebas di Pulau Pinang mengajar *al-Hikam al-'Atā'iyyah* (terjemahan Salim Bahrish) di Masjid Bayan Baru.⁷⁸⁸ Ustaz Mokhtar Shafie pula yang merupakan lulusan Fakulti *Syari'ah Islamiyyah*, Universiti al-Azhar, Mesir dan kini bertugas sebagai Mudir *Madrasah Diniyyah*, Sungai Bakap mengajar kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah* di Masjid Sg

⁷⁸⁸ Temubual dengan Ustaz Rosli Othman, Pegawai Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri, Pulau Pinang, pada 2 Oktober 2004, di kediamannya di Bertam, Pulau Pinang.

Bakap. Kitab yang beliau gunakan ialah kitab karya Ibn ‘Abbād yang berjudul *Ghayth al-Mawāhib al-‘Aliyyah*.⁷⁸⁹

Sementara di negeri Perak, maklumat yang diperolehi berkenaan pengajian kitab *al-Hikam al-‘Atā’iyyah* adalah agak terhad. Menurut Tuan Guru Hj. Abdul Majid Zainal Abidin, antara tokoh agama yang pernah mengajar kitab *al-Hikam al-‘Atā’iyyah* di Perak ialah Tuan Guru Hj. Ghazali bin Arshad, di Mudir Pondok *Madrasah Irsyādiyyah*, Batu 26, Bagan Datoh, Perak. Beliau pernah berguru dengan tokoh agama berasal dari Patani di Mekah, Tuan Guru Haji Ismail yang terkenal dengan gelaran Pak Da ‘El semasa beliau belajar di Mekah.⁷⁹⁰ Pak Da ‘El Patani ini merupakan guru kepada ramai tokoh agama Malaysia, terutamanya berhubung pengajian kitab *al-Hikam al-‘Atā’iyyah*, seperti Tuan Guru Haji Ismail Haji Yaakob dari Kelantan yang juga guru kitab *al-Hikam al-‘Atā’iyyah*.

Seorang lagi tokoh agama Perak yang mengajar kitab *al-Hikam al-‘Atā’iyyah* ini ialah Tuan Guru Dato’ Hj. Abdul Latif bin Abdul Rahman. Beliau adalah Mudir *Madrasah Laṭīfiyyah*, Pangkalan Hulu, Perak dan merupakan salah seorang ahli Jawatan Kuasa Majlis Fatwa Negeri Perak, Darul Ridwan. Beliau adalah seorang tokoh ulama yang disegani di negeri Perak yang disifatkan sebagai sangat alim. Beliau dikatakan menghafal matan kitab *al-Hikam al-‘Atā’iyyah* dan mengajar sebanyak 25 buah kitab sehari semalam di pondoknya.⁷⁹¹

⁷⁸⁹ Temubual dengan Ustaz Mokhtar Shafie, menerusi telefon. Penemubual ialah Ustaz Rosli Othman, pada 2 Oktober 2004, di kediamannya di Bertam, Pulau Pinang.

⁷⁹⁰ Temubual dengan Tuan Guru Hj. Abdul Majid Zainal Abidin, pada 6 Oktober 2004, di Maahad *al-Ma’ārif al-Islamiyyah*, Batu 9, Terung, Taiping, Perak.

⁷⁹¹ Temubual dengan Tuan Guru Hj. Abdul Majid Zainal Abidin, pada 6 Oktober 2004, di Maahad *al-Ma’ārif al-Islamiyyah*, Batu 9, Terung, Taiping, Perak dan temubual dengan Tuan Guru Haji Hashim bin Abu Bakar, Pondok Pasir Tumboh, Kelantan, 30 Jun 2004.

Pengajian kitab *Hikam Melayu* ini juga dilakukan oleh bekas Prof. Madya Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya iaitu Dr. Hj. Jahid Hj. Sidek. Beliau telah mengadakan kelas pengajian kitab *Hikam Melayu* ini secara konsisten sejak hampir 20 tahun yang lalu di pelbagai tempat di seluruh Malaysia, terutamanya di Selangor dan Wilayah Persekutuan.⁷⁹² Terkini, beliau mengajar kitab *al-Hikam al-'Atā'iyyah Syarḥ Ibn 'Ajībah* dan kitab *Syarḥ Hikam Melayu* di beberapa buah masjid dan surau di sekitar Lembah Klang di samping beberapa tempat lain di Terengganu, Pahang dan Johor.⁷⁹³

Masjid dan surau itu ialah Masjid Hidayah, SS3, Kelana Jaya, Petaling Jaya, Selangor (*Hikam Melayu*), Masjid al-Nur, Kampung Melayu, Subang, Selangor (*Hikam Melayu*), Masjid Mujahidin, Damansara Utama, Selangor (*Syarḥ Ibn 'Ajībah*), Masjid Aminah, SS2, Petaling Jaya, Selangor (*Hikam Melayu*), Masjid al-Amin, Seksyen 17, Shah Alam, Selangor (*Syarḥ Ibn 'Ajībah*), Masjid Makmuriah, Kampung Sungai Kayu Ara, Damansara Utama, Selangor (*Syarḥ Ibn 'Ajībah*), Masjid al-Taqwa, Subang Permai, Selangor, Masjid Sungai Cincin, Gombak, Selangor (*Syarḥ Ibn 'Ajībah*), Masjid Quaters KLIA, Sepang, Selangor (*Syarḥ Ibn 'Ajībah*), Masjid Nurul Ehsan, Jalan Sungai Udang, Klang, Selangor (*Hikam Melayu*), Masjid al-Faezeen, Taman Ehsan, Kepong, Selangor (*Syarḥ Ibn 'Ajībah*), Masjid Riadusolehin, Seksyen 17, Shah Alam, Selangor (*Syarḥ Ibn 'Ajībah*), Masjid Bandar Baru Sungai Buloh, Selangor (*Hikam Melayu*), Masjid Nur al-Yakin, Kampung Melayu Sri Kundang, Kuang, Selangor, Surau Desa Minang, Gombak, Selangor (*Hikam Melayu* (sudah tamat) dan kini *Syarḥ Ibn*

⁷⁹² Temubual dengan Dr. Hj. Jahid bin Hj. Sidek, Hotel Hilton, Seremban, Ogos, 2002.

⁷⁹³ Temubual dengan Dr. Hj. Jahid bin Hj. Sidek, di Pusat Rawatan Islam Manaroh, Lorong Beringin, Batu 17, Kg. Kuang, Sungai Buloh, Selangor. 27 Jun 2004.

'Ajibah), Surau al-Kauthar, Taman Wangsa, Melawati, Selangor (*Syarh Ibn 'Ajibah*), Surau SS5A/10 (FAM), Kelana Jaya, Petaling Jaya, Selangor (*Syarh Ibn 'Ajibah*), Surau Kota Damansara, Damansara, Selangor (*Syarh Ibn 'Ajibah*), Surau Muallimin, Taman Guru, Seremban, Negeri Sembilan (*Hikam Melayu*), Madrasah Manarah al-'Ilmi, Batu 18, Jalan Kuantan, Pekan, Pahang (*Hikam Melayu*), Madrasah Bab al-Khairat, No. 1, Jalan Suka, Kampung Melayu Majidi, Johor Bahru, Johor. Beliau juga mengadakan pengajian kitab *al-Hikam al-Atā'iyyah* di rumah orang perseorangan seperti di Kampung Aur, Kuala Terengganu (*Syarh Ibn 'Ajibah*) dan Rumah Tuan Haji Ahmad, Jalan Haji Jaib, Muar, Johor (*Hikam Melayu*).⁷⁹⁴

Kebanyakan kuliah-kuliah tadi diadakan sebanyak sekali sebulan kecuali di Masjid Mujahidin, Damansara Utama, Selangor dan Masjid al-Nur, Kampung Melayu Subang Selangor yang diadakan sebanyak dua kali sebulan. Secara umumnya, kuliah-kuliah tersebut dihadiri secara konsisten oleh sebilangan anak-anak muridnya, terutamanya pengikut dan pengamal tarekat *Naqsyabandiyyah* di bawah kepimpinan beliau yang mengikuti pengajian beliau dari sebuah masjid ke sebuah masjid atau dari sebuah surau ke sebuah surau pada setiap kali kuliah pengajian diadakan, di samping ahli jemaah masjid dan surau berkenaan.⁷⁹⁵

Menurut beliau, kitab *Hikam Melayu* mempunyai nilai ilmu yang sangat tinggi tidak terhingga dan isi kandungannya mengandungi nilai-nilai *tarbawiyy* yang sangat istimewa. Ia walaupun secara umumnya adalah doktrin pengajaran

⁷⁹⁴ Temubual dengan Dr. Hj. Jahid bin Hj. Sidek, di Pusat Rawatan Islam Manarah, Lorong Beringin, Batu 17, Kg. Kuang, Sungai Buloh, Selangor. 27 Jun 2004. Lihat juga jadual pengajian beliau yang dikeluar oleh murid-murid beliau di Pusat Rawatan Islam Manarah.

⁷⁹⁵ Temubual dengan Dr. Hj. Jahid bin Hj. Sidek, di Pusat Rawatan Islam Manarah, Lorong Beringin, Batu 17, Kg. Kuang, Sungai Buloh, Selangor. 27 Jun 2004.

tarekat *Syādhiliyyah*, namun ia amat sesuai digunakan oleh semua aliran tarekat tasawwuf kerana sifat kitab ini yang lebih menjurus kepada soal-soal *tarbiyah rūhiyyah* secara umum yang diperlukan oleh semua *sālik* dan pengamal tarekat. Ia adalah ibarat peraturan-peraturan umum dalam bidang tarekat tasawwuf yang disepakati oleh kebanyakan tarekat tasawwuf walaupun yang bukan daripada aliran *Syādhiliyyah*. Keistimewaan ini telah meletakan kitab *Hikam Melayu* pada satu tahap yang sangat meluas penggunaan dan pengajiannya.⁷⁹⁶

Dalam perkembangan terkini, pengaruh *al-Hikam al-'Aṭā'iyyah* telah tersebar luas dalam media elektronik termasuklah dalam laman-laman web dalam internet. Dalam konteks Malaysia sahaja, *al-Hikam al-'Aṭā'iyyah* telah diuraikan dalam sebuah laman web yang dikendalikan oleh seorang pengkaji *al-Hikam* yang dipercayai beroperasi di Seberang Takir, Kuala Terengganu.⁷⁹⁷ Namun, tidak disediakan pada laman web berkenaan catatan angka pelawat web tersebut untuk dibuat perbandingan, adakah ia sebuah laman web yang popular dan kerap dilawati atau hanya sekadar sebuah laman web yang kaku.

Sebuah lagi laman web yang mengendalikan huraian ilmu tasawuf berasaskan kitab *al-Hikam* ialah laman web *Pengajian Kitab Hikam*.⁷⁹⁸ Berdasarkan kepada rekod pembaharuan informasi yang terdapat di laman web tersebut, tarikh kali terakhir ianya diperbaharui (*update*) ialah pada 03 Januari 2001 bersamaan 19 Syawal 1422. Menurut kebiasaan pembaharuan sesebuah laman web di internet, bolehlah dianggap bahawa ia adalah sebuah laman yang

⁷⁹⁶ Temubual dengan Dr. Hj. Jahid bin Hj. Sidek, di Pusat Rawatan Islam Manarah, Lorong Beringin, Batu 17, Kg. Kuang, Sungai Buloh, Selangor. 27 Jun 2004.

⁷⁹⁷ <http://tamansufi.tripod.com>.

⁷⁹⁸ <http://suluk98.tripod.com/hikam.html>.

telah terlalu lama tidak diperbaharui informasi yang terkandung di dalamnya. Laman ini juga tidak membekalkan informasi tentang bilangan lawatan yang telah dilakukan terhadap laman web tersebut. Namun, pada halaman induk web tersebut yang tidak diberikan nama khusus, dan tarikh ia diperbaharui 30 Mac 2002 bersamaan dengan 16 Muharam 1423, ada tercatat bilangan lawatan ke laman ini mencapai bilangan 290,980 kali.⁷⁹⁹

Secara purata berdasarkan laman-laman web lain, bolehlah dianggap bahawa laman web ini adalah laman yang sentiasa dilawati secara konsisten oleh sebilangan besar peminat tasawwuf di alam maya. Ini dapat dibuktikan berdasarkan perubahan angka tersebut yang meningkat sekitar 150 orang pelawat dalam tempoh 24 jam.⁸⁰⁰

Jumlah lawatan laman web ini secara purata adalah suatu jumlah yang sangat baik jika dibandingkan dengan lawatan-lawatan pengunjung internet ke laman-laman web lain secara relatif. Ini adalah kerana purata lawatan pengunjung internet ke kebanyakan laman-laman web yang berbentuk ilmiah adalah rendah berbanding laman-laman hiburan. Dari aspek lain, kemungkinan pengunjung-pengunjung ke laman tersebut adalah dari serata dunia Melayu, bukan terhad kepada pengguna di Malaysia sahaja disebabkan oleh tabiat pencapaian internet yang tidak mengenal sempadan negara, sekaligus memperluaskan lagi pengaruh al-Syaykh Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandariy menerusi *al-Hikam al-‘Aṭā’iyyah* versi bahasa Melayu di kalangan orang-orang Melayu di serata dunia.

⁷⁹⁹ <http://suluk98.tripod.com/index.html>.

⁸⁰⁰ Pemerhatian dibuat pada 8 April dan 9 April 2004.

Seperkara lain yang harus diambil kira dalam mengukur pengaruh al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy menerusi *al-Hikam al-‘Atā’iyyah* ini ialah hakikat dan kenyataan bahawa bidang tasawwuf adalah antara bidang yang paling corot ke belakang dari segi pengisian program elektronik sama ada berbentuk cakera padat (CD), maupun dalam alam siber. Daripada ratusan kitab-kitab agama yang telah diisikan ke dalam program cakera padat, didapati bidang yang mengunggulinya ialah bidang *hadīth*, tafsir dan fiqh. Beratus-ratus kitab *turāth* dalam bidang-bidang ini telah diprogramkan dalam cakera padat dan tersebar luas di pasaran, namun dalam masa yang sama, hanya beberapa buah kitab tasawwuf dan akhlak sahaja yang mendapat perhatian pihak penerbit cakera padat daripada ratusan kitab-kitab tasawwuf yang kebanyakannya masih terbiar di alam cetakan tradisi tanpa diendahkan untuk dipindahkan ke dalam cakera padat.⁸⁰¹ Dengan kenyataan ini, maka wujudnya perhatian terhadap al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy menerusi *al-Hikam al-‘Atā’iyyah* berbanding ratusan kitab tasawwuf lain yang masih terbiar sekali lagi membuktikan betapa ia mengungguli bidang tasawwuf.

Penulis sendiri mengajarkan kitab Syarah *al-Hikam* Melayu secara berkala di Masjid Taqwa, Taman Tun Doktor Ismail, Damansara pada setiap hari Ahad malam Isnin setiap minggu kedua dan ketiga pada setiap bulan. Sambutan yang diberikan terhadap kelas pengajian ini secara umumnya adalah memuaskan di mana ramai para ahli jemaah yang menunjukkan minat untuk mempelajari dan memahami isi kandungannya. Berdasarkan temubual terhad yang penulis jalankan

⁸⁰¹ Berdasarkan kepada maklumat yang dibekalkan oleh Syarikat *al-Nūr*, Mesir dalam senarai CD kitab-kitab agama yang diterbitkan oleh beberapa syarikat di negara Arab.

terhadap ahli jemaah Masjid Taqwa, Taman Tun Doktor Ismail, Damansara ini, didapati para ahli jemaah amat menyukai pemikiran dakwah tasawwuf al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy. Mereka menganggap pemikiran beliau sebagai amat tinggi dan bernilai serta sangat sesuai diketengahkan dalam masyarakat Islam sebagai alternatif kepada sebahagian pemikiran dakwah yang ekstrim dan sebagai memenuhi keperluan rohani masyarakat Islam di Malaysia yang meruncing sejak akhir-akhir ini.

Sebagai kesimpulan, boleh dianggap bahawa *manhaj* dakwah al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy telah mempengaruhi sebahagian daripada pola dan corak pemikiran dakwah di Malaysia yang tidak boleh dipandang ringan. Walaupun pengaruh tersebut lebih bersifat tasawwuf, namun disebabkan doktrin pengajarannya dan juga sasaran dakwahnya adalah berbentuk umum dan diperlukan oleh masyarakat dalam proses pembersihan jiwa dan pembinaan masyarakat berimbang, maka ia telah memberikan manfaat besar terhadap masyarakat Islam di rantau ini.

Pengaruh *manhaj* dakwah beliau telah bertapak di Tanah Melayu semenjak kurun ke-17M lagi menerusi karya agungnya *al-Hikam al-‘Atā’iyyah* yang telah diterjemah dan dihuraikan oleh ulama Melayu. Antara yang paling awal ialah menerusi kitab *Hikam Melayu* karangan Tuk Pulau Manis yang telah mendahului pengaruh kitab-kitab karya al-Imām al-Ghazzāliy. Di samping itu, terdapat terjemahan-terjemahan lain yang diusahakan oleh beberapa ulama lain yang juga didasarkan kepada kitab *al-Hikam al-‘Atā’iyyah* di mana setengahnya hanya berbentuk karya terjemahan semata-mata dan setengah yang lain berbentuk karya terjemahan dan huraian ringkas. Kitab-kitab berdasarkan karya *al-Hikam al-‘Atā’iyyah* telah tersebar luas di Nusantara dan Malaysia dan digunakan di

kebanyakan institusi pengajian tradisi dan institusi pengajian pondok. Pengaruh ini berterusan hingga ke hari ini dengan kelahiran beberapa karya besar dalam bahasa Melayu yang juga berasaskan kitab *al-Hikam al-'Aṭā'iyyah* yang dihasilkan oleh sarjana daripada Indonesia dan karya-karya itu telah tersebar di Malaysia. Menerusi karya-karya berasaskan *al-Hikam al-'Aṭā'iyyah* inilah *manhaj* dakwah al-Syaykh Ibn 'Aṭā' Allāh al-Sakandariy telah dapat diselami, dikaji dan diamalkan, sama ada pengamalan secara umum ataupun secara khusus menerusi organisasi tarekat *Syādhiliyyah* yang akan dibincangkan dalam fasal berikut.

Antara pengaruh *manhaj* dakwah al-Syaykh Ibn 'Aṭā' Allāh al-Sakandariy yang paling besar menerusi *al-Hikam al-'Aṭā'iyyah* ini ialah membentuk pola pemikiran dakwah sederhana berasaskan *manhaj* ahli sufi *sunniy* sebagai menggantikan pola pemikiran dakwah tasawwuf falsafah yang banyak mempengaruhi masyarakat Islam sebelum ini. Didapati bahawa pertarungan antara tasawwuf falsafah dan tasawwuf *sunniy* terus berlaku, namun adalah diperhatikan bahawa pengaruh tasawwuf *sunniy* lebih mendominasikan pemikiran masyarakat Islam di Malaysia. Justeru, ramai umat Islam yang menolak ajaran dan pemikiran tarekat sesat atau ajaran sesat yang rata-rata berdasarkan kepada pemikiran tasawwuf falsafah yang disalahertikan oleh pendukung-pendukungnya. Sebaliknya, pemikiran dakwah tasawwuf *sunniy* terus dapat diterima dalam masyarakat Islam Malaysia dan diamalkan secara meluas.

4.3 PENGARUH MANHAJ MENERUSI TAREKAT SYĀDHILIYYAH

4.3.1 Pengenalan Tarekat *Syādhiliyyah*

A. Tarekat *Syādhiliyyah*

Perkataan tarekat berasal daripada bahasa Arab *tariqah* yang bererti jalan (*sabil*),⁸⁰² perjalanan dan mazhab.⁸⁰³ Dalam istilah tasawuf, perkataan tarekat diberikan pengertian yang berbagai-bagai oleh ulama tasawuf, antara tarekat bererti *sīrah* perjalanan yang khusus untuk para *sālikin* menuju Allah dengan cara mencapai tahap-tahap tertentu dan meningkat kepada beberapa *maqāmāt* tertentu.

⁸⁰⁴ Menurut Prof. Dr. Su'ād al-Ḥakīm, tarekat dalam kalangan tasawuf bererti secara khusus jalan menuju Allah. Ini adalah kerana ia merangkumi segala pengalaman sufi (*tajribah sūfiyyah*) bermula daripada kesedaran hati daripada kelalaian, melalui ke peringkat *mujāhadah al-nafs* dan *riyādahnya* dan sehingga sampai ke peringkat kecergasan ruh (*nasyāt rūhiy*) dan keterbukaannya⁸⁰⁵ (untuk menerima segala kurniaan dan anugerah Allah). Al-Imām al-Ghazzāli menyimpulkan pengertian tarekat dan matlamatnya dalam kitabnya *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* sebagai pelaksanaan *mujāhadah*, membuang sifat-sifat keji, memutuskan segala hubungan (selain dengan Allah), menghadap Allah Taala dengan penuh *himmah*. Apabila terhasil perkara-perkara ini, maka nescaya Allah akan menguasai hati hamba-Nya itu dan Dialah yang menjamin bagi hamba itu dengan cahaya-cahaya ilmu. Apabila Allah menguasai segala urusan hati,

⁸⁰² Ibn Manzūr, *op.cit.*, h. 2665 dan al-Rāziy, *op.cit.*, h. 164.

⁸⁰³ Ibn Manzūr, *ibid* dan *al-Mu'jam al-Wasīt*, entri *ṭaraqa*.

⁸⁰⁴ Al-Jurjāniy, *al-Ta'rīfāt*, h. 160, al-Kāṣyāniy, *Mu'jam Iṣṭilāḥāt al-Sūfiyyah*, h. 85 dan Abū Khuzām, Anwar Fu'ād (Dr.), *Mu'jam Muṣṭalahāt al-Sūfiyyah*, sunt. Dr. George Matri 'Abd al-Masiḥ, Maktabah Lubnān Nāsyirūn, Beirut (t.th.), h. 113.

⁸⁰⁵ Al-Hakīm, *op.cit.*, h. 720-721.

maka rahmat akan melimpahnya, cahaya akan bersinar dalam hati dan dada akan terasa lapang, akan tersingkap baginya rahsia ketuhanan, tertanggallah segala hijab daripada hati dengan kelembutan rahmat dan nescaya akan bergemerlapanlah dalam hati segala hakikat ketuhanan.⁸⁰⁶ Sementara Sayyidi al-Saykh Abū al-Hasan al-Syādhiliyy (593-656H) pengasas tarekat *Syādhiliyyah* sendiri menyatakan bahawa sesungguhnya *tariq* (tarekat) itu ialah berakidah terhadap Allah, iaitu bersantaian bersama-sama Allah (hidup bersama Allah - penulis), maka barangsiapa yang merentasi jalan Allah, maka dia adalah dari kalangan para *sidiqin*.⁸⁰⁷

Pengertian tarekat tasawuf yang diutarakan oleh ulama tasawuf inilah yang telah mewarnai perjalanan keseluruhan tarekat-tarekat tasawuf termasuklah tarekat *Syādhiliyyah* yang merupakan tarekat tasawuf amalan al-Saykh Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandariy. Tarekat *Syādhiliyyah* adalah sebuah tarekat tasawuf yang dinisbahkan kepada nama seorang wali Allah yang masyhur iaitu Sayyidi al-Saykh Abū al-Hasan al-Syādhiliyy (593-656H). Nama penuh beliau ialah Abū al-Hasan ‘Aliy al-Syādhiliyy ibn ‘Abd Allāh ibn ‘Abd al-Jabbār ibn Tamīm ibn Hurmuz ibn Ḥātim ibn Quṣay ibn Yūsuf ibn Yūsya‘ ibn Wird ibn Baṭṭāl ‘Aliy ibn Aḥmad ibn Muḥammad ibn ‘Isā ibn Muḥammad ibn Sayyid Syabāb Ahl al-Jannah wa Sabṭ Khayr al-Bariyyah Abi Muḥammad al-Ḥasan ibn Amīr al-Mu’minīn ‘Aliy ibn Abi Ṭālib (r.a.) wa ibn Fāṭimah al-Zahrā’ bint Rasīl Allāh (s.a.w.).⁸⁰⁸

⁸⁰⁶ Al-Ghazzāliy, Ḥujjat al-Islam Abū Ḥāmid Muḥammad, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, Dār al-Khayr, Damsyik, Syria, 1990, jld 3, h. 18. Lihat juga Al-Ghazzāliy, *Mīzān al-’Amal, taṣhīḥ & ta’līq* al-Saykh Muḥammad Muṣṭafā Abū al-Ilā, Maktabah al-Jundiy, Kaherah (t.th.), h. 45.

⁸⁰⁷ Dr. ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd, *Abū al-Hasan al-Syādhiliyy*, Dār al-Ma’ārif, Kaherah (t.th.), h. 129.

⁸⁰⁸ Dr. ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd, *Qadīyyat al-Taṣawwuf, al-Madrāsa al-Syādhiliyyah*, Dār al-Ma’ārif, Kaherah (t.th.), h. 42. Lihat juga al-Sakandariy, *Laṭā’if al-Minan*, h. 109.

Nama masyhur beliau ialah *al-Syādhiliy*, nisbah kepada *Syādhilah* iaitu sebuah perkampungan di negara Tunisia di mana beliau telah berhijrah ke sana setelah beliau meninggalkan kampung asalnya yang bernama Ghamārah di negara Maghribi. Beliau telah dilahirkan pada tahun 593H dan telah menjadikan bandaraya Iskandariah (Mesir) sebagai tempat tinggal di mana di situlah beliau berkahwin. Beliau wafat pada tahun 656H semasa dalam perjalanannya menuju Mekah untuk mengerjakan haji di sebuah padang pasir antara perkampungan *Qinā* dan *al-Qaṣīr* dan dikebumikan di situ.⁸⁰⁹

Al-Saykh Abū al-Hasan al-Syādhiliy mempunyai ramai murid dan pengikut di seluruh Mesir, terutamanya di bandaraya Iskandariah, Mesir. Di antara murid-muridnya yang paling menonjol ialah al-Saykh Abū al-‘Abbās al-Mursiy yang kemudian mengambil alih kepimpinan beliau dalam tarekat *Syādhiliyyah* setelah kewafatannya pada tahun 656H dan al-Saykh Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandariy. Al-Saykh Abū al-‘Abbās al-Mursiy meneruskan kepimpinan menerajui tarekat *Syādhiliyyah* sehingga beliau pula wafat di Iskandariah pada tahun 686H. Kepimpinan tarekat *Syādhiliyyah* generasi ketiga diwarisi pula oleh murid al-Saykh Abū al-‘Abbās al-Mursiy yang paling menonjol, iaitu al-Saykh Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandariy yang menjadi tokoh kajian tesis ini. Al-Saykh Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandariy telah menyempurnakan amanah kepimpinan tarekat *Syādhiliyyah* ini dengan jayanya selama 23 tahun sehingga kewafatannya pada tahun 709H dan kepimpinan itu telah berpindah pula kepada salah seorang daripada muridnya iaitu al-Imām al-Muḥaddith al-Mufassir

⁸⁰⁹ Al-Hifniy, ‘Abd al-Mun‘im (Dr.), *al-Mawsū‘ah al-Šūfiyyah, A‘lām al-Taṣawwuf wa al-Munkirin ‘Alayh wa al-Turuq al-Šūfiyyah*, Dār al-Rasyād, Kaherah (t.th.), h. 229.

Abū al-‘Abbās Syihāb al-Dīn Aḥmad ibn al-Mīaq al-Sakandariy.⁸¹⁰ Kepimpinan tarekat *Syādhiliyyah* ini terus berpindah tangan dari satu generasi ke satu generasi menelusuri zaman sehingga ke hari ini.

B. Prinsip Dan Amalan Utama Tarekat *Syādhiliyyah*

Tarekat *Syādhiliyyah* adalah antara tarekat tasawwuf induk (*ummahāt al-Turuq al-Šūfiyyah*) yang mengintegrasikan ilmu dengan amalan dan hemah (*al-himmah*) dengan *aḥwāl*. Ia adalah tarekat yang berasaskan pembuktian (*tarīqat al-Burhān*) dan pengikut-pengikutnya adalah orang-orang yang suka mengkaji dan mementingkan ilmu pengetahuan. Tarekat ini merangkumi *al-jadhb al-ilāhiy* dalam keadaan sedar sepenuhnya (*al-ṣahw al-tāmm*), *al-mujāhadah* dan *al-ināyah* sebagaimana ia adalah tarekat yang mengandungi unsur-unsur *al-ri’āyah*, adab dan penyerahan diri (*al-taslīm*) dan tertegak atas dua panji zahir dan batin.⁸¹¹

Prinsip-prinsip umum tarekat *Syādhiliyyah* boleh disimpulkan dalam lima perkara besar; bertaqwā kepada Allah secara *al-sirr* dan *al-‘alāniyah*, mengikut *al-sunnah* dalam perkataan dan perbuatan, berpaling (*al-i'rād*) daripada makhluk sama ada dalam hal *iqbāl* dan *idbār*, reda (*al-ridā*) terhadap (pemberian) Allah sama ada sedikit mahupun banyak dan kembali (*al-rujū'*) kepada Allah sama ada semasa senang mahupun susah.⁸¹²

Al-Imām al-Saykh Abū al-Hasan al-Syādhiliy menjelaskan asas tarekatnya dengan menyatakan bahawa jalan untuk sampai kepada Allah ialah zikir di mana asasnya ialah amal *ṣāliḥ* dan buahnya ialah cahaya (*al-nūr*); *tafakkur*

⁸¹⁰ Khalaf Allāh, *op. cit.*, h. 47.

⁸¹¹ Abū Sa’id al-Tūnisiy, *Haqīqat al-Šūfiyyah*, Maktabah al-Fārābi, Damsyik (t.th.), h. 24.

⁸¹² Al-Najjār, Dr. ‘Āmir, *op.cit.*, h. 140.

di mana asasnya sabar dan buahnya ilmu; kemiskinan di mana asasnya ialah syukur dan buahnya ialah pertambahan sifat syukur; dan kecintaan (*al-hubb*) di mana asasnya ialah kebencian kepada dunia dan penghuninya dan buahnya ialah kesampaian (*al-wuṣūl*) kepada kekasih.⁸¹³ Beliau juga menyatakan bahawa dua sifat yang dapat memudahkan jalan menuju Allah iaitu *ma'rifat* dan kecintaan.⁸¹⁴

Al-Shaykh Zarīq menyatakan bahawa tarekat Syādhiliyyah terbina atas beberapa asas utama; zikir berserta *iftikār* (berfikir), kesedaran hati (*al-yaqāzah*) berserta sabar, meninggalkan *tadbīr* dan *ikhtiyār* dan hadir hati bersama-sama Allah berserta '*adam al-tafriqah*'.⁸¹⁵

Zikir dalam tarekat *Syādhiliyyah* adalah zikir berserta dengan *iftikār* (berfikir). Firman Allah (s.w.t.):

﴿١٥٢﴾ فاذكروني أذكريكم ...

Surah *al-Baqarah* (2): 152.

Maksudnya:

Maka, ingatlah kamu (berzikirlah kamu) kepada-Ku, nescaya Aku akan mengingati (berzikir) kepada kamu.

Terjemahan surah *al-Baqarah* (2): 152.

Al-Imām al-Syaykh Abū al-Hasan al-Syādhiliy menjelaskan tentang zikir dengan menyatakan bahawa zikir itu ada empat jenis. Pertama zikir yang engkau mengingati-Nya dan ia adalah zikir yang dapat menghapuskan kelalaian atau kelalaian yang engkau takuti. Kedua zikir yang engkau mengingati dengan-Nya iaitu ketakutan terhadap azab atau kejauhan (daripada rahmat-Nya), kecintaan terhadap nikmat-Nya dan kehampiran-Nya. Ketiga zikir yang mengingatkan

⁸¹³ Al-Sakandariy, *Laṭā'if al-Minan*, h. 112.

⁸¹⁴ Ibn Ṣabbāgh, Sayyidī Muḥammad ibn Abī al-Qāsim al-Ḥumaydiy, *Durrat al-Asrār wa tuḥfat al-Abrār fi Manāqib al-Syādhiliy*, Tunisia, 1304H, h. 71.

⁸¹⁵ Al-Najjār, Dr. ‘Āmir, *op.cit.*, h. 140. ‘Adam al-tafriqah ertinya membezakan antara *wujūd haqqīqiy* dan *wujūd wahmiy*.

engkau bahawa segala kebajikan daripada Allah dan segala kejahatan daripada dirimu sendiri, sekalipun Allah itu adalah Tuhan yang melaksanakan dan Pemilih (*al-Fā'il al-Mukhtār*). Keempat zikir di mana engkau diingati (oleh Allah s.w.t.) dengan sebab zikir itu. Allah berfirman: . (فاذكرون أذكراً). Maksudnya: *Maka, ingatlah kamu (berzikirlah kamu) kepada-Ku, nescaya Aku akan mengingati (berzikir) kepada kamu.* Maka Allah mengingati hamba-Nya dengan sebab zikir itu, di mana hamba itu tidak mempunyai sebarang tujuan dalam zikirnya itu (melainkan Allah) dan (Allah mengingati hamba-Nya) dengan melaksanakan zikir itu menerusi lidahnya (hamba itu) di mana lidah itu adalah tempat keluarnya zikir dan keluarnya nama Tuhan yang diingati (*al-madhkūr*) Yang Maha Tinggi. Maka apabila engkau masuk dalam zikir itu, maka jadilah hamba yang berzikir (*al-dhākir*) itu sebagai hamba yang disebutkan namanya oleh Allah (*al-madhkūr*) dan Tuhan Yang Menyebut itu (*al-madhkūr*) sebagai Tuhan yang mengingati (*al-dhākir*) terhadap hamba itu.⁸¹⁶

Sementara kesedaran hati (*al-yaqazah*) atau *al-murāqabah* adalah suatu unsur yang seharusnya berjalan seiring sejalan dengan zikir di mana seseorang yang berzikir itu wajib *murāqabah* Tuhan (merasakan dirinya sentiasa diperhatikan oleh Tuhan), sedar, waspada dan berhati-hati terhadap segala lintasan di hatinya dan segala perkara yang berlaku ke atas dirinya. Unsur *murāqabah* yang sempurna terhadap segala lintasan nafsu dan sifat sedar dan waspada terhadapnya boleh dicapai dengan cara zikir (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ) yang berterusan.⁸¹⁷

⁸¹⁶ Al-Syâfi'iyy, Syaykh Ahmad ibn Muhammad ibn 'Iyâd, *al-Mafâkhir al-'Aliyyah fi al-Ma'âthir al-Syâdhiliyyah*, Maktabah al-Qâhirah, Kaherah, 1384H/1964M, b. 49 & 71.

⁸¹⁷ Al-Najjār, Dr. 'Āmir, *op.cit.*, h. 141.

Tarekat *Syādhiliyyah* -sepertimana tarekat-tarekat tasawwuf lain-mempunyai beberapa amalan utama yang membezakan antara pengikutnya dan pengikut tarekat tasawwuf yang lain. Antara yang paling menonjol ialah wirid-wirid tertentu yang khusus untuk pengikut tarekat *Syādhiliyyah* yang dikenali sebagai *hizb* seperti *hizb al-Bahr* dan *hizb al-Barr*, *hizb al-Naṣr* dan lain-lain lagi. Kebanyakan *hizb* ini adalah bersumberkan daripada pengasas tarekat *Syādhiliyyah* iaitu Sayyidi al-Saykh Abū al-Hasan al-Syādhiliy (593-656H). *Awrād* atau *aḥzāb* inilah yang menjadi tunggak kepada amalan kerohanian bagi pengikut tarekat *Syādhiliyyah*. Antaranya yang paling masyhur ialah *hizb al-bahr*.

Berikut ialah nas *hizb al-bahr*:⁸¹⁸

لِلَّهِ مَا أَنْعَمَ وَلِرَبِّنَا الْجَنَاحُ

اللهم يا الله يا علي يا عظيم يا حليم ، أنت ربى ، وعلمك
حسبي ، فنعم الرب ربى ، ونعم الحسب حسبي ، تنصر من تشاء وأنت
العزيز الحكيم . نسألك العصمة في الحركات والسكنات والكلمات
والإرادات والخطرات من الظنون والشكوك والأوهام الساترة للقلوب
عن مطالعة الغيوب ، فقد ابتلي المؤمنون وزلزلوا زلزاً شديداً ،
﴿وَإِذْ يَقُولُ الْمُنَافِقُونَ وَالَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ مَرْضٌ وَمَا وَعَدْنَا اللَّهُ وَرَسُولُهُ إِلَّا
غُرُورًا﴾⁸¹⁹ فثبتنا وانصرنا وسخر لنا هذا البحر كما سخرت البحر
لموسى، وسخرت النار لابراهيم ، وسخرت الجبال والحديد لدادود ،
وسخرت الريح والشياطين والجن لسلیمان ، وسخر لنا كل بحر هو لك

⁸¹⁸ Al-Syāfi'iyy, Syaykh Ahmād ibn Muḥammad ibn 'Iyād (1384H/1964M), *al-Mafākhir al-'Aliyyah fī al-Ma'āthir al-Syādhiliyyah*, Kaherah: Maktabah al-Qāhirah, h. 201 dan seterusnya; (1407H/1986M), *Mafātiḥ al-Qurb aw Risālah fī Hadrat Allāh Ta'ālā*, Kaherah: al-Masyikħah al-'Āmmah li-al-Tariqah al-Muhammadiyyah al-Syādhiliyyah, edisi 7, h. 53-57 dan Syaykh Wan 'Aliy Kütān ibn 'Abd al-Rahmān (t.th.), *Lum'at al-Awrād*, T.T.P.: T.P., h. 106.

⁸¹⁹ *Al-Qur'an al-Karim*, Surah *al-Aḥzāb* (33): 12.

في الأرض والسماء والملك والملكون وبحر الدنيا وبحر الآخرة وسخر لنا كل شيء يا من بيده ملکوت كل شيء .

﴿كَهِيْعَصْ كَهِيْعَصْ كَهِيْعَصْ﴾. انصرنا فإنك خير الناصرين ، وافتح لنا فإنك خير الفاتحين ، واغفر لنا فإنك خير الغافرين ، وارحمنا فإنك خير الراحمين ، وارزقنا فإنك خير الرعازين ، واهدنا ونجنا من القوم الظالمين ، وهب لنا رحمة طيبة كما هي في علمك ، وانشرها علينا من خزانة رحمتك ، واحلنا بها حل الكرامة مع السلامة والعافية في الدين والدنيا والآخرة ، إنك على كل شيء قادر .

اللهم يسر لنا أمورنا مع الراحة لقلوبنا وأبداننا ، والسلامة والعافية في دنيانا وديتنا ، وكن لنا صاحبا في سفرنا وخليفة في أهلنا واطمس على وجوه أعدائنا وامسخهم على مكانتهم ، فلا يستطيعون المضي ولا الجبيء إلينا .

﴿ولو نشاء لطمسنا على أعينهم فاستبقوا الصراط فأئن يتصرون ولو نشاء لمسخناهم على مكانتهم فما استطاعوا مضيا ولا يرجعون﴾⁸²⁰.
 ﴿يس فهم لا يتصرون﴾⁸²¹.

شاهد الوجه (3 kali) .

﴿وعنت الوجوه للحي القيوم وقد خاب من حل ظلما﴾⁸²².

﴿طس﴾⁸²³.

﴿حَمْ * عَسْق﴾⁸²⁴.

⁸²⁰ *Al-Qur'ān al-Karīm*, Surah Yāsīn (36): 67.

⁸²¹ *Al-Qur'ān al-Karīm*, Surah Surah Yāsīn (36): 1-9.

⁸²² *Al-Qur'ān al-Karīm*, Surah Tahā (20): 111.

⁸²³ *Al-Qur'ān al-Karīm*, Surah al-Naml (27): 1.

⁸²⁴ *Al-Qur'ān al-Karīm*, Surah al-Syūrā (42): 1-2.

﴿مَرْجَ الْبَحْرِينَ يَلْتَقِيَانَ * بَيْنَهُمَا بَرْزَخٌ لَا يَبْغِيَانَ﴾⁸²⁵.

· (7 kali) ﴿حَمٌ﴾

حم الأمر وجاء النصر فعلينا لا ينصرون .

﴿حَمٌ تَزَيِّلُ الْكِتَابَ مِنَ اللَّهِ... إِلَيْهِ الْمَصِيرُ﴾⁸²⁶.

بسم الله بابنا ، وبارك حيطانا ، يس سقنا ، كهيعص كفایتنا ، حم عسى حياتنا ، ﴿فَسِيقْفِيكُمُ اللَّهُ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ﴾ (3 kali) . ستر العرش مسيول علينا وعين الله ناظرة إلينا ، بحول الله يقدر علينا .

﴿وَاللَّهُ مِنْ وَرَاهُمْ مُحِيطٌ بِلِّهٖ هُوَ قُرْآنٌ مُجِيدٌ فِي لَوْحٍ مَحْفُوظٍ﴾⁸²⁷.

﴿فَاللَّهُ خَيْرٌ حَافِظًا وَهُوَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ﴾⁸²⁸ (3 kali).

﴿إِنَّ وَلِيَّ الَّذِي نَزَّلَ الْكِتَابَ وَهُوَ يَتَوَلِّ الصَّالِحِينَ﴾⁸²⁹ (3 kali).

﴿حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوْكِيدٌ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ﴾ (3 kali).

﴿وَلَا حُوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ﴾ (3 kali). تم .

⁸²⁵ *Al-Qur'ān al-Karīm*, Surah Yāsīn (36) 19-20.

⁸²⁶ *Al-Qur'ān al-Karīm*, Surah Ghāfir (40), Fussilat (41), al-Syūrā (42), al-Zukhruf (43), al-Dukhān (44), al-Jāthiyah (45) dan al-Ahqāf (46): 1.

⁸²⁷ *Al-Qur'ān al-Karīm*, Surah al-Burūj (85): 22.

⁸²⁸ *Al-Qur'ān al-Karīm*, Surah Yūsuf (12): 64.

⁸²⁹ *Al-Qur'ān al-Karīm*, Surah al-A'rāf (7): 196.

4.3.2 Pengaruh Tarekat *Syādhiliyyah* di Malaysia

A. Tarekat *Syādhiliyyah* di Malaysia

Tarekat *Syādhiliyyah* adalah antara tarekat-tarekat tasawuf yang tersebar luas di Nusantara umumnya dan Malaysia secara khusus pada kurun ke-17 hingga kurun ke-19 Masihi. Tarekat-tarekat tasawuf yang wujud pada zaman itu ialah tarekat *Naqsyabandiyyah*, *Ahmadiyyah*, *Qādiriyyah*, *Qādiriyyah Naqsyabandiyyah*, *Syattāriyyah*, ‘Alawiyyah, Sammāniyyah, ‘Idrūsiyyah, Mufarridiyyah, *Suhrawardiyyah*, *Rifā‘iyyah*, *Dargāwiyyah*, *Khalwātiyyah*, *Syādhiliyyah*, *Sanūsiyyah*, *Jisytiyyah* dan *Tijāniyyah*.⁸³⁰ Dengan berlalunya zaman, maka hanya sebahagian kecil sahaja tarekat tasawuf yang kekal wujud, sementara yang lainnya telah pupus dan hanya tinggal nama sahaja atau hanya mempunyai pengikut yang terlalu kecil bilangannya. Tarekat *Syādhiliyyah* adalah antara 9 tarekat tasawuf yang terus kekal di Malaysia, sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Profesor Dr. Muhammad Naquib al-‘Attas. Tarekat-tarekat tersebut ialah *Qādiriyyah*, *Naqsyabandiyyah*, *Rifā‘iyyah*, *Syādhiliyyah*, *Jisytiyyah*, *Syattāriyyah*, *Ahmadiyyah*, *Tijāniyyah* dan ‘Alawiyyah.⁸³¹ Kajian ini akan mengkaji tarekat *Syādhiliyyah* dalam rangka untuk melihat pengaruh *manhaj* dakwah al-Syaykh Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandariy menerusi tarekat *Syādhiliyyah* yang telah dipimpinnya selama 23 tahun.

Pengetahuan orang-orang Melayu dan ulama Melayu tentang tarekat *Syādhiliyyah* ini pada peringkat permulaan dan sehingga kini berhubung rapat dengan dua perkara; pertamanya kitab *al-Hikam* dan keduanya beberapa wirid dan

⁸³⁰ Sulaiman bin Ibrahim, *al-Turuq*, h. 244-245.

⁸³¹ Al-‘Attas, Syed Muhammad Naquib, *Some Aspects of Sufism as Understood And Practised Among the Malays*, Singapore: Malaysian Sociological Research Institute Ltd., 1965, h. 320.

amalan yang bersumberkan kepada al-Syaykh Abū al-Hasan al-Syādhili dalam bentuk beberapa *ḥizb* seperti *ḥizb al-Bahr* dan *ḥizb al-Barr*, *ḥizb al-Naṣr* dan lain-lain lagi.

Kitab terawal yang membicarakan tentang *ḥizb al-Bahr* dalam bahasa Melayu ialah sebuah kitab karangan Syeikh Muḥammad Zayn bin al-Faqīh Jalāl al-Dīn Acheh yang kemudiannya disalin semula oleh Haji Sulaiman bin Abdul Rahman Isa dari negeri Terengganu. Dalam kitab tersebut, pengarangnya telah menyatakan bahawa beliau telah mengambil *al-ijāzah* daripada al-Imām ibn al-Ḥusayn al-Syāribiy yang mengambil *al-ijāzah* daripada Mawlānā al-Syaykh Sa‘īd Sunbul al-Māliy. Pengikut-pengikut al-Syaykh Muḥammad Zayn bin al-Faqīh Jalāl al-Dīn Acheh juga mengamalkan tarekat *Syādhiliyyah* termasuklah beberapa *ḥizb*nya yang berbagai-bagai jenis, antara mereka ialah al-Syaykh ‘Abd al-Ṣamad al-Falimbāniy, al-Syaykh Dawūd ibn ‘Abd Allāh al-Fatani (w1297H) dan lain-lain. Al-Syaykh Dawūd ibn ‘Abd Allāh al-Fatani ini, selain mengambil *bay’ah* (*ijāzah*) tarekat *Syādhiliyyah* daripada al-Syaykh Muḥammad Zayn bin al-Faqīh Jalāl al-Dīn Acheh, beliau juga mengambilnya daripada al-Syaykh Muḥammad Ṣāliḥ ibn Ibrāhīm al-Ra’is (ketua ulama Syāfi’iy di Mekah pada zamannya) (w1226H/1811M).

Setelah diteliti, didapati bahawa silsilah tarekat *Syādhiliyyah* yang diperolehi oleh al-Syaykh Dawūd ibn ‘Abd Allāh al-Fatani (w1297H) daripada al-Syaykh Muḥammad Ṣāliḥ ibn Ibrāhīm al-Ra’is (w1226H/1811M) ini mempunyai persamaan dengan silsilah tarekat *Syādhiliyyah* yang diperolehi oleh al-Syaykh Ismā’īl ibn ‘Abd Allāh al-Minangkabāwiy (w1280H/1863M).³² Ini adalah kerana

³² Lihat biodata al-Syaykh Ismā’īl ibn ‘Abd Allāh al-Minangkabāwiy ini dan kegiatan sufinya dalam Sulaiman Ibrahim, *al-Turuq al-Ṣūfiyyah fi Mālīziyā*, h. 316-330. Lihat juga Shaghir,

al-Syaykh Ismā'īl ibn 'Abd Allāh al-Minangkabāwiy, selain menjadi salah seorang daripada murid al-Syaykh Dawūd ibn 'Abd Allāh al-Fatani, beliau juga sempat berguru dengan al-Syaykh Muḥammad Ṣāliḥ ibn Ibrāhīm al-Rā'iṣ, mufti mazhab Syāfi'iyy di Mekah ketika itu dan mengambil *ijāzah* daripadanya.⁸³³

Al-Syaykh Ismā'īl ibn 'Abd Allāh al-Minangkabāwiy (w1280H/1863M) adalah seorang tokoh ulama yang sangat besar pengaruhnya dalam masyarakat Melayu termasuk di Malaysia⁸³⁴ terutamanya dalam penyebaran ilmu tasawwuf dan tarekat *Naqsyabandiyah*. Pengaruh beliau yang besar ini sekaligus memperkuatkan pengaruh tarekat *Syādhiliyyah* di Nusantara kerana beliau mempunyai sebuah karya yang khusus tentang tarekat tersebut yang sudah tentu membantu memperkenalkan tarekat tersebut di Alam Melayu sama ada secara langsung maupun secara tidak langsung. Karya yang dimaksudkan itu ialah sebuah kitab yang berjudul *al-Tariqah Syādhiliyyah* yang masih dalam bentuk manuskrip yang tersimpan di Dewan Pameran, Jabatan Kebajikan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri Malaysia.⁸³⁵

Manuskrip ini membuktikan bahawa tarekat *Syādhiliyyah* telah terkenal dan berpengaruh di Alam Melayu pada zaman al-Syaykh Ismā'īl ibn 'Abd Allāh al-Minangkabāwiy (w1280H/1863M), sekalipun tidaklah berkembang luas seperti

Hj. Wan Mohd Shaghir Wan Abdullah, *Syeikh Ismail al-Minangkabawi Penyiar Thariqat Naqsyabandiyah Khalidiyah*. Ramadhani, Indonesia, 1985.

⁸³³ Sulaiman bin Ibrahim, *al-Turuq al-Ṣūfiyyah fi Mālīziyā*, h. 415.

⁸³⁴ Antara kaedah yang dapat digunakan untuk mengenal pasti sama ada pengaruh seseorang ulama Melayu itu mencapai tahap Nusantara atau hanya peringkat daerah tempat kelahirannya sahaja ialah menerusi penelitian terhadap percetakan karya ulama tersebut. Kebanyakan ulama yang mempunyai pengaruh di peringkat Nusantara, karya-karya mereka dicetak di percetakan luar negara seperti di Mekah, Istanbul dan Mesir di samping dicetak di percetakan tempatan. Temu bual dengan Tuan Hj. Wan Mohd Shaghir Wan Abdullah, Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur, 24 Jun 2004.

⁸³⁵ Shaghir, Hj. Wan Mohd. Shaghir Bin Hj. Wan Abdullah. *Tabaqat 'Ulama Asia Tenggara*, Manuskrip, dlm. tajuk *Ismā'īl ibn 'Abd Allāh al-Minangkabāwiy*.

tarekat *Naqsyabandiyah* dan tarekat *Qādiriyyah*.⁸³⁶ Kedudukan al-Syaykh Ismā‘il ibn ‘Abd Allāh al-Minangkabāwi yang terkenal sebagai penyebar tarekat *Naqsyabandiyah Khālidiyah* di Alam Melayu dan menulis pula sebuah kitab mengenai tarekat *Syādhiliyyah* menjadikannya sebagai sebuah karya yang istimewa. Ini adalah kerana penulisan itu secara tidak langsung telah mengangkat kedudukan tarekat *Syādhiliyyah* di mata masyarakat Islam di rantau ini kerana kebiasaan seseorang ulama tarekat akan menulis buku berkenaan dengan tarekat yang dianutinya sahaja. Jadi, apabila al-Syaykh Ismā‘il ibn ‘Abd Allāh al-Minangkabāwi terkenal sebagai penyebar tarekat *Naqsyabandiyah Khālidiyah* menulis sebuah karya tentang tarekat *Syādhiliyyah*, maka ia adalah sesuatu yang sememangnya menunjukkan kedudukan dan pengaruh tarekat *Syādhiliyyah* yang istimewa di kalangan masyarakat Melayu.

Selain kitab *al-Tariqah al-Syādhiliyyah* karya al-Syaykh Ismā‘il ibn ‘Abd Allāh al-Minangkabāwi, terdapat sebuah lagi karya penulisan nadir yang dihasilkan berhubungan tarekat *Syādhiliyyah* yang berjudul *Silsilah dan Amalan Tarekat Syādhiliyyah* tanpa diketahui tarikh penulisannya. Ia dihasilkan oleh seorang ulama yang berasal dari Mempawah bernama al-Syaykh ‘Umar ibn Uu’ Maju’. Kandungannya membicarakan tentang silsilah dan cara-cara mengamalkan tarekat *Syādhiliyyah*. Manuskrip kitab ini diperolehi di persekitaran Kesultanan Pontianak, Kalimantan Barat. Catatan dan penilaian bahawa manuskrip atau naskhah tersebut adalah dianggap nadir atau langka, kerana belum banyak manuskrip mengenai tarekat *Syādhiliyyah* yang ditulis dalam bahasa Melayu. Al-Syaykh ‘Umar ibn Uu’ Maju’ mengaku bahawa beliau adalah anak murid al-

⁸³⁶ Lihat Sulaiman bin Ibrahim, *al-Turuq al-Šūfiyyah fi Mālīziyā*, h. 419.

Syaykh ‘Aliy ibn ‘Abd al-Rasyid al-Jawiy al-Sumbawiy. Adapun al-Syaykh ‘Aliy ibn ‘Abd al-Rasyid al-Jawiy al-Sumbawiy yang berasal dari Sumbawa tersebut adalah seorang ulama besar yang terkenal, hidup sezaman dengan al-Syaykh Dawūd ibn ‘Abd Allāh al-Faṭāniy.⁸³⁷

Selain daripada tokoh-tokoh yang telah disebutkan di atas, seorang lagi tokoh di Tanah Melayu yang juga mempunyai jasa besar dalam penyebaran tarekat *Syādhiliyyah* secara umumnya dan penyebaran *hizb al-Baḥr* secara khusus, iaitu al-Syaykh Haji ‘Abd al-Šamad bin Haji ‘Abd Allāh Pulai Chondong (1207-1290H/1792-1874M). Tokoh ulama kelahiran negeri Kelantan ini telah berguru dengan beberapa orang tokoh ulama termasuklah al-Syaykh Dawūd ibn ‘Abd Allāh al-Faṭāniy (w1297H). Beliau yang juga pernah mengajar di Mekah al-Mukarramah dan mempunyai ramai pelajar dari Patani, Kelantan dan Terengganu itu telah mengurniakan *ijāzah hizb al-Baḥr* kepada beberapa orang muridnya termasuklah al-Syaykh Aḥmad As‘ad al-Dihān yang mengijazahkannya pula kepada al-Syaykh Wan ‘Aliy bin ‘Abd al-Raḥmān Kūtān⁸³⁸ (1837-1912M) yang merupakan salah seorang tokoh ulama yang tersohor di Kelantan dengan gelaran Wan Kutan. Menerusi murid-murid al-Syaykh Wan ‘Aliy bin ‘Abd al-Raḥmān Kūtān inilah, *Hizb al-Baḥr* telah tersebar di Tanah Melayu terutamanya di negeri Kelantan.⁸³⁹

Al-Syaykh Wan ‘Aliy Kūtān telah menyebarkan tarekat *Syādhiliyyah* ini dan beliau telah dianggap sebagai penyebarnya dan orang yang

⁸³⁷ Saghir, *Mengenali Pelbagai Karya Ulama dan Tokoh Borneo / Kalimantan*, h. 29.

⁸³⁸ Lihat Shaghir, Hj. Wan Mohd Shaghir Wan Abdullah, *Perkembangan Ilmu Tasawuf Dan Tokoh-tokohnya di Nusantara*, Penerbit al-Ikhlas, Surabaya, Indonesia (t.th.), h. 175-177.

⁸³⁹ Sulaiman bin Ibrahim, *al-Turuq al-Šūfiyyah fī Mālīziyā*, h. 415.

memperkenalkannya di Kota Bharu Kelantan.⁸⁴⁰ Al-Syaykh Wan ‘Aliy bin ‘Abd al-Rahmān Kūtān ini juga merupakan sebahagian daripada pengikut dan pengamal tarekat *Syattāriyyah*, di mana beliau mempunyai silsilah yang di bahagian akhirnya menyamai silsilah kepunyaan al-Syaykh Dawūd ibn ‘Abd Allāh al-Fatani (w1297H).⁸⁴¹

Al-Syaykh Wan ‘Aliy bin ‘Abd al-Rahmān Kūtān dilahirkan di sebuah tempat bernama Kutau di negeri Kelantan pada tahun 1837M dan meninggal dunia di Mekah pada tahun 1912M.⁸⁴² Walaupun beliau dilahirkan di Kelantan, namun beliau membesar, mendapat pendidikan, membina kehidupan dan berkahwin di Mekah al-Mukarramah.⁸⁴³ Beliau pernah mengajar di al-Masjid al-Harām, Mekah al-Mukarramah.⁸⁴⁴ Beliau mempunyai beberapa karangan, termasuklah kitab *al-Jawhar al-Mawhūb wa Munabbihāt al-Qulūb, Zahrat al-Murīd fī ‘Aqā’id al-Tawhīd, Majmū‘ al-Qaṣā’id, Lum’at al-Awrād* dan lain-lain.⁸⁴⁵ Dalam kitabnya *Lum’at al-Awrād*, beliau telah menerangkan *kayfiyyat* membaca *Hizb al-Bahr* secara agak terperinci.⁸⁴⁶ Menurut Shaghir, kitab *Lum’at al-Awrād*

⁸⁴⁰ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Umat Islam di Nusantara Sejarah dan Perkembangannya Hingga Akhir Abad ke-19*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990, h. 177.

⁸⁴¹ Shaghir, Hj. Wan Mohd Shaghir Wan Abdullah, *Pengenalan Ringkas Tarekat-tarekat Tosauf Muktabar Asia Tenggara*, Kertaskerja Seminar Sufi: Universiti Malaya. 1994, h. 26-28.

⁸⁴² Nik Abdul Aziz bin Hj. Nik Hasan, *Sejarah Ulama Kelantan*, Persatuan Keluarga Tuan Tabal, Kelantan, edisi 1, 1977, h. 37.

⁸⁴³ Ismail Che Daud (ed), *ibid.*, h. 127.

⁸⁴⁴ *Ibid.*, h. 120.

⁸⁴⁵ *Ibid.* Lihat juga al-Fataniy, Syaykh Ahmad bin Muhammad Zayn, *Fatāwa Tentang Binatang Hidup Dua Alam*, Penerbitan Hizbi, Shah Alam, 1990, suntingan Hj. Wan Mohd Shaghir bin Abdullah, h. 57.

⁸⁴⁶ Kūtān, al-Syaykh Wan ‘Aliy ibn ‘Abd al-Rahmān, *Lum’at al-Awrād*, t.t.p. (t.th.), h. 106-110.

ini telah dicetak sekurang-kurangnya seratus kali.⁸⁴⁷ Jika benar apa yang didakwa oleh Shaghir ini, maka bolehlah dianggap bahawa kitab *Lum'at al-Awrād* ini yang mengandungi *kayfiyyat* membaca *Hizb al-Bahr* ini mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam masyarakat Islam Nusantara, khususnya Malaysia, sekaligus membayangkan ketersebaran secara meluas *Hizb al-Bahr* yang merupakan sebahagian daripada *hizb* dalam tarekat *Syādhiliyyah*. Kitab *Lum'at al-Awrād* ini masih digunakan sehingga ke hari ini. Selain melalui kitab *Lum'at al-Awrād* ini, pengaruh al-Syaykh Wan 'Aliy bin 'Abd al-Rahmān Kūtān juga tersebar melalui kitabnya *al-Jawhar al-Mawhūb wa Munabbihāt al-Qulūb* yang mencatat puluhan kali cetak dan tersebar ke seluruh dunia Melayu dan masih dikaji dan diajar di institusi pondok sehingga kini.⁸⁴⁸ Semua kenyataan ini dapat membayangkan pengaruh al-Syaykh Wan 'Aliy bin 'Abd al-Rahmān Kūtān penyebar tarekat *Syādhiliyyah* di Malaysia sekaligus membayangkan penerimaan yang baik daripada masyarakat Islam terhadap pengajaran dan amalan tarekat *Syādhiliyyah*.

Al-Syaykh Wan 'Aliy bin 'Abd al-Rahmān Kūtān adalah seorang alim dalam bidang tasawuf dan *uṣūl al-dīn*, sementara dalam bidang tarekat beliau adalah pengamal tarekat *Syādhiliyyah*. Beliau lebih cenderung dan menyebarkan fahaman tasawwuf yang berdasarkan konsep '*ubūdiyyah*, ibadat dan zikir. Di antara murid-murid beliau ialah al-Syaykh Tuk Kenali yang sangat masyhur di negeri Kelantan⁸⁴⁹ dan al-Syaykh Wan Ahmad bin Muhammad Zayn al-Faṭāniy, seorang ulama besar Patani yang hidup di Mekah.

⁸⁴⁷ Shaghir, *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara* J. 1, Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusanta & Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur, h. 135.

⁸⁴⁸ Shaghir, *Wawasan Pemikiran* (I), h. 135.

⁸⁴⁹ Nik Abdul Aziz bin Hj. Nik Hasan, *op. cit.*, h. 38.

Syaykh Wan Ahmad bin Muhammad Zayn al-Fațāniy ini telah menyatakan dalam catatan beliau bahawa beliau telah mengambil *kayfiyyat* bacaan Surah *Yāsīn* 41 kali daripada al-Syaykh ‘Abd al-Muṭṭalib Kūtān al-Kalantāniy dan daripada al-Syaykh Muhammad bin Sulaymān Ḥasab Allāh al-Makkiy. Beliau juga mengambil *kayfiyyat* lain untuk bacaan Surah *Yāsīn* 41 kali daripada al-Syaykh Wan ‘Aliy bin ‘Abd al-Rahman Kūtān yang mana silsilahnya bersambungan dengan *waliy Allāh* al-Syaykh Abū al-Ḥasan al-Syādhiliy.⁸⁵⁰

Dalam kitabnya *Lum’at al-Awrād*, al-Syaykh Wan ‘Aliy ibn ‘Abd al-Rahman Kūtān menyatakan bahawa beliau mengambil *ijāzah wird Hizb al-Bahr* daripada al-Syaykh Ahmad As‘ad al-Dihān, daripada al-Syaykh ‘Abd al-Šamad ibn Haji ‘Abd Allāh Pulai Chondong dan daripada al-Syaykh ‘Abd Allāh ibn Muhammad Šāliḥ. Al-Syaykh ‘Abd Allāh ibn Muhammad Šāliḥ ini pula telah mengambil *ijāzah* tersebut daripada al-Syaykh Muhammad Šāliḥ ibn ‘Abd al-Rahmān al-Siyāhiy daripada al-Syaykh Muhammad Šāliḥ ibn Ibrāhīm al-Ra’is, mufti mazhab al-Syāfi‘iy di Mekah.⁸⁵¹

Al-Syaykh Wan ‘Aliy ibn ‘Abd al-Rahman Kūtān telah mengurniakan *ijāzah wird Hizb al-Bahr* ini kepada beberapa orang muridnya termasuklah al-Syaykh Wan Ahmad bin Muhammad Zayn al-Faṭāniy dan al-Syaykh Wan Ahmad ini pula telah mengijazahkannya kepada beberapa orang muridnya antaranya al-Syaykh Tengku Mahmud Zuhdi ibn ‘Abd al-Rahmān al-Faṭāniy, *Syaykh al-Islām* di Negeri Selangor. Al-Syaykh Tengku Mahmud Zuhdi ibn ‘Abd al-Rahmān al-Faṭāniy ini pula telah menulis sebuah risalah kecil tentang *Hizb al-Bahr* ini yang

⁸⁵⁰ Shaghir, Hj. Wan Mohd Shaghir Wan Abdullah, *Syeikh Ahmad al-Fathani*, Khazanah al-Fathanah, Kuala Lumpur, J. Satu, 1992, h. 42.

⁸⁵¹ Kūtān, *op.cit.*, h. 106.

diberikan judul *Huraian Doa Ḥizb al-Bahr* dan ia telah diterbitkan oleh *al-Maktabah al-Ahmadiyyah*,⁸⁵² di Jambi⁸⁵³ semasa beliau melarikan diri ke sana akibat diperangi oleh golongan *al-Wahhābiyyīn* di Mekah.⁸⁵⁴ Dari paparan ini, dapat diketahui bahawa peranan al-Syaykh Wan ‘Aliy ibn ‘Abd al-Rahman Kūtān dalam menyebarkan tarekat *Syādhiliyyah* dan beberapa amalamnya, terutamanya *Ḥizb al-Bahr* adalah besar dan berkesan. Beliau menyebarkan tarekat *Syādhiliyyah* dan *Ḥizb al-Bahr* menerusi majlis-majlis ilmu, karya dan juga menerusi murid-murid yang kemudiannya juga berperanan menyebarkan tarekat *Syādhiliyyah* dan *Ḥizb al-Bahr*.

Pengaruh *manhaj* dakwah al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy menerusi tarekat *Syādhiliyyah* juga terdapat di negeri Terengganu. Adalah boleh dianggap bahawa sebahagian daripada penyebaran *Ḥizb al-Bahr* ini di Terengganu telah berlaku melalui Haji Sulaiman bin Abdul Rahman Isa yang telah menyalin sebuah kitab karangan al-Syaykh Muḥammad Zayn bin al-Faqīh Jalāl al-Dīn Acheh yang memuatkan *hizb al-Bahr*. Kenyataan ini dapat memperkuuhkan kedudukan dan pengaruh doktrin pengajaran tasawwuf aliran tarekat *Syādhiliyyah* di Terengganu yang sebelumnya telah menyaksikan kemunculan dan penyebaran kitab *Hikam Melayu* karangan Tuk Pulau Manis yang kebetulan juga berasal dari Terengganu yang berkembang pesat di Terengganu. Dengan ini, dapat dibuat andaian bahawa pengaruh *manhaj* dakwah al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy di negeri Terengganu telah berlaku

⁸⁵² Lihat Shaghir, *Syeikh Ahmad al-Fathani*, h. 43.

⁸⁵³ Lihat Shaghir, *Pengenalan Ringkas Tarekat-tarekat Tasyawuf Muktabar Asia Tenggara*, h. 26-27 dan *Syeikh Ahmad al-Fathani*, h. 42-43.

⁸⁵⁴ Lihat Shaghir, *Syeikh Ahmad al-Fathani*, h. 43.

melalui kedua-dua medium secara bersepada; kitab *al-Hikam* dan tarekat *Syādhiliyyah*. Adalah sesuatu yang tidak boleh diperkecilkan kerana gabungan kedua-dua medium dakwah ini akan saling menyempurnakan antara satu sama lain, di mana kitab *al-Hikam* merupakan teori-teori umum atau doktrin-doktrin umum ajaran tasawwuf al-Sakandariy sementara tarekat *Syādhiliyyah* pula merupakan praktik amali terhadap segala doktrin tersebut.

Menurut Abdul Rahman Haji Abdullah, perkembangan tarekat *Syādhiliyyah* di Kepulauan Melayu adalah dengan jasa beberapa orang ulama seperti al-Saykh ‘Abdul Malik ibn ‘Abd Allāh yang masyhur dengan gelaran Tuk Pulau Manis. Walaupun Tuk Pulau Manis ini diketahui pernah bertemu dan berguru dengan al-Saykh ‘Abd al-Ra’ūf al-Fansūrī yang terkenal sebagai penyebar tarekat *Syattāriyyah*, namun beliau dikenali sebagai penyebar tarekat *Syādhiliyyah*.⁸⁵⁵

Barangkali, antara faktor yang paling menonjol mengapa Abdul Rahman Haji Abdullah berpendapat sedemikian ialah kerana Tuk Pulau Manis telah mengarang kitabnya yang masyhur *Hikam Melayu* yang diasaskan kepada *al-Hikam al-‘Aṭā’iyyah* karangan al-Saykh Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandariy yang

⁸⁵⁵ Abdul Rahman Haji Abdullah, *op. cit.*, h. 176. Tuk Pulau Manis juga mengamalkan tarekat *Syattāriyyah*. Hal ini tidak bercanggahan antara satu sama lain kerana adalah dipercuryai bahawa beliau telah menghimpunkan kedua-dua tarekat ini sekaligus. Ramai ulama Melayu yang menghimpunkan dua tarekat atau lebih, malah ia boleh dianggap sebagai suatu fenomena yang menonjol di kalangan ulama Melayu. Lihat Sulaiman bin Ibrahim, *al-Turuq al-Ṣūfiyyah fi Mālīziyā*, h. 418. Sebagai contoh ialah al-Saykh Muḥammad Nafis ibn Idris al-Banjāriy yang secara terang-terangan menyatakan dalam kitabnya *al-Durr al-Nafis* bahawa beliau telah menghimpunkan beberapa buah tarekat seperti tarekat *Junaydiyyah*, *Qādiriyah*, *Syattāriyyah*, *Naqsyabandiyah*, *Khulwātiyyah* dan *Sammāniyyah*. Lihat al-Banjāriy, al-Saykh Muḥammad Nafis ibn Idris, *al-Durr al-Nafis*, Maktabah al-Mā’arif, Pulau Pinang (t.th.), h. 37. Hal ini sangat diperkuuhkan oleh kewujudan sebuah tarekat terbesar di Indonesia yang digabungkan daripada dua tarekat besar iaitu tarekat *Qādiriyah Naqsyabandiyah*. Lihat Juhaya S. Praja (Dr.), *TQN Pondok Pesantren Suryalaya dan Perkembangannya Pada Masa Abah Anom (1950-1990)*, dlm *Thotiqot Qodiriyah Naqsyabandiyah: Sejarah, Asal-usul dan Perkembangannya*, Penerbit: Institut Islam Latifah Mubarokkiyah (IAILM), Tasikmalaya, Indonesia. 1990.

dianggap sebagai tunggak dalam tarekat *Syādhiliyyah*. Kitab tersebut adalah sebuah kitab yang masyhur dan tersebar luas di seluruh Nusantara, namun suatu kenyataan yang harus diterima di sini ialah bahawa ketersebaran pengaruh kitab *Hikam Melayu* tidaklah pula menjadikan tarekat *Syādhiliyyah* turut tersebar seperti tersebarnya kitab tersebut.⁸⁵⁶

Adalah diperhatikan dalam sejarah perkembangan tarekat *Syādhiliyyah* di Alam Melayu termasuk di Malaysia, bahawa proses pengurniaan *ijāzah* dan *bay'ah* seiring dengan pengurniaan *ijāzah* dan *bay'ah Hizb al-Bahr*, juga *hizb-hizb* yang lain yang bersumberkan al-Saykh Abū al-Hasan al-Syādhiliy.⁸⁵⁷ Bolehlah dianggap bahawa perkembangan tarekat *Syādhiliyyah* di Alam Melayu termasuk di Malaysia lebih baik berbanding perkembangan tarekat-tarekat lain seumpama tarekat *Rifā'iyyah*, di mana ia telah mendapat perhatian yang baik daripada sebilangan ulama sufi Melayu yang mencintainya dan ulama yang menghimpunkannya dengan beberapa tarekat lain, sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini. Dalam konteks semasa, adalah didapati bahawa tarekat *Syādhiliyyah* terus berkembang di Malaysia, termasuk apa yang dinyatakan oleh Prof. Madya Sulaiman Yasin bahawa ia didapati berkembang di negeri Johor.

Tarekat *Syādhiliyyah* juga tersebar di Utara Malaysia, terutamanya menerusi satu perkumpulan di Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Menurut sumber pengikut tarekat *Darqāwiyyah* yang juga merupakan pecahan kepada tarekat *Syādhiliyyah*, kumpulan tarekat di Bukit Mertajam ini merupakan panganut tulen

⁸⁵⁶ Lihat Sulaiman bin Ibrahim, *al-Turuq al-Šūfiyyah fi Mālīziyā*, h. 418.

⁸⁵⁷ Shaghir, *Pengenalan Ringkas Tarekat-tarekat Tasauf Muktabar Asia Tenggara*, h. 26-

ajaran-ajaran dan amalan-amalan tarekat *Syādhiliyyah*.⁸⁵⁸ Namun, menurut Ustaz Othman Ibrahim, dalam konteks semasa kini, belum ada kumpulan tarekat *Syādhiliyyah* tulen yang mendapat pengiktirafan daripada kepimpinan tarekat *Syādhiliyyah* di Mesir selain daripada perkumpulan yang beliau pimpin sekarang.⁸⁵⁹ Kenyataan ini sesuai dengan kenyataan Sidi Omar Azmul, salah seorang *Muqaddim* dari tarekat *Darqāwiyyah*, yang menyatakan bahawa perkumpulan ini bukan merupakan panganut tulen ajaran-ajaran dan amalan-amalan tarekat *Syādhiliyyah*, malah mereka juga terdiri daripada pengamal tarekat *Darqāwiyyah*. Malang sekali, beberapa percubaan untuk mendapatkan maklumat berhubung dengan kumpulan ini gagal diperolehi disebabkan sikap anggota-anggota kumpulan tarekat ini yang dikatakan sangat tertutup akibat daripada tindakan pihak berkuasa agama Pulau Pinang yang dikatakan cuba menyiasat kegiatan mereka atas dasar mereka dianggap sebagai kumpulan ajaran sesat.⁸⁶⁰ Sumber dari Majlis Agama Islam Pulau Pinang memang sudah menyiasat satu kumpulan tarekat yang disandarkan kepada ajaran sesat di Bukit Mertajam, tetapi tidak mempunyai kaitan nama yang menggambarkan nama tarekat *Syādhiliyyah*.⁸⁶¹

Ia juga didapati mempunyai pengaruh di kalangan sebilangan ahli akademik di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia menerusi Dr. Ismail Mahmood yang terkenal dengan nama jolokan Ismail Tuk Wali. Beliau

⁸⁵⁸ Temubual dengan Sidi Abdul Halim Shin, salah seorang *Muqaddim* tarekat *Darqāwiyyah*, di Sungai Tangkas, Selangor pada 20 Ogos 2004.

⁸⁵⁹ Temubual dengan Ustaz Othman Ibrahim, di kediamannya di Bandar Aman Jaya, Sungai Petani, Kedah, pada 7 Oktober 2004. Beliau ialah pengasas Perkampungan Islam *Dār al-Abrah*, Jeniang, Kedah dan pemimpin tarekat *Syādhiliyyah* di Sungai Petani Kedah.

⁸⁶⁰ Temubual dengan Ustaz Mohd Shukri Yeoh, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM, pada 10 September 2004.

⁸⁶¹ Temubual dengan Yang DiPertua Majlis Majlis Agama Islam Pulau Pinang, YB Ustaz Shabuddin Yahya, menerusi telefon. Penemubual ialah Ustaz Rosli Othman pada 2 Oktober 2004, di Bertam, Pulau Pinang.

yang berkelulusan Sarjana Syariah, Universiti al-Azhar dan menghabiskan masa hampir 15 tahun menuntut ilmu di Mesir telah mengambil *bay'ah* tarekat *Syādhiliyyah* daripada Allahyarham al-Syaykh ‘Abd al-Salām al-Jawhariy (r.h.), bekas Presiden *al-Majlis al-A'lā li-al-Turuq al-Šūfiyyah al-Miṣriyyah* yang juga merupakan seorang *Syaykh Mursyid* besar tarekat *Syādhiliyyah* pada dekad 1980-an dan 1990-an. Beliau juga mengambil ijazah tarekat selain tarekat *Syādhiliyyah* dari seorang guru besar tarekat dari Mesir dari tarekat *Naqsyabandiyah*. Kedua-dua tokoh sufi tersebut memberikan izin kepada beliau untuk memberikan ijazah *bay'ah* kepada murid-murid di sebelah Asia Tenggara ini. Menurutnya, beliau mengamalkan beberapa amalan dari pelbagai tarekat muktabar seperti *Syādhiliyyah*, tarekat *Naqsyabandiyah* dan tarekat *Ahmadiyyah*. Khusus berhubung tarekat *Syādhiliyyah* beliau mengamalkan *hizb al-bahr* dan beberapa wirid yang lain. Dr. Ismail Mahmood mempunyai sekelompok anak-anak murid dari kalangan golongan profesional terutamanya pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia yang cuba memperdalamkan ilmu pengetahuan dalam aliran kesufian termasuk yang berdasarkan ajaran, doktrin dan amalan tarekat *Syādhiliyyah*. Untuk tujuan itu, beliau mengajar beberapa buah kitab tasawuf karangan al-Syaykh al-Sakandariy dalam kelompok yang khusus seperti kitab *Laṭā'iif al-Minan*, *Tāj al-'Arūs* dan lain-lain di samping kitab-kitab tasawuf karangan ulama lain seperti kitab *Minhāj al-'Abidīn* karya al-Imām al-Ghazzāliy dan *al-Risālah al-Qusyayriyyah* karangan al-Imām al-Qusyayriy dan lain-lain.⁸⁶²

⁸⁶² Temubual dengan Dr. Ismail Mahmood, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, pada 10 September 2004.

Di negeri Kedah, tarekat *Syādhiliyyah* juga berkembang pada saiz yang sederhana di bawah pimpinan Ustaz Hj. Othman bin Ibrahim, seorang pendakwah bebas yang berpengaruh di sebelah Utara Malaysia. Beliau yang berkelulusan sarjana muda *Uṣūl al-Dīn*, Universiti al-Azhar telah mengambil *bay'ah* tarekat *Syādhiliyyah* daripada Allahyarham al-Syaykh Zaki Ibrahim (r.h.), seorang *Syaykh Mursyid* besar dari Mesir dan antara tokoh besar tarekat *Syādhiliyyah* pada dekad 1980-an dan 1990-an. Beliau adalah seorang ulama besar yang telah menghasilkan banyak karya tasawuf, terutamanya berkenaan dengan pemurnian tarekat tasawuf yang banyak dicemarkan oleh golongan jahil yang mendakwa sebagai sufi dan juga berkenaan dengan tangkisan fitnah yang dilemparkan terhadap tarekat *Syādhiliyyah* khususnya dan tarekat-tarekat tasawuf secara umumnya. Beliau kini banyak mengajar kitab yang diwasiatkan oleh gurunya al-Syaykh Zaki Ibrahim (r.h.) kepada murid-muridnya.⁸⁶³

Ustaz Hj. Othman bin Ibrahim mempunyai institusinya yang tersendiri di negeri Kedah bernama Perkampungan *Dār al-Abrār*, Jeniang, Kedah. Di samping memberikan penumpuan kepada aspek pengajaran, beliau juga adalah seorang pendakwah bebas yang aktif dan mempunyai kemahiran berpidato yang amat baik. Justeru, selain mempunyai murid-murid di bahagian Utara Malaysia, beliau juga mempunyai anak murid dan pengikut di negeri lain seperti di Klang, Selangor, Perak dan Pulau Pinang.⁸⁶⁴ Beliau terkenal dengan aktiviti *qiyām al-layl* yang selalu menghidangkan zikir *munājāt* yang terkenal di seluruh negara. Zikir

⁸⁶³ Temubual dengan Ustaz Hj. Othman Ibrahim, di Sungai Petani, Kedah, pada 7 Oktober 2004.

⁸⁶⁴ Temubual dengan Ustaz Hj. Othman Ibrahim, di Sungai Petani, Kedah, pada 7 Oktober 2004.

munājāt ini disiarkan oleh beberapa stesen radio negara termasuk Radio Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan kaset-kasetnya dijual di seluruh negara.

B. Tarekat Cabang *Syādhiliyyah*

Perkembangan pengaruh al-Saykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy menerusi tarekat *Syādhiliyyah* seterusnya di Malaysia diperkuuhkan lagi oleh satu cabangan tarekat *Syādhiliyyah* yang dinamakan tarekat *Darqāwiyyah* yang juga pernah mengukir kewujudan dan perkembangannya di Malaysia pada suatu masa dahulu, sebarisan dengan tarekat-tarekat yang tasawuf yang wujud pada kurun ke-17 hingga kurun ke-19 Masihi, iaitu tarekat *Naqsyabandiyah*, *Aḥmadiyyah*, *Qādiriyah*, *Qādiriyah Naqsyabandiyah*, *Syattāriyyah*, *‘Alawiyyah*, *Sammāniyyah*, *‘Idrūsiyyah*, *Mufarridiyyah*, *Suhrawardiyyah*, *Rifā'iyyah*, *Darqāwiyyah*, *Khalwātiyyah*, *Syādhiliyyah*, *Sanūsiyyah*, *Jisytiyyah* dan *Tijāniyyah*.⁸⁶⁵

Tarekat *Darqāwiyyah* ini adalah salah satu cabang tarekat *Syādhiliyyah* yang diasaskan oleh al-Saykh Mawlāyā Ibn ‘Arabiyy ibn Aḥmad al-Darqāwi, di Morocco. Al-Saykh Mawlā Ibn ‘Arabiyy ibn Aḥmad al-Darqāwi ini adalah tokoh ulama yang hidup sezaman dengan al-Saykh Ibn ‘Ajibah, pengarang *Iqāz al-Himam*, syarah *al-Hikam al-‘Atā’iyyah* yang terkemuka itu. Menurut susur galur silsilahnya, tarekat *Darqāwiyyah* ini juga berasal daripada tarekat *Syādhiliyyah* yang berkembang menerusi al-Saykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy. Ini jelas sekali ditunjukkan oleh susur galur silsilah tarekat tersebut.⁸⁶⁶

⁸⁶⁵ Sulaiman bin Ibrahim, *al-Turuq*, h. 244-245.

⁸⁶⁶ Lihat al-Şūfiy, al-Saykh ‘Abd al-Qādir (t.th.), *The Hundred Steps*, Kuala Lumpur: Madinah Press, halaman terakhir.

Perkembangan awal tarekat *Darqāwiyyah* ini hanya disebut sepintas lalu oleh al-'Attas tanpa ada sebarang penjelasan terperinci dan setakat ini tidak ditemui sumber-sumber yang cuba menghuraikan secara lebih lanjut tentang perkembangan tarekat ini di Malaysia pada kurun-kurun lampau. Sekadarkan, pada zaman mutakhir ini, dapat diketahui perkembangan tarekat *Darqāwiyyah* ini yang diusahakan oleh beberapa pengamalnya yang bermula daripada tahun 1978 menerusi Sidi Omar Azman bin Amir Hasan. Beliau adalah bekas penuntut Malaysia di United Kingdom yang menuntut di sana ketika itu pada awal 1970-an. Beliau telah mempelajari serta menerima bay'ah tarekat *Darqāwiyyah* ini daripada al-Saykh 'Abd al-Qādir al-Şūfiy semasa beliau menuntut di sana.

Al-Saykh 'Abd al-Qādir al-Şūfiy ini ialah seorang Syaykh tarekat *Darqāwiyyah* yang berbangsa Inggeris. Beliau telah memeluk agama Islam di Morocco, belajar agama Islam di sana dan akhirnya belajar tasawuf dan tarekat *Darqāwiyyah* daripada al-Saykh Sayyidī Muḥammad ibn al-Ḥabīb. Beliau juga mengambil ijazah tarekat tersebut daripada Mawlānā Aḥmad ibn Muṣṭafā al-'Alawiy.⁸⁶⁷ Setelah sekian lama belajar dengan gurunya itu di Morocco, beliau telah diperintahkan supaya kembali ke tanahair dan menyebarkan dakwah Islamiah dan tarekat *Darqāwiyyah*. Usaha gigih al-Saykh 'Abd al-Qādir al-Şūfiy ini telah berjaya membawa hasil yang baik di mana beliau telah berjaya mengIslamkan ramai orang Inggeris di United Kingdom, Amerika Syarikat dan juga bangsa-bangsa lain di seluruh dunia, termasuklah di Afrika Selatan. Di Afrika Selatan, beliau mempunyai sebuah pusat dakwah. Beliau menggunakan kepakarannya sebagai seorang penulis profesional untuk menyebarkan dakwah

⁸⁶⁷ *Ibid.*

Islamiah melalui penulisan buku-buku dalam bahasa Inggeris, di samping pengajaran-pengajaran atau kuliah-kuliah ilmu dan juga menerusi pengembaraan ke seluruh dunia. Antara buku-buku karangan al-Saykh ‘Abd al-Qādir al-Şūfiy al-Murābiṭ ialah *The Hundred Steps*. Buku ini telah dijadikan bahan bacaan dan perbincangan oleh warga tarekat *Darqāwiyyah* yang mengambil tarekat tersebut menerusi al-Saykh ‘Abd al-Qādir al-Şūfiy.

Al-Saykh ‘Abd al-Qādir al-Şūfiy adalah seorang pendakwah yang sangat gigih, kuat bekerja, mempunyai keyakinan yang amat tinggi terhadap Islam dan mempunyai hubungan dan jaringan dakwah yang baik di seluruh dunia, termasuklah Malaysia. Dalam konteks Malaysia, al-Saykh ‘Abd al-Qādir al-Şūfiy telah datang melawat negara ini beberapa kali, termasuklah lawatannya pada tahun 2000 di mana beliau telah menjadi tetamu Kerajaan Malaysia. Dalam lawatannya itu, beliau telah dianugerahkan Doktor Falsafah Kehormat daripada Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Beliau adalah antara tokoh agama yang telah banyak mendorong usaha-usaha ke arah mewujudkan dan menghidupkan semula penggunaan mata wang Dinar Emas sebagai mata wang alternatif bagi perdagangan dunia yang akhirnya mendapat dokongan daripada Kerajaan Malaysia semasa pimpinan bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Setelah menamatkan pengajiannya di United Kingdom dan mendapat restu daripada al-Saykh ‘Abd al-Qādir al-Şūfiy, Sidi Omar Azman bin Amir Hasan telah kembali ke Malaysia pada tahun 1978 dan menyebarkan dakwah Islamiah dan pengajaran tarekat *Darqāwiyyah* di Malaysia. Semenjak itu, tarekat *Darqāwiyyah* ini mula berkembang walaupun pada saiz yang sangat sederhana tetapi secara konsisten.

Dalam konteks Malaysia, tarekat *Darqāwiyyah* bergerak dalam satu sistem yang baik. Di Malaysia, jaringan tarekat *Darqāwiyyah* yang tersebar menerusi al-Syaykh ‘Abd al-Qādir al-Şūfiy ini belum mempunyai seorang Syaykh yang bertaraf *Khalīfah*.⁸⁶⁸ Yang ada ialah beberapa orang *Amīr* dan *Muqaddim*. *Amīr* ialah seorang pemimpin kecil atau wakil guru dalam tarekat *Darqāwiyyah* yang berperanan menjaga kebajikan sosial anggota-anggota tarekat *Darqāwiyyah*. Antara peranan *Amīr* ialah memberikan *bay’ah* tarekat *Darqāwiyyah* kepada anggota yang baru menyertainya, menunaikan tanggungjawab dakwah, menjaga urusan ekonomi dan kewangan anggota dan kumpulan tarekat *Darqāwiyyah*, mengendalikan urusan-urusan berkaitan pendidikan dan tarbiah dan juga menjaga kebajikan umum seluruh anggota tarekat *Darqāwiyyah* secara menyeluruh.⁸⁶⁹

Sementara *Muqaddim* pula ialah adalah pemimpin peringkat yang lebih tinggi sedikit dalam organisasi tarekat *Darqāwiyyah*. Secara umumnya, *Muqaddim* berperanan memberikan izin zikir, memimpin majlis-majlis zikir, mengajar ilmu untuk anggota tarekat *Darqāwiyyah* dan berperanan memberikan nasihat-nasihat kepada para *Amīr*.⁸⁷⁰

Berhubung dengan kegiatan anggota tarekat *Darqāwiyyah*, maka secara umumnya ia terbahagi kepada tiga; program mingguan, program bulanan dan program tahunan. Program mingguan biasanya berupa majlis-majlis zikir dan

⁸⁶⁸ Ulama bersepakat memberikan pengertian *khilāfah* kepada kepimpinan *dawlah Islāmiyyah* atau kepada kerajaan Islam (*hukūmah Islāmiyyah*). Dengan ini ia adalah perkataan yang sama makna dengan perkataan *al-imāmah* dan *al-imārah*. Maka, *khalīfah* adalah gelaran yang digunakan untuk orang yang memegang jawatan kepimpinan kaum Muslimin. Lihat al-Mardāwiyy, al-Ustādh Maḥmūd, *al-Khilāfah Bayn al-Tanqīr wa al-Taṭbīq*, t.t.p., 1983, h. 15. Tetapi dalam konteks tasawuf *Khalīfah* bererti seorang guru tasawuf yang telah mendapat tauliah memimpin sekumpulan murid menuju jalan Allah.

⁸⁶⁹ Temubual dengan Sidi Shamsuddin Idris, *Muqaddim* tarekat *Darqāwiyyah*, di Serdang pada 29 Ogos 2004.

⁸⁷⁰ Temubual dengan Sidi Shamsuddin Idris, Serdang, pada 29 Ogos 2004.

kelas-kelas ilmu yang diadakan di rumah-rumah ahli anggota tarekat *Darqāwiyyah* secara bergilir-gilir. Majlis seumpama ini juga dibuat secara bulanan menurut keperluan. Sementara program tahunan diadakan sempena menyambut musim *hawl* untuk al-Saykh Mawlāyā Ibn ‘Arabiyy ibn Aḥmad al-Darqāwi yang diadakan pada setiap tahun di Afrika Selatan.⁸⁷¹

Dalam perkembangan yang berasingan, terdapat juga seorang penyebar tarekat *Syādhiliyyah Darqāwiyyah* iaitu seorang guru agama di Maahad al-Tarbiyah al-Islamiyyah, Derang, Pokok Sena, Kedah. Beliau ialah Tuan Guru Hj. Ahmad Fahmi Zam Zam al-Banjariy al-Nadawiy al-Malikiy yang pernah belajar di India, Syria dan Mekah. Beliau yang berasal daripada Kalimantan, Indonesia ini mengambil *bay’ah* tarekat ini daripada gurunya Sidi Aḥmad Fathū Allāh al-Jāmiy, dari Mar‘asy, Turki. Tarekat *Syādhiliyyah Darqāwiyyah* yang diamalkan dan disebarluaskan oleh Tuan Guru Hj. Ahmad Fahmi Zam Zam ini berasal daripada Sidi al-Saykh Nadīm al-Syahābiy, seorang ulama Turki.⁸⁷² Susur galur tarekat *Syādhiliyyah Darqāwiyyah* juga berakhir dengan al-Saykh Mawlāyā Ibn ‘Arabiyy ibn Aḥmad al-Darqāwi, di Morocco pengasas tarekat *Syādhiliyyah Darqāwiyyah* dan seterusnya melalui al-Saykh Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandariy di Mesir, pemimpin ketiga tarekat *Syādhiliyyah*.

Tuan Guru Hj. Ahmad Fahmi Zam Zam menyebarkan tarekat *Syādhiliyyah Darqāwiyyah* menerusi beberapa buah bukunya dan menerusi *ḥalaqah* ilmu. Antara buku beliau ialah buku berjudul *Bekal Akhirat* yang merupakan himpunan

⁸⁷¹ Temubual dengan Sidi Shamsuddin Idris, Serdang, pada 29 Ogos 2004.

⁸⁷² Temubual menerusi telefon dengan Ustaz Hj. Fahmi Zam Zam, Sungai Petani, Kedah, pada 7 Oktober 2004.

bacaan surah pilihan, zikir-zikir, *hizb*, *salawāt*, doa, *qaṣīdah*, wirid dan tarekat.⁸⁷³ Beliau juga mempunyai sebuah buku lain berjudul *al-Awā'il al-Zamzamiyyah* dalam bahasa Arab yang menghimpunkan beberapa kitab dan bidang ilmu yang pernah dipelajari berserta ijazah sanad yang beliau perolehi termasuklah sanad-sanad *kutub sittah* dalam bidang *hadīth*.⁸⁷⁴ Berhubung *halaqah* ilmu pula, beliau menyajikan beberapa siri pengajian termasuk petikan *al-Hikam*, *tazkirah* dan *zikir*. Beliau menyebarkan ilmu, berdakwah dan menyebarkan tarekat ini di Malaysia dan juga di Indonesia di mana beliau sering berulang alik ke Indonesia untuk tujuan tersebut dari semasa ke semasa.⁸⁷⁵ Berdasarkan kepada kedua-dua buku yang disebut sebelum ini, dapat difahami bahawa beliau banyak mengambil pelbagai ijazah dan sanad ilmu serta memberikan pula ijazah sanad ilmu-ilmu yang dimilikinya, termasuk *bay'ah* tarekat *Syādhiliyyah* kepada murid-muridnya yang berkelayakan. Keistimewaan yang nyata pada Tuan Guru Hj. Ahmad Fahmi Zam Zam ialah bahawa beliau menghimpunkan dua ilmu yang jarang dimiliki oleh seorang ahli sufi, iaitu ilmu *hadīth* dan ilmu tarekat.

4.4 KESIMPULAN

Setelah dipaparkan kedua-dua medium dakwah al-Saykh Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandariy iaitu kitab *al-Hikam* dan tarekat *Syādhiliyyah*, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa *manhaj* dakwah beliau mempunyai pengaruh yang besar terhadap perkembangan dakwah dalam masyarakat Islam di Malaysia, terutama

⁸⁷³ Ahmad Fahmi Zam Zam (2004), *Bekal Akhirat*, Derang (Kedah): al-Khazānah al-Banjariyyah, Maahad al-Tarbiyah al-Islamiyyah, Derang, Pokok Sena, Kedah.

⁸⁷⁴ Ahmad Fahmi Zam Zam (2004), *al-Awā'il al-Zamzamiyyah*, Derang (Kedah): Maahad al-Tarbiyah al-Islamiyyah, Derang, Pokok Sena, Kedah.

⁸⁷⁵ Temubual menerusi telefon dengan Ustaz Hj. Fahmi Zam Zam, Sungai Petani, Kedah, pada 7 Oktober 2004.

dalam sektor penghayatan nilai-nilai kerohanian yang merupakan salah satu paksi utama dalam agama atau apa yang disebutkan sebagai tasawwuf. Besarnya pengaruh *manhaj* dakwah al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy seperti yang terkandung dalam kitab *al-Hikam* terserah sekali apabila ia telah mendapat sambutan yang sangat baik dalam masyarakat Islam di Malaysia. Ini telah dibuktikan dengan terdapat banyaknya usaha-usaha yang telah dicurahkan oleh ulama tempatan untuk menyebarkan ajaran al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy menerusi karya-karya yang berasaskan kitab *al-Hikam* sama ada ia bercorak karya terjemahan, huraihan ringkas mahupun huraihan yang panjang lebar sebagaimana yang telah dinyatakan nama-nama judul karya tersebut dan nama pengarangnya sebelum ini. Usaha-usaha ulama Melayu tradisional telah mendapat sambutan dalam masyarakat apabila karya-karya tersebut digunakan secara meluas dalam sistem pendidikan agama terutamanya sistem pengajian tradisi atau sistem pondok. Sementara karya-karya moden berasaskan kitab *al-Hikam* pula mendapat sambutan dan dibaca oleh masyarakat Islam hari ini secara berterusan. Kekerapan bilangan cetakan karya-karya yang berasaskan kitab *al-Hikam* ini dapat membuktikan kenyataan ini. Seperkara lain yang harus ditegaskan ialah kenyataan bahawa -secara sedar atau tidak- ramai pengikut-pengikut tarekat selain daripada tarekat *Syādhiliyyah* telah mengamalkan ajaran doktrin tarekat *Syādhiliyyah* yang dicernakan oleh al-Syaykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy menerusi kitab *al-Hikam* atau paling tidak mereka telah memanfaatkan ajaran-ajaran tersebut dalam kehidupan mereka. Ini dapat dibuktikan oleh penggunaan kitab ini secara meluas di institusi-institusi pengajian pondok di negara ini yang terkenal dengan tarekat bukan *Syādhiliyyah* seperti kebanyakan pondok-pondok di negeri Kelantan, seperti Pondok Pasir Tumbuh, Pondok Bukit Abal, Pondok

Bunut Payung dan lain-lain yang lebih terkenal dengan tarekat bukan *Syādhiliyyah*.

Sementara tarekat *Syādhiliyyah* yang merupakan medium kedua bagi dakwah al-Saykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy juga membuktikan pengaruh *manhaj* dakwah beliau apabila didapati bahawa tarekat ini mendapat tempat di hati sebilangan pencinta tasawwuf di Malaysia. Sebahagian masyarakat Islam di Malaysia telah menerima baik tarekat *Syādhiliyyah* dan mengamalkan ajarannya. Walaupun dari segi saiz, perkembangannya dan sambutan terhadapnya masih boleh diperhitungkan sebagai agak terhad, namun keupayaannya meletakkan dirinya dalam senarai tujuh tarekat yang paling popular di Malaysia membuktikan keutuhan pengaruh tersebut. Dalam keadaan di mana kedua-dua medium dakwah al-Saykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy itu diintegrasikan, ia telah memperkuuhkan pengaruh *manhaj* dakwah beliau di Malaysia.